

SIRI SEJARAH NUSANTARA

sejarah  
**SABAH**

oleh  
HAJI BUYONG ADIL

082853

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
KUALA LUMPUR  
1981

KK. 291-2386 0101

diselenggarakan oleh  
SHAARI BIN YUSOF  
BAHAGIAN BUKU PELAJARAN  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

11  
95-22  
221

CETAKAN PERTAMA 1981  
© HAKCIPTA TUAN HAJI BUYONG ADIL, 1981

279860  
APB

DICETAK OLEH  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KUALA LUMPUR  
HARGA \$4.00

23 NOV 1982  
Perpustakaan Negara

## **KATA PENGANTAR**

SEJARAH SABAH ialah sebuah lagi buku sejarah yang diterbitkan di bawah SIRI SEJARAH NUSANTARA. Sehingga kini Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan buku Sejarah Perak, Sejarah Selangor, Sejarah Melaka, Sejarah Johor, Sejarah Pahang, Sejarah Trengganu dan Sejarah Sarawak, yang ditulis oleh Allahyarham Tuan Haji Buyong Adil.

Saya mengucapkan tahniah di atas usaha dan minat Allahyarham Tuan Haji Buyong Adil yang semasa hayatnya begitu tekun menyusun dan mengarang siri buku-buku Sejarah bagi negeri-negeri di Malaysia.

Buku ini menceritakan Sejarah Sabah dalam tiga zaman iaitu dalam masa pemerintahan British, pemerintahan Tentera Jepun dan di bawah pemerintahan kerajaan Malaysia. Pengarang juga telah memperlihatkan perjuangan Bumiputera Sabah menentang penjajahan dan memperjuangkan kemerdekaan negeri mereka. Di samping pergerakan politik, beberapa aspek perkembangan ekonomi dan sosial turut dibicarakan oleh penulis. Semoga dengan terbitnya buku ini akan menggalakkan lagi usaha untuk menulis berbagai aspek tentang Sejarah tanah air.

**DATUK HAJI HASSAN AHMAD**  
Ketua Pengarah  
Dewan Bahasa dan Pustaka

14 Julai 1980



# KANDUNGAN

Muka Surat

## Kata Pengantar

### Bahagian 1: ZAMAN BRITISH

William Pryer Di Sandakan.....	6
Perang Padas Damit 1888—1889 .....	13
Perang Melawan Mat Saleh 1894—1900.....	15
Mat Saleh Menyerang Pulau Gaya .....	18
Pertempuran di Ranau.....	19
Perjanjian Di Menggatal.....	23
Mat Saleh di Tambunan.....	24
Pertempuran Di Tambunan.....	26
Mat Saleh Terbunuh.....	28

### Bahagian 2: ZAMAN JEPUN

Sabah Diduduki Oleh Tentera Jepun .....	37
Pemerintahan Tentera Jepun .....	37
Pasukan Gerila Kinabalu.....	41
Pemberontakan 10 Oktober 1943 .....	43
Serangan ke Kota Kinabalu .....	44
Jepun Menyerang Lagi .....	45
Tamatnya Pemberontakan Menentang Jepun .....	46
Sabah Dibebaskan .....	47
Sabah Sebagai Crown Colony 1946—1949.....	50
Kemajuan Dalam Pembangunan Semula .....	57
Perubahan Perlembagaan.....	63

**Bahagian 3: SABAH DI DALAM MALAYSIA**

Cadangan Menubuhkan Malaysia.....	67
Jawatankuasa Perpaduan Malaysia dan Suruhanjaya Cobbold .....	68
Perikatan Sabah.....	72
Pilihanraya.....	73
Perubahan Dalam Pemerintahan.....	73
Pemberontakan di Berunai, Penentangan Indonesia dan Tuntutan Filipina.....	75
Pemberontakan Berunai.....	75
Penentangan Indonesia.....	77
Sabah Mencapai Kemerdekaan.....	78
Perisytiharan Penubuhan Malaysia.....	78
Perhimpunan Dewan Undangan Negeri.....	79
Sabah Dalam Malaysia.....	80
Konfrantasi Indonesia.....	81
Perubahan Dalam Pemerintahan.....	83
Singapura Terpisah Dari Malaysia.....	84
Kesan Perpisahan Singapura Ke atas Sabah....	85
Kemajuan Di Sabah.....	86
Bahan-bahan Rujukan.....	88

**BAHAGIAN PERTAMA  
ZAMAN BRITISH**





## ZAMAN BRITISH

Dalam pertengahan Kurun Masihi yang kesembilan belas, walaupun kerajaan British mengambil berat melindungi perniagaannya di sebelah timur, tetapi mereka belum tertarik hati untuk memiliki jajahan takluk di Borneo. Tetapi apabila Amerika Syarikat menunjukkan minatnya terhadap Borneo, kerajaan British mula curiga. Pada tahun 1865, Amerika Syarikat telah membuat perjanjian dengan Sultan Berunai, Sultan Abdul Mu'min lalu meletakkan seorang konsulnya di Berunai. Konsul ini bernama Charles Le Moses.

Menurut perjanjian dengan Sultan Abdul Mu'min, kerajaan Amerika Syarikat telah dapat memajak tiga buah daerah di bahagian utara negeri Sabah yang di bawah takluk Sultan Berunai dan baginda menerima wang tiap-tiap tahun dari kerajaan Amerika Syarikat sebanyak £9,000. Daerah-daerah pajakan itu kemudiannya diserahkan oleh Amerika Syarikat kepada sebuah syarikat Amerika Syarikat di Hong Kong bernama "The American Trading Company of Borneo". Dalam bulan November tahun 1865 itu juga Joseph W. Torrey, pengarah syarikat "The American Trading Company of Borneo" di Hong Kong telah diperkenankan oleh Sultan Abdul Mu'min memerintah daerah-daerah yang telah dipajakkan itu dan baginda telah memberi gelaran kepada Joseph W. Torrey "Raja" Ambong dan Marudu yang digelar juga "Seri Maharaja" bagi negeri Sabah (North Borneo).

Joseph W. Torrey telah datang ke Sabah dan tinggal di muara Sungai Kimanis dan Sultan Berunai menganugerahkan kepadanya kuasa menghukum bunuh orang yang membuat salah di tempat itu, membuat mata wang mengadakan undang-undang dan lain-lain kuasa serta hak seperti seorang pemerintah yang berdaulat. Pada

masa itu di Kimanis telah ada enam puluh orang Cina dan dua belas orang Amerika yang tinggal di sebuah kawasan di situ.

Tempat di muara Sungai Kimanis yang didiami oleh Joseph W. Torrey itu dinamakannya "Ellena" dan dia telah mendirikan beberapa buah rumah dan bangsal serta sebuah pangkalan (jeti) untuk peniaga-peniaga turun naik ke tempat itu. Tetapi akhirnya, setelah mendiami tempat itu selama lebih kurang dua puluh tahun, pada tahun 1886 Torrey pun meninggalkan tempat itu dan tidak pernah lagi datang ke situ.

Apabila Charles Lee Moses, Konsul Amerika Syarikat yang tinggal di Berunai tidak dapat menerima wang yang dimintanya dari Sultan Berunai kerana hendak mengganti rumahnya yang telah terbakar, Moses pun bertolak meninggalkan Berunai pada tahun 1867. Pada masa itu ada sebuah syarikat bernama "Labuan Trading Company". Pemegang saham utama dalam kompeni itu ialah Carl Schomburg serta dua orang lagi bernama kapten John Rose dan William Clark Cowie seorang bangsa Scots.

(William Clark Cowie itu bersahabat baik dengan Sultan Sulu, dan Sultan Sulu telah memberi kebenaran kepada William Clark Cowie membuat sebuah pangkalan di pantai pelabuhan Sandakan di negeri Sabah. Tidak lama kemudian William Clark Cowie telah meninggalkan "Labuan Trading Company" lalu datang ke pantai timur negeri Sabah menjadi seorang peniaga yang berpusat di Sandakan dan berkongsi dengan Sultan Sulu. Pada masa itu juga seorang konsul kerajaan Austria di Hong Kong bernama Baron von Overbeck telah tertarik hati hendak membeli daerah-daerah yang dipajak oleh Joseph W. Torrey di Sabah itu. Sementara itu dalam tahun 1872, William Clark Cowie yang tinggal di pantai pelabuhan Sandakan telah dapat memajak daerah Sandakan dari Sultan Sulu.

Pada tahun 1874, Baron von Overbeck dari Hong Kong telah pergi ke England. Di London, ia telah berkongsi dengan Count Mengelas, seorang diplomat Austria di Kedutaan Austria di Britain dan dengan seorang Ingeris bernama Mitford (kemudiannya bergelar Lord Redsdale). Setahun kemudian Baron von Overbeck telah membeli semua hak-hak pajakan Joseph W. Torrey yang diperolehnya dari Sultan Berunai itu. Kemudian Baron von Overbeck bersama-sama dengan Joseph W. Torrey telah pergi ke Berunai menghadap Sultan Berunai menentukan persetujuan baginda menge-

nai hak-hak yang telah dibelinya dari Torrey. Setelah selesai kerjanya di Berunai, Baron von Overbeck pergi lagi ke London lalu berjumpa dengan seorang yang bernama Alfred Dent, iaitu ketua sebuah firma bernama Dent Brothers kerana Overbeck hendak mendapatkan wang dari Alfred Dent. Alfred Dent telah bersetuju memberi wang pendahuluan kepada Baron von Overbeck sebanyak £10,000 lalu menyuruh Overbeck menjalankan rancangannya ke Borneo. Dari London, Baron von Overbeck pergi ke Singapura bersama-sama tiga orang pegawainya bernama William Pryer, William Pretymen dan H.L. Leicester. Di Singapura, Baron von Overbeck telah menyewa sebuah kapal kecil bernama "American" dan dengan kapal itu ia bersama-sama dengan Joseph W. Torrey berlayar menuju ke Labuan.

Baron von Overbeck dengan Joseph W. Torrey telah sampai ke Labuan pada 16 Disember tahun 1877. Mereka telah berjumpa William Hood Treacher, Gabenor Pulau Labuan dan juga Konsul Agung British bagi Borneo lalu berunding dengan gabenor itu tujuan mereka hendak pergi berjumpa Sultan Berunai untuk menubuhkan sebuah kompeni yang akan mengeluarkan hasil-hasil di negeri Sabah.

Banyaklah perkara yang telah dicakapkan oleh William Hood Treacher kepada Baron von Overbeck berkenaan dengan tujuan ia hendak berjumpa dengan Sultan Berunai dan hendak menubuhkan sebuah kompeni itu. Antara lain Treacher menyatakan kompeni yang akan ditubuhkan itu hendaklah bercorak kompeni British; dan daerah-daerah yang akan dipunyai oleh kompeni itu di negeri Sabah tidak boleh diberikan kepada bangsa lain melainkan dengan persetujuan kerajaan British.

Baron von Overbeck telah sampai ke Berunai pada 29 Disember tahun 1877. Sultan Abdul Mu'min, Sultan Berunai telah membuat surat perjanjian dengan Baron von Overbeck dan Alfred Dent yang masih berada di Hong Kong. Sultan Abdul Mu'min telah memperkenankan Sir Alfred Dent dan Baron von Overbeck berkuasa penuh di sebahagian daripada wilayah Borneo Utara (Sabah). Sultan Abdul Mu'min telah melantik Baron von Overbeck menjadi "Maharaja" negeri Sabah dan baginda telah menganugerahkan wilayah dari Teluk Gaya di sebelah barat sampai ke Sungai Sibuco di sebelah timur. Pangeran Temenggung Berunai telah menganugerahkan

wilayah lembah Sungai Kimanis dan Sungai Benom kepada Baron von Overbeck dan Alfred Dent dengan segala kuasa hak kedaulatannya, iaitu wilayah yang luasnya kira-kira 28,000 batu persegi termasuk sepanjang 900 batu pantai Borneo Utara (Sabah) dan mereka membayar kepada Sultan Berunai sebanyak \$15,000 (Sultan \$12,000 dan Temenggung \$3,000) setiap tahun. Sultan Berunai telah menggelar Baron von Overbeck "Maharaja Sabah dan Raja Gaya dan Sandakan".

Pada awal tahun 1878, Baron von Overbeck bersama-sama dengan William H. Treacher dan Joseph W. Torrey telah pergi ke Pulau Sulu berjumpa sultan Sulu. Sultan Sulu telah membuat surat perjanjian menyerahkan kepada Baron von Overbeck semua wilayah yang dipunyai olehnya di Sabah, iaitu daerah dari Sungai Sibucu sampai ke Sungai Pandasan dan Sultan Sulu menerima wang tiap-tiap tahun sebanyak \$5,000. Overbeck telah digelar oleh Sultan Sulu "Datu Bendahara dan Raja Sandakan" di bawah perintah Sultan Sulu. Perjanjian itu dibuat pada 22 Januari 1878. Setelah dibuat surat perjanjian dengan Sultan Sulu, Baron von Overbeck (Maharaja Sabah) pun pergi ke Sandakan. Sampai di Sandakan, Baron von Overbeck, Maharaja Sabah, telah melantik rakannya William Pryer menjadi "Residen" yang pertama di Sandakan. Selepas itu Baron von Overbeck pun bertolak ke Singapura.

### **William Pryer di Sandakan**

William Pryer ialah orang yang terkemuka sekali dalam sejarah Borneo Utara (Sabah). Dialah orang yang mula-mula menubuhkan bandar Sandakan. Layaklah ia diingati sebagai seorang yang terkemuka dalam satu rombongan kecil yang mula-mula sekali menjadikan Borneo Utara sebagai sebuah negeri yang aman tenteram seperti yang kita dapati sekarang. Dari mula negeri Sabah (Borneo Utara) dibuka oleh orang Inggeris, Baron von Overbeck telah mengadakan dasar-dasar pertadbiran ke atas bumiputera negeri itu dan dasar itu telah menjadi kemegahan bagi North Borneo Chartered Company hinggalah kompeni itu dimansuhkan.

William Treacher pula telah melantik William Pryer menjadi Wakil Konsular di samping jawatannya sebagai Residen Sandakan itu. Di samping itu William Pretyman yang telah diletakkan me-

merintah di Tempasuk telah mengalami juga pengalaman-pengalaman yang menarik perhatian, termasuk pengalamannya seorang diri menangkap seorang perompak yang ganas bernama Linte.

William Clark Cowie yang sepatutnya banyak memberi pertolongan kepada William Pryer telah meradang kerana Overbeck tidak mahu membeli sebuah kapalnya yang telah lama dan bocor. Cowie telah cuba membangkitkan kekacauan supaya William Pryer bergaduh dengan datu-datu di Pulau Sulu. Tetapi William Pryer yang bijaksana itu tidak mahu menimbulkan pergaduhan. Ia telah memberi wang kepada Cowie dan Cowie pun diam. William Pryer telah mengeluarkan perintah iaitu semua cukai kastam mestilah dibayar di Sandakan. Tetapi ketua-ketua orang Bajau tidak mahu menurut perintah itu. Oleh sebab itu, William Pryer telah menjemput ketua-ketua Bajau itu ke dalam satu majlis perundingan. Dalam perundingan itu William Pryer telah menyatakan kepada ketua-ketua Bajau betapa susahnyanya mereka dahulu yang selalu diserang oleh perompak-perompak laut dan orang-orangnya memotong leher dan mengambil kepala orang. Dalam bandar Sandakan hanya ada tujuh belas rumah dan orang-orang di situ pun sentiasa dalam ketakutan kena bunuh; dan kerajaan yang baharu di Borneo Utara (Sabah) ini akan menunjuk ajar mereka bagaimana cara mempertahankan diri sendiri.

Pada masa itu juga William Pryer telah mengatur satu pasukan yang terdiri daripada orang-orang Bajau dari beberapa buah kampung, lalu bersatu di bawah pimpinan kerajaan yang diketuai oleh William Pryer sendiri melawan perompak-perompak dan pemotong-pemotong kepala hingga habislah musuh-musuh itu lari. Apabila ketua-ketua Bajau melihat kebenaran kata William Pryer itu, mereka pun mengakui William Pryer sebagai raja pemerintah mereka dan British North Borneo Company sebagai kerajaan mereka. Semenjak itu negeri pun aman tenteram dan lima tahun kemudian orang-orang Cina dari negeri China seramai tiga ribu orang telah datang dan tinggal di Sandakan.

Pada 4 September tahun 1878, sebuah kapal orang Sepanyol telah datang ke Teluk Sandakan. Nakhoda kapal Sepanyol itu mengatakan kedatangannya untuk mengibarkan bendera Sepanyol di Sandakan. William Pryer telah membantah kehendak orang Sepanyol itu dengan mengatakan perbuatan itu tidak baik. Sambil

itu William Pryer mengumpulkan semua bumiputera Sandakan lengkap dengan senjata masing-masing. Melihat hal itu, orang Sepanyol pun bertolak meninggalkan Sandakan dan tiada datang-datang lagi ke Sandakan. Kawan-kawan William Pryer di London telah mengadukan hal perbuatan orang Sepanyol di Sandakan itu ke Pejabat Luar Negeri British yang telah membantah perbuatan orang Sepanyol itu ke Kedutaan Sepanyol di London.

Dalam tahun 1878 itu juga William Cowie, peniaga dari Borneo Utara itu telah dilantik menjadi seorang daripada pengarah British North Borneo Company. Alfred Dent telah berhenti memegang jawatan dalam kompeni itu. William Cowie telah menghantar seorang yang bernama Leicester P. Beaufort menjadi gabenor baharu ke British North Borneo (Sabah). Beaufort ialah seorang peguam yang tidak mempunyai apa-apa pengalaman mengenai negeri-negeri di sebelah Timur dan dalam hal pertadbiran. Pada masa inilah juga William Cowie telah membelanjakan wang yang banyak kerana membuat sebatang jalan raya dan mengadakan taligerap serta jalan keretapi dari Teluk Berunai sampai ke Pelabuhan Cowie. Oleh sebab wang kerajaan yang banyak dibelanjakan, Beaufort pun mengenakan beberapa jenis cukai baharu kepada penduduk Sabah. Akibatnya ramai penduduk negeri yang telah merungut.

Dalam bulan Jun tahun 1879 rumah William Pryer yang terletak di tepi Teluk Sandakan telah terbakar. Oleh sebab itu William Pryer pun pindah ke suatu tempat di pintu masuk ke pelabuhan Sandakan. Hutan-hutan di situ telah ditebas tebangnya lalu menjadi sebuah kampung baharu yang dinamakannya "Elopura" dan tempat itu menjadi bandar utama di North Borneo (Sabah). Orang-orang Cina dan bumiputera yang hendak mencari perlindungan telah pindah beramai-ramai ke situ. Dalam bulan Ogos tahun 1879 William Pryer telah menjalankan pula perniagaan menjual kayu-kayu balak dari Sabah ke luar negeri. Sejak itu Sabah menjadi penjual kayu-kayu balak ke luar negeri hingga sekarang.

Pada tahun 1879 ini juga dengan permintaan William Pryer, pihak British North Borneo Company telah melantik William Treacher menjadi Residen di "Elopura", dan dengan itu ia pun berhenti memegang jawatan gabenor Pulau Labuan. Hingga tahun 1880, di antara pihak yang membantah British North Borneo

**Company** mengambil negeri Sabah (North Borneo) ialah kerajaan Amerika Syarikat. Dalam bulan Februari tahun 1880, Commander Schufeldt dari angkatan tentera laut Amerika Syarikat bagi pihak kerajaannya telah menghantar bantahannya kepada W.H. Read (wakil Alfred Dent dan British North Borneo Company di Singapura) dan juga kepada Sultan Berunai. Dalam bantahannya itu Schufeldt mengatakan bahawa Amerika Syarikat tidak mengakui sahnya sultan Berunai memberikan atau memajakkan sebarang kawasan negerinya kepada sesiapa pun berdasarkan kepada surat perjanjian yang telah diperbuat antara Amerika Syarikat dengan Sultan Berunai pada tahun 1850. Bantahan dari pihak Amerika Syarikat itu telah dijawab oleh Sultan berunai dengan mengatakan bahawa baginda ialah seorang Raja yang berdaulat dan merdeka, dan baginda tidak ada membuat apa-apa perjanjian dengan Amerika Syarikat berkenaan dengan penyerahan wilayah baginda oleh baginda sendiri. Dengan jawapan Sultan Berunai itu, perkara itu pun tamat di situ sahaja.

Dalam bulan September tahun 1880, Baron von Overbeck, Count Montgelas dan Mitfort (Lord Redsdale) telah menyerahkan hak-hak mereka dalam British North Borneo Company kepada Alfred Dent dan tiga bulan kemudian iaitu dalam bulan Disember 1880 kerajaan British telah menyatakan keinginannya hendak memberikan surat piagam kepada British North Borneo Company.

Dalam bulan Mac tahun 1881 sebuah persatuan bernama "British North Provisional Association Limited" ditubuhkan dengan ahlinya seramai lapan puluh orang termasuk Alfred Dent, Sir Rutherford Alcock, Rear-Admiral Mayne dan W.H. Read. Persatuan itu juga telah melantik William Hood Treacher menjadi Gabenor Borneo Utara (Sabah). Pada bulan November tahun 1881 kerajaan British dengan rasminya telah memberikan surat piagam kepada "British North Borneo Provisional Assosiation Limited" yang memerintah di Borneo Utara (Sabah). William Treacher yang telah dilantik menjadi gabenor pertama di British North Borneo (Sabah) telah mendirikan pejabatnya yang pertama di Pulau Labuan dalam bulan Ogos 1881. Tetapi dia tidak boleh tinggal lama di Pulau Labuan kerana pada masa itu Pulau Labuan ialah jajahan kemahkotaan Diraja British atau crown colony kerajaan British.

William Treacher sebenarnya dipinjamkan oleh kerajaan British



kepada British North Borneo Company selama lima tahun; tetapi ia telah memegang jawatan gabenor Borneo Utara itu selama lima tahun iaitu dari tahun 1882-1887. Dalam bulan Mei tahun 1882 "British North Borneo Company" telah ditubuhkan dan mengambil semua kuasa yang ada pada "British North Borneo Provisional Association Limited". Sir Rutherford Alcock telah dilantik menjadi presiden Kompeni yang baharu ditubuhkan itu dan Alfred Dent menjadi pengarah urusannya (managing director). Pada masa yang sama kerajaan British telah memberi surat piagam kepada British North Borneo Company. Surat piagam ini memberi kuasa kepada Kompeni mengambil semua kuasa mengenai North Borneo (Sabah) yang ada pada "British North Borneo Provisional Association Limited". British North Borneo itu hendaklah tetap menjadi kompeni orang British; tidak boleh memindahkan sebarang kuasanya kepada bangsa lain tanpa kebenaran kerajaan British. Kompeni hendaklah menghapuskan perhambaan yang masih ada di Borneo Utara dan tidak boleh sekali-kali mencampuri hal ehwal agama dan adat istiadat bumiputera. Kompeni juga mesti meminta nasihat daripada kerajaan British jika layanan Kompeni ke atas bumiputera tidak disetujui ataupun berkenaan dengan perhubungan dengan kuasa-kuasa asing. Perlantikan ketua wakil di Borneo pun mestilah kebenaran kerajaan British juga.

Apabila surat piagam tahun 1882 itu diberikan oleh kerajaan British kepada British North Borneo Company, William Treacher pun berpindah ke Kudat. Treacher berharap hendak menjadikan Kudat sebuah pelabuhan besar yang boleh menjalankan perniagaan dengan negeri China dan juga perniagaan di pantai laut Borneo; tetapi tidak lama kemudian didapatinya lebih baik rancangan itu dijalankan di Sandakan. Oleh sebab itu dalam tahun 1884 Treacher pun memindahkan ibu negeri Borneo Utara itu ke Sandakan.

Pada tahun 1883 pasukan polis di Borneo Utara yang terdiri daripada orang-orang India, terutama Benggali Sikh telah ditubuhkan di bawah seorang pegawai yang mahir bernama De Fontaine. Dalam tahun 1884 itu juga pasukan polis Borneo Utara telah bertempur dengan satu pasukan orang-orang Sulu di bawah pimpinan seorang ketua bernama Pangeran Samah. Pasukan orang-orang Sulu itu telah menutup jalan-jalan hendak pergi ke gua-gua batu Gomantong tempat perusahaan sarang burung yang dikawal

oleh kerajaan. Apabila pasukan peronda polis pergi hendak membuka jalan itu, mereka telah ditembak oleh orang-orang Sulu dan berlakulah pertempuran. Dalam pertempuran itu orang-orang Sulu telah dikalahkan oleh pasukan polis dan Pangeran Samah mati terbunuh. Dalam tahun 1885 berlaku pula satu kekacauan di sebuah kampung orang Bajau bernama Kampung Kawang. Pada masa De Fontaine membawa pasukannya pergi ke kampung itu mereka telah diserang oleh orang-orang Bajau. Dalam pertempuran itu De Fontaine serta empat orang ahli pasukannya telah terbunuh. Di tempat itu telah didirikan sebuah batu peringatan yang tertulis nama-nama orang yang telah terbunuh itu. Batu peringatan itu boleh lagi dilihat sekarang ini dekat perhentian keretapi Kawang.

Pada bulan Mac tahun 1885, England, Jerman dan Sepanyol telah menandatangani satu surat perjanjian. England dan Jerman telah mengakui kedaulatan Sepanyol di Pulau Sulu dan Sepanyol pun telah menggugurkan semua tuntutan ke atas negeri Sabah (North Borneo). Apabila Sultan Berunai dan Sultan Sulu memberikan kawasan tanah di negeri Sabah kepada British North Borneo Company, tidak dimasukkan beberapa buah sungai dalam negeri itu terutama sungai-sungai dalam daerah dari Teluk Berunai hingga ke Tempasuk. Ini disebabkan sungai-sungai itu diperintah dengan merdeka oleh beberapa orang pembesar dan Datuk-datuk di Berunai sebagai harta pesaka mereka.

William Treacher berazam hendak mendapatkan kawasan itu seberapa banyak yang boleh kerana sungai-sungai itu banyak mendatangkan kerumitan kepada kerajaan. Di samping itu orang-orang yang melakukan kesalahan jenayah dalam negeri dengan mudah dapat melarikan diri ke sungai-sungai itu dan mereka tidak dapat ditangkap. Charles Brooke yang menjadi Raja Sarawak menggantikan bapa saudaranya Sir James Brooke yang meninggal dunia pada tahun 1868 telah mendatangkan kerumitan juga kepada kerajaan British North Borneo di Sabah, kerana Charles sangat memusuhi British North Borneo Company. Sebenarnya Charles pun ada bercita-cita hendak menjadi Raja bagi seluruh wilayah Borneo Utara.

William Treacher juga bercita-cita hendak mengalahkan "Raja Putih" di Sarawak itu. Pada tahun 1883 William Treacher telah membeli tempat yang bernama Pengalat di sebelah utara Papar dan

dalam tahun 1884 dibelinya pula kawasan Penampang-Putatan di Semenanjung Klias. Charles telah lama ingin mendapatkan tempat itu dan ia telah membantah hak William Treacher mendapatkan tempat-tempat itu. Charles dengan William Treacher memang telah bermusuhan sejak William Treacher di Pulau Labuan lagi. Pada tahun 1886 kerajaan British telah mengakui pembelian William Treacher tempat-tempat yang disebutkan itu dan diluluskan oleh undang-undang.

Pada tahun 1885 William Treacher telah dapat mengambil tempat yang bernama Mantanani tanpa apa-apa bantahan dari Charles Brooke. Tetapi dalam tahun itu juga apabila William Treacher membeli Kawang, Charles Brooke telah heboh dan telah pergi mengadu kepada Sultan Berunai mengatakan bahawa tuan punya tempat itu ialah seorang sahabatnya bernama Pangeran Rauf. Sultan Berunai tidak bersetuju dengan keterangan Charles Brooke itu dan Kawang tetap tinggal dalam tangan British North Borneo Company. Dalam pada itu Charles Brooke tidak pula ketinggalan. Tiga buah kawasan di Sungai Terusan, Sungai Baram dan di Sungai Limbang telah dimasukkan ke dalam kawasan negeri Sarawak dan kerajaan Berunai hampir-hampir dilenyapkannya.

Sejak William Treacher menjadi gabenor di Borneo Utara (Sabah) dia telah mengadakan asas bagi pemerintahan yang baik di negeri itu. Dia telah menambah tujuh buah pusat pemerintah di negeri itu dan meletakkan pegawai-pegawai bangsa Eropah memerintah di pusat-pusat itu. Dia juga mengaturkan supaya kapal-kapal dari Singapura datang ke pelabuhan-pelabuhan di negeri Sabah, mengatur pengiriman surat-surat dari Sabah ke Singapura dan juga rancangan membawa masuk orang-orang Cina dari negeri China ke Sabah dan tinggal di negeri itu. Rancangan membawa orang-orang Cina itu ditugaskannya kepada Sir William Medhurst.

Sungguhpun bendera "Union Jack" telah dikibarkan di Sandakan pada tahun 1878 dan surat piagam telah diberikan oleh kerajaan British kepada British North Borneo Company pada tahun 1888 baharulah kerajaan British mengiktiraf Negeri North Borneo (Sabah) sebagai sebuah negeri yang merdeka dan berhak mendapat perlindungan dan pimpinan dari kerajaan British. Selama sepuluh tahun (1878-1888), British North Borneo Company telah dapat menjalankan pemerintahannya di Negeri Sabah dan membuktikan

**bahawa** kompeni berkebolehan memerintah negeri itu dengan bijaksana. Tugas memerintah Sabah pada masa sepuluh tahun yang disebutkan itu ialah suatu pekerjaan yang berat.

Apabila British North Borneo Company memerintah negeri itu beberapa orang ketua Orang Sabah telah merungut dan mengatakan adakah kita patut diperintah oleh segelintir orang putih yang telah membuat surat perjanjian dengan Sultan Berunai dan Sultan Sulu? Orang putih itu tidak ada angkatan perang, tidak ada kapal dan bukan pula orang kaya; bahkan kerajaan mereka, kerajaan British itu pun tidak mengakui hak kekuasaan mereka di negeri ini. Apa sebab kita mesti menurut perintah mereka? Demikianlah sebahagian daripada bunyi rungutan ketua-ketua bumiputera di negeri Sabah itu.

Seorang pegawai British bernama W.M. Crocker telah menjadi pemangku gabenor sementara di negeri Sabah. Pada tahun 1888, negeri itu dijadikan negeri lindungan kerajaan British. Seorang pegawai British bernama C.V. Creagh telah menggantikan Crocker menjadi gabenor di North Borneo (Sabah).

### **Perang Padas Damit (November 1888-Mac 1889)**

Perang Padas Damit ini berpunca dari perselisihan mengenai sempadan di lembah Padas Damit. Padas Damit ialah sebuah sungai di semenanjung Klias. Apabila William Treacher membeli Klias pada tahun 1884, Padas Damit tidak dimasukkan, kerana Padas Damit dipunyai oleh puteri Sultan Berunai. Saudara lelaki kepada puteri itu bernama Pangeran Shahbandar, memerintah lembah Padas Damit sebagai wakil puteri itu. Ketika William Treacher mengambil Klias (1884) sempadan Padas Damit didapati tidak jelas. Apabila Pangeran Shahbandar datang hendak memungut cukai dari orang-orang yang tinggal di tebing-tebing sungai yang berdekatan dengan Padas Damit, orang-orang di situ tidak mahu membayar cukai dan mengatakan bahawa mereka di bawah perintah British North Borneo Company.

Pangeran Shahbandar tidak bersetuju dengan pengakuan mereka itu. Oleh sebab itu selalulah Pangeran Shahbandar datang menyerang ke kampung-kampung di situ. Ditawannya beberapa orang dari kampung-kampung itu, dan dilindunginya pula beberapa

orang yang telah melakukan kesalahan jenayah. British North Borneo Company telah cuba mendamaikan perkelahian itu. Perkara itu telah diadukan kepada Sultan Berunai. Tetapi Pangeran Shahbandar tidak pedulikan pengaduan itu. Hugh Low, Residen British di negeri Perak (bekas colonial secretary di Pulau Labuan) telah menawarkan jasa baiknya hendak mendamaikan perkelahian itu tetapi tawaran itu telah ditolak.

Pangeran Shahbandar telah mendirikan beberapa buah kubu di tepi sungai dan dia telah bertahan di kubu-kubunya itu. Akhirnya pada bulan Mac tahun 1889, Pangeran Shahbandar tidak mahu lagi berperang lalu menyerahkan Sungai Padas Damit itu kepada British North Borneo Company.

Pada tahun 1889, beberapa buah kawasan lagi telah dimasukkan ke dalam negeri Sabah (North Borneo). Kawasan yang penting ialah kawasan yang memanjang dari Sipitang ke Bongawan hingga ke daerah Tuaran. Pada masa itu undang-undang dan peraturan yang dijalankan oleh British North Borneo Company telah dikuatkuasakan hingga ke bahagian Padas dan ke kawasan Kuala Penyu. Bahkan dalam tahun 1889 ini juga, Pulau Labuan telah dimasukkan ke bawah perintah kerajaan Borneo Utara (Sabah).

Tempoh 1888-1889 ini ialah masa yang sibuk bagi pihak polis negeri Sabah kerana dalam masa inilah berlakunya gerakan menangkap seorang penjahat bernama Kandurong di pedalaman negeri Sabah. Perang Padas Damit berterusan lebih kurang selama empat bulan dan satu pembunuhan beramai-ramai dilakukan oleh orang-orang Murut di sempadan sebelah selatan membunuh lima puluh orang Dayak menyebabkan pasukan polis terpaksa menyerang dan membinasakan dua buah kampung Orang Dusun dan menyuruh mereka bersumpah serta mengadakan korban binatang dalam suatu istiadat di keliling sebuah batu. Tidak lama selepas itu baharulah dihantar sebuah angkatan pergi melawan orang-orang Murut di seberang sana Padas.

Dalam bulan Jun tahun 1890, Menteri Jajahan Takluk British telah mengeluarkan perintah supaya British North Borneo Company memerintah Pulau Labuan dan taraf bebas pelabuhan Labuan hendaklah dikekalkan juga. Pihak Belanda yang telah bertindak keras membantah British North Borneo Company mengambil negeri Sabah, pada tahun 1891 telah berhenti dan tidak membantah lagi

apabila Pengerusi British North Borneo Company, Sir Rutherford Alcock, mengemukakan satu cadangan tolak ansur antara pihak Belanda dengan British North Borneo Company.

Dalam tahun 1891 ini juga berlaku satu pembunuhan beramai-ramai yang dahsyat di pedalaman negeri Sabah iaitu di Sungai Kalabakan di sempadan Borneo yang diperintah oleh Belanda. Kerajaan Sabah telah menghantar satu pasukan polis diketuai oleh Raffles Flint (anak saudara Stamford Raffles) menangkap orang-orang yang telah melakukan pembunuhan itu. Tetapi apabila Raffles Flint sampai ke tempat itu dan melihat pembunuh-pembunuh itu melakukan pembunuhan, Raffles Flint pun ketakutan lalu bergopoh-gapah balik semula ke Sandakan. Pada tahun 1892, William Treacher yang telah berhenti menjadi gabenor Borneo Utara telah menubuhkan sebuah badan perniagaan kepunyaannya sendiri dan membuka sebuah ladang besar di suatu tempat dua belas batu di utara Sandakan. Malangnya ia telah jatuh sakit dan meninggal dunia.

### **Perang Melawan Mat Saleh 1894-1900**

Pada tahun 1894, William Clark Cowie dan gabenor Creagh telah menghadapi kekacauan yang sangat dahsyat di negeri Sabah, iaitu perang melawan seorang panglima yang sangat terkenal di Sabah bernama Mat Saleh. Mat Saleh ialah anak Datu Balu, seorang orang besar Sulu dan pemerintah daerah Sungai Sugut pada masa sebelum Sultan Sulu menyerahkan kawasan tanahnya di negeri Sabah kepada British North Borneo Company. Ibu Mat Saleh seorang perempuan yang berasal dari Sungai Inanam dan di Sungai Inanam itulah Mat Saleh menghabiskan masa mudanya.

Mat Saleh telah beristerikan seorang puteri Sulu bernama Dayang Bandang. Mengikut ceritanya Dayang Bandang ialah seorang perempuan ahli sihir yang tidak pernah menjejakkan kakinya ke tanah. Ke mana saja ia pergi ia diusung orang. Semua cakupnya diikuti oleh Mat Saleh. Mat Saleh ialah seorang peniaga di pantai timur Sabah. Dia seorang yang pandai dan mempunyai sifat-sifat seorang pemimpin. Kerajaan British North Borneo mula mendengar nama Mat Saleh pada tahun 1894, iaitu apabila seorang kerani di Pulau Jambangan mengadu kepada kerajaan mengatakan

Mat Saleh memungut cukai daripada orang-orang yang belayar hilir-mudik di Sungai Sugut, dan pengikut-pengikut Mat Saleh telah membunuh dua orang peniaga bangsa Dayak. Satu pasukan mata-mata Dayak dari Sandakan telah datang hendak menyasat hal Mat Saleh seperti yang diadukan orang itu. Tetapi Mat Saleh tidak mengaku ada kena-mengena dengan pembunuhan dua orang Dayak itu.

Dalam bulan Ogos tahun 1895, Mat Saleh membawa satu pasukan orang-orangnya lengkap bersenjata serta sekumpulan Datuk-datuk berkumpul di suatu tempat bernama Buli Sim-Sim dekat bandar Sandakan. Mat Saleh hendak berjumpa Gabenor Creagh. Tetapi pada masa itu gabenor itu telah pergi melawat ke Teluk Darvel. Mat Saleh telah berjumpa pegawai yang menjaga bandar Sandakan itu dan menerangkan kepada pegawai itu bahawa ia membantah laporan seorang kerani di Pulau Jambongan, Haji Otang namanya yang mengatakan Mat Saleh memungut cukai daripada orang-orang yang hilir mudik di Sungai Sugut, dan orang-orangnya dituduh membunuh dua orang peniaga bangsa Dayak. Semua itu telah dibantah oleh Mat Saleh dan Datuk-datuk yang datang itu pula telah membantah fasal cukai-cukai dan lesen perahu yang dikenakan ke atas mereka.

Pegawai itu tidak pedulikan pengaduan Mat Saleh dan Mat Saleh dituduh telah berbuat salah kerana membawa pengikut-pengikut bersenjata. Pegawai itu telah menyuruh Mat Saleh pulang dan bolehlah Mat Saleh mengemukakan bantahannya terhadap kerajaan mengikut cara yang benar. Akhirnya Mat Saleh dan pengikut-pengikutnya itu balik ke tempat mereka.

Pada 20 Ogos 1895 gabenor Creagh balik ke Sandakan dan menetapkan Datuk-datuk yang datang dengan Mat Saleh hendaklah diberi amaran. Tetapi Mat Saleh mesti ditangkap kerana kesalah-kesalahan yang telah dilakukannya. Pada masa itu baharulah diketahui bahawa sebenarnya Mat Saleh telah melindungi empat orang yang telah membunuh orang Dayak itu dan juga melindungi beberapa orang yang telah menyamun sebuah kedai di sebuah pulau dekat Sandakan.

Residen Barraut telah pergi ke Pulau Jambongan berjumpa Mat Saleh. Barraut menyuruh Mat Saleh menyerahkan orang-orang yang telah membunuh orang Dayak itu dan menyuruh Mat Saleh pergi

berjumpa gabenor di Sandakan untuk menjawab beberapa tuduhan yang dikenakan kepadanya. Mat Saleh telah menolak dan tidak mahu mengikut suruhan Barraut. Oleh sebab itu kampung Mat Saleh telah diserang oleh pihak Kerajaan, tetapi Mat Saleh dapat melepaskan diri. Di antara barang-barang yang diambil oleh pihak kerajaan di kampung itu termasuklah sebuah perahu Mat Saleh yang berhias sebagai perahu Diraja, serta dua buah payung sutera besar dan beberapa buah bendera yang telah bertulis dengan perkataan yang mengatakan bahawa Mat Saleh ialah penganjur orang-orang yang beragama Islam. Nampaknya Mat Saleh bercita-cita hendak menjadi Raja di tempatnya itu.

Mat Saleh menulis surat membantah keras perbuatan pihak kerajaan terhadap pihaknya itu dan menanyakan juga kenapa dia diserang. Mat Saleh telah balik semula mengumpulkan senjata dan pengikut-pengikutnya. Dalam bulan Ogos tahun 1896, apabila kerajaan semakin sedar akan bahaya ancaman Mat Saleh kerajaan pun mengeluarkan perisytiharan mengatakan Mat Saleh ialah seorang "pelanggar undang-undang". Kerajaan telah menghantar satu angkatan yang dipimpin oleh Raffles Flint untuk menangkap Mat Saleh.

Pasukan hadapan polis terdiri daripada orang Dayak yang dibawa oleh Raffles Flint telah diserang hendap oleh orang-orang Mat Saleh dekat tempat yang bernama Perancangan. Raffles Flint tidak berjaya menangkap Mat Saleh, bahkan dengan pontang-panting Raffles Flint telah melarikan diri hilir balik ke Sandakan. Sejak tersiarnya perisytiharan mengatakan Mat Saleh seorang pelanggar undang-undang, kerajaan British Borneo Utara pun melancarkan tindakan besar-besaran hendak membunuh Mat Saleh. Satu pasukan bersenjata pihak Inggeris telah dihantar ke ulu Sungai Sugut untuk membunuh Mat Saleh. Tetapi pasukan pihak Inggeris itu terpaksa balik ke Sandakan dengan hampa dan ramai anggota pasukan itu yang terbunuh dan cedera. Kemudian pihak Inggeris telah mendirikan sebuah kubu di muara Sungai Sugut, tetapi tidak juga dapat menangkap dan membunuh Mat Saleh serta para pengikutnya. Mat Saleh dan pengikut-pengikutnya telah menghilir ke muara Sungai Sugut lalu pindah ke ulu Sungai Labuk dekat Sandakan. Pihak Inggeris telah mengutus surat kepada Mat Saleh mengatakan "Jika Mat Saleh mahu keluar dari negeri Sabah, semua



kesalahannya diampunkan." Tawaran itu telah dijawab oleh Mat Saleh dengan membawa angkatan perangnya belayar ke pesisir barat dalam bulan Julai tahun 1897 lalu menyerang Pulau Gaya yang terletak bersetentang dengan bandar Sandakan.

### **Mat Saleh Menyerang Pulau Gaya**

Mat Saleh dengan angkatan perangnya telah datang menyerang Pulau Gaya pada bulan Julai tahun 1897. Dia telah membakar pulau itu, membunuh seorang mata-mata dan seorang banduan di pulau itu, melukakan beberapa orang dan menangkap seorang orang Inggeris bernama Neubronner, kerani di Pejabat Perbendaharaan di pulau itu serta mengambil semua wang, senapang dan peluru yang ada di pulau itu. Mat Saleh telah merampas segala yang dikehendakinya di Pulau Gaya dan membakar semua rumah yang ada di pulau itu. Bagaimanapun kampung Orang Bajau yang ada di pulau itu tidak dibinasakannya kerana Orang Bajau telah menolong Mat Saleh. Akhirnya Mat Saleh pun meninggalkan Pulau Gaya dengan membawa semua peniaga-peniaga Cina yang ada di Pulau itu balik ke Inanam. Serangan Mat Saleh ke Pulau Gaya menyebabkan kerajaan British Borneo Utara dan taukeh-taukeh Cina di Pulau itu kehilangan wang yang dianggarkan sebanyak \$100,000.

Seorang kerani bernama Katick telah lari meninggalkan pulau itu pergi ke Papar. Dari Papar, seorang polis bangsa Sikh telah berlari sejauh empat puluh batu pergi ke Mempakul dan dari situ diberitahu kepada Hewett, pemangku Residen Pantai Barat berkenaan dengan peristiwa serangan Mat Saleh yang telah berlaku di pulau Gaya itu.

Dengan segera Hewett naik kapal ke Pulau Gaya. Ia telah sampai ke Pulau Gaya pada 12 Julai 1897 dan didapati orang-orang Mengkabong sedang membakar beberapa tempat di situ sambil merampas segala barang-barang yang mereka kehendaki. Mereka telah membakar bangsal orang Cina dekat jeti pulau itu. Apabila melihat Hewett dan orang-orangnya datang, orang-orang Mengkabong pun lari masuk ke hutan-hutan di pulau itu. Hewett telah mengambil perahu-perahu mereka yang ada di tepi pantai dan dalam perahu-perahu itu didapati dengan penuh barang-barang rampasan. Oleh sebab marahkan perbuatan Mat Saleh dan orang-orangnya

melakukan pembinasaan di Pulau Gaya itu, Hewett pun melengkapkan angkatanannya lalu menyerang kampung kediaman Mat Saleh di Sungai Inanam. Dalam serangan di Sungai Inanam itu, pihak Hewett telah mendapat tentangan dari pihak Mat Saleh yang bertahan dalam kubu-kubu mereka yang kuat. Setelah datang bantuan dari Sandakan seramai lebih kurang seratus orang mata-mata, pegawai-pegawai dan penduduk negeri baharulah Mat Saleh dapat dikalahkan, tetapi Mat Saleh dapat juga lari melepaskan dirinya.

Setelah itu Mat Saleh telah mendirikan pula pusat kekuatannya dekat Ranau. Kubu yang didirikan oleh Mat Saleh di situ ialah sebuah kubu yang sangat kukuh dan askar-askarnya pun ramai pula.

### **Pertempuran di Ranau**

Setelah Mat Saleh mendirikan kubunya di Ranau kerajaan British Borneo Utara pun berazam hendak menyerang tempat itu. Kubu Mat Saleh di Ranau itu panjangnya 120 ela dan lebarnya 70 ela. Di kelilingnya dipancangkan buluh-buluh yang ditajamkan dan dijadikan seperti pagar yang disebut namanya "sudah". Dalam bulan Disember tahun 1897, satu angkatan pihak kerajaan Sabah yang mengandungi polis serta 250 orang Dusun dan Dayak, diketuai oleh Residen Sandakan telah bertolak menuju ke Ranau dengan membawa sebuah meriam besar dan 38 butir peluru shell. Bersamanya Residen Sandakan itu ialah Hewett, Ormsby dan Wise iaitu pegawai-pegawai pentadbir di Sandakan.

Pada 12 Disember 1897 kubu Mat Saleh di Ranau mula dikepung oleh pihak Inggeris dan saluran air masuk ke kubu itu dipotong. Serangan pertama ke kubu Mat Saleh itu dilakukan pada pukul 6.45 pagi, 13 Disember 1897 di bawah pimpinan Jones dan Wise. Pihak Inggeris yang menyerang itu telah dapat menembusi "sudah". Mereka pun masuk ke dalam kubu itu lalu membakar rumah-rumah yang ada dalam kubu itu dan berlakulah pertempuran. Dalam pertempuran itu Jones serta empat orang lagi pihak Inggeris telah mati terbunuh dan sembilan orang luka. Pihak Inggeris telah dikalahkan oleh pihak Mat Saleh lalu mereka pun berundur.

Dalam pada itu sebuah angkatan tentera laut Inggeris telah menyerang sebuah kampung bernama Kuala Lama, tempat berlindung seorang pengikut Mat Saleh bernama Tali yang baharu keluar

dari penjara. Tali telah menyerang sebuah kampung bernama Loong bawang. Dia telah membunuh dua orang penduduk kampung itu dan kampung itu pun habis ranap dibakarnya. Tetapi lama-kelamaan tali dapat ditangkap lalu dibunuh oleh orang Dusun yang telah bersumpah setia kepada Kompeni. Long bawang telah ditinggalkan oleh penduduk-penduduknya telah pindah ke suatu tempat baharu. William Clark Cowie yang baharu sampai ke tempat itu telah menamakan tempat itu Beaufort.

British North Borneo Company telah menyerang ke tempat Mat Saleh di Ranau pada 8 Januari 1898. Dalam serangan ini kubu Mat Saleh di Ranau dibinasakan oleh pihak Inggeris, tetapi Mat Saleh sempat juga lari melepaskan dirinya. Pada masa itu pengaruh Mat Saleh telah mulai merosot. Sekali lagi Mat Saleh telah diisytiharkan sebagai seorang jahat pelanggar undang-undang. Dalam bulan Januari tahun 1898 itu juga, William Clark Cowie telah pergi ke Sandakan. Satu mesyuarat kerajaan yang diadakan di Sandakan memutuskan Mat Saleh mestilah diburu dan ditangkap.

Tetapi William Clark Cowie telah bertindak dengan cara lain pula bertentangan dengan pendapat ramai. Cowie telah mengutus surat kepada Mat Saleh hendak mengampunkannya jika Mat Saleh mahu bersumpah taat setia kepada kerajaan. Cowie juga telah mengutus surat kepada Sultan Sulu meminta Sultan mengutus surat kepada Dayang Bandang, isteri Mat Saleh untuk memujuk Mat Saleh supaya mahu berbaik dengan kerajaan. Dalam bulan Mac tahun 1898, kerajaan mengetahui bahawa Mat Saleh dengan pengikutnya yang tiada berapa ramai telah mendiami satu tempat yang jauh di pedalaman bernama Lowanti. Mat Saleh telah bersetuju supaya diadakan mesyuarat di antaranya dengan Cowie.

Dalam bulan Mei 1898 William Cowie telah belayar mudik Sungai Menggatal hingga ke sebuah kampung di ulu Sungai itu. Cowie telah mendarat di satu tempat, diikuti oleh sebilangan penduduk tempat itu. Cowie telah pergi ke satu tempat sejauh tiga batu lagi dari situ dan di situlah mereka berkumpul menanti kedatangan Mat Saleh. Tidak berapa lama kemudian kelihatan kepada Cowie Mat Saleh datang dengan "Memakai songkok emas, berbaju dan berseluar berenda-renda dan memakai ikat pinggang merah".

William Cowie pun bermesyuarat dengan Mat Saleh. Dalam

mesyuarat itu Cowie berjanji akan memberi keampunan yang sepenuhnya kepada Mat Saleh dan pengikut-pengikutnya. Cowie telah mencadangkan kepada Mat Saleh iaitu Mat Saleh tidak boleh tinggal di Inanam. Kerajaan membenarkan Mat Saleh tinggal di Lembah Tambunan dan Mat Saleh akan diberi kuasa memerintah penduduk di situ. Jika Mat Saleh tidak membuat apa-apa kekacauan selama setahun bolehlah Mat Saleh diberi wang dan dibenarkan tinggal di sebelah pantai laut.

Setelah berunding dengan kawan-kawannya Mat Saleh pun menerima cadangan William Cowie itu, dan Gabenor Beaufort pun bersetuju dengan keputusan yang telah mereka ambil itu. Setelah itu dengan wajah yang riang, Mat Saleh pun balik ke Lembah Tambunan. Perbuatan William Cowie mengampunkan dan memberi beberapa kemudahan kepada Mat Saleh itu tidak dipersetujui oleh pegawai-pegawai Inggeris yang lainnya. Hewett, Residen Pantai Barat telah mengatakan dia tidak bersetuju dengan tindakan yang telah dibuat oleh Cowie yang telah melantik Mat Saleh daripada seorang buruan yang tiada ramai pengikutnya menjadi seorang ketua yang berkuasa. Tindakan ini membahayakan nyawa sebilangan ramai bumiputera yang taat setia kepada kerajaan, iaitu dengan tujuan hendak memujuk orang-orang yang dahulunya tidak taat kepada kerajaan.

Hewett pun meletakkan jawatan, begitu juga Reddie, Applin, Wise, dua orang pegawai di pantai barat dan Ormsby, pegawai daerah di North Keppel, tempat kediaman orang Bajau yang ganas itu. Cowie telah cuba memujuk Reddie dan Wise supaya balik semula memegang jawatan. Dalam satu perjumpaan dengan Hewett, Cowie telah menuduh Hewett menyokong Beaufort (yang tidak meluluskan tindakan Cowie) dan tidak taat setia kepada pengarah urusan. William Cowie memang cukup sedar dan tindakan yang telah dijalankannya itu tidak disetujui oleh hampir semua pegawai pentadbir yang ada di Sandakan. Tetapi Cowie tidak gentar dan dia memang seorang yang berani dan degil.

Mat Saleh yang tinggal di pedalaman itu mendirikan pula sebuah kubu yang lebih besar dan lebih kukuh daripada kubu-kubunya yang dahulu. Kubu itu didirikannya di hujung sebuah lembah tidak jauh dari Ranau dan mulalah Mat Saleh menyerang dan membinasakan orang-orang Tambunan. Dalam bulan Mac

tahun 1898, William Cowie telah menulis surat kepada Mat Saleh mengajak Mat Saleh berdamai dan mengadakan satu mesyuarat di Inanam atau di Menggatal dan dalam surat itu juga dinyatakan jika tiada diperolehi apa-apa penyelesaian, peperangan akan diteruskan.

Mat Saleh bersetuju diadakan mesyuarat di Menggatal. Tetapi Dayang Bandang tidak dibawanya kerana Dayang Bandang takut kepada polis.

Setelah diadakan mesyuarat tiba-tiba Mat Saleh mengatakan kepada Cowie, "Walau bagaimanapun, Kompeni awak tak boleh melarang sesiapa pun daripada orang-orang kami yang hendak mati kerana sesuatu yang kami fikirkan betul". Mendengar perkataan Mat Saleh itu, William Cowie pun tertawa lalu berkata: "Memanglah kami tidak boleh melarang sesiapa yang hendak mati kerana sesuatu yang mereka fikirkan betul". Semuanya tertawa mendengar jawapan Cowie itu dan sejak itu segala perkara berjalan dengan licin. Dalam mesyuarat itu juga Mat Saleh telah meminta supaya kawankawannya yang dalam penjara itu dibebaskan dan dibenarkan tinggal di Inanam, dan jangan ada seorang ketua lain di situ di atas daripada Mat Saleh.

William Cowie telah menawarkan supaya Mat Saleh tinggal di Tambunan jika orang-orang di situ mahu menerimanya. Jika tidak, bolehlah Mat Saleh tinggal di seberang tempat di pedalaman kecuali di ulu Sungai Labuk dan Sungai Sugut. Setelah berunding panjang dengan ketua-ketua dalam pasukannya, Mat Saleh pun bersetuju tinggal di Tambunan. Cowie pun suka lalu mengatakan jika Mat Saleh mahu memelihara keamanan selama setahun, ia akan diberi hadiah dan akan meminta kepada pengarah-pengarah kompeni supaya memberikan Mat Saleh satu jawatan kerajaan. Setelah itu keduanya bersetuju mengadakan mesyuarat sekali lagi.

Pada 20 April 1898, William Cowie dan Mat Saleh berjumpa sekali lagi di Menggatal kerana mesyuarat kali yang keduanya. Bersama-sama dengan Cowie ialah dua orang pegawai kerajaan iaitu Wise dan Pearson serta Gabenor Beaufort. Dalam mesyuarat ini Mat Saleh telah menyatakan Inanam dan Ulu Sugut ialah kepunyaan orang-orangnya. Inanam telah diberikan kepadanya oleh Sultan Berunai dan Ulu Sugut diberikan oleh Sultan Sulu.

Mat Saleh mengatakan juga ia tidak mahu mengemukakan apa-apa dakwaan kepada Kompeni tetapi ia hendak mendakwa dan

menentang dua orang Sultan yang telah memberikan kepada orang lain tanah-tanahnya itu. Mat Saleh telah mengulangi supaya melepaskan orang-orangnya yang dipenjarakan dan membenarkan mereka tinggal di Sungai Inanam. Berhubung dengan permintaan Mat Saleh itu kerajaan hanya melepaskan dari penjara dua orang kawan Mat Saleh yang bernama Shahbandar dan Malim. Mat Saleh telah dijemput naik ke kapal kerajaan yang bernama Petrel tetapi Mat Saleh telah menolak jemputan itu. Wise ialah seorang pegawai yang baik dan seorang tentera yang berani tetapi musuh ketat kepada Mat Saleh.

Mesyuarat di Menggatal pada 20 April 1898 itu tiada mencapai apa-apa persetujuan. William Cowie balik semula ke kapal Petrel, atau datang pada masa diadakan istiadat ambil-alih yang akan diadakan di Menggatal pada 22 April 1898. Jikalau Mat Saleh tidak datang dia diberi tempoh sepuluh hari balik ke Tambunan dan peperangan dimulakan lagi.

### **Perjanjian di Menggatal**

Pada 22 April tahun 1898, Cowie, Beaufort, Wise dan Pearson telah sampai di Menggatal bersama satu pasukan polis Sikh serta satu pasukan askar-askar Inggeris berbaju biru dan tentera laut dari kapal terbang H.M.S. Swift. Pada masa itu pihak Inggeris itu telah mengadakan majlis memberi ucapan-ucapan dan bendera British North Borneo Company pun dikibarkan tetapi Mat Saleh tidak juga kelihatan. Di penghujung majlis itu baharulah nampak seorang datang dengan membawa bendera putih dan di belakangnya kelihatan Mat Saleh berjalan dengan berpakaian serba elok tanpa membawa senjata. Apabila Mat Saleh sampai, bendera besar yang dikibarkan kerana istiadat itu pun diturunkan dan Mat Saleh telah menaikkan bendera itu dan semua orang yang ada di situ kelihatan gembira.

Esoknya, pada 23 April 1898 surat perjanjian di antara pihak British North Borneo Company dengan Mat Saleh pun ditandatangani oleh kedua belah pihak.

Syarat-syarat perjanjian itu ialah:

1. Dengan ini Mat Saleh dan pengikut-pengikutnya yang telah membangkitkan perang melawan Kompeni itu telah

- diampunkan; tetapi orang-orang yang telah melarikan diri dari penjara dan telah melakukan kesalahan itu.
2. Shahbandar dan Malim dengan segera akan dilepaskan dari penjara di Sandakan jika mereka masih ada di penjara itu.
  3. Orang-orang yang telah dikeluarkan oleh kerajaan dari Sungai Inanam dibenarkan kembali mendiami tempat itu tetapi oleh sebab masih ada lagi orang-orang yang hendak membangkitkan kekacauan, mereka tidak dibenarkan balik ke Sungai Inanam sehingga mendapat kebenaran dari Orang Kaya Serail atau lain-lain ketua pihak kerajaan dan Pegawai Daerah.
  4. Mat Saleh dibenarkan tinggal di Tambunan atau di lain-lain tempat di pedalaman kecuali di Sungai Sugut dan Sungai Labuk. Kerajaan berharap supaya Mat Saleh mempengaruhi puak-puak yang tinggal di tempatnya itu supaya mereka patuh kepada kerajaan.
  5. Kerajaan meminta supaya Mat Saleh selalu menolong kerajaan menangkap sesiapa saja yang melakukan kesalahan.
  6. Mat Saleh akan selalu memberi maklumat kepada kerajaan mengenai pergerakan-pergerakan yang dijalankannya.
  7. Jika Mat Saleh datang ke sebelah pantai laut hendaklah ia melaporkan dirinya kepada Pegawai Daerah di situ.

Peristiwa yang baharu berlaku itu ialah sebagai bukti menunjukkan kemenangan bagi William Cowie dan pengarah-pengarah dalam British North Borneo Company. Tetapi pegawai-pegawai Inggeris yang sebenarnya telah bertindak melawan Mat Saleh tidak mahu lagi bekerja. Mereka yang meletakkan jawatan termasuklah Hewett yang menjadi Residen di Sandakan, Ormsby dan Wise yang menjadi Pegawai Daerah dan Reddie yang menjadi kommandan Polis.

#### **Mat Saleh di Tambunan**

Apabila Mat Saleh sampai di Tambunan dengan tidak berlagah-lengah lagi ia pun mendirikan sebuah kubu. Kubu yang didirikan oleh Mat Saleh di Tambunan terletak tidak jauh dari

Kampung Teboh dan inilah kubu yang kuat sekali pernah didirikan oleh Mat Saleh dengan menggunakan buruh paksa. Bekas peninggalan kubu Mat Saleh ini masih boleh dijumpai di Kampung Tibaba di Lembah Tambunan. Di situ telah didirikan sebuah batu peringatan yang diberi kepingan bertulis.

Mat Saleh dan pengikutnya telah menyebelahi orang Dusun di utara Tegaas melawan orang Taiwan dan Sensurun. Mat Saleh menyatakan ia telah ditipu mengenai surat perjanjian dengan Cowie yang telah ditandatangani itu kerana syarat-syarat dalam perjanjian itu tidak sama dengan syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam percakapan di antaranya dengan Cowie.

William Cowie telah menulis dalam buku hariannya bertarikh 3 Mei tahun 1898 menyatakan: "Mat Saleh memang betul; syarat-syarat dalam surat perjanjian yang telah ditandatangani itu bukanlah semua mengikut seperti yang telah dipersetujui dalam percakapan dengannya (Cowie); tetapi perkara itu dengan mudah boleh dinyatakan dan dibetulkan semula". Tetapi perkara itu tidak juga dibetulkan dan kekacauan semakin bertambah buruk. Orang-orang Taiwan telah meminta kebenaran pada kerajaan untuk mendirikan sebuah balai di Lembah Tambunan dan permintaan mereka itu telah diluluskan oleh kerajaan. Ketua orang Taiwan itu telah bersumpah akan taat setia kepada kerajaan. Mat Saleh marah kerana kerajaan telah mengambil daerah tempat kediaman orang Taiwan dan pergi berjumpa gabenor Beaufort mengadu mengatakan bahawa orang Taiwan telah melindungi Abdul Rahman dan Khalid dua orang dari pasukannya yang telah lari. Mat Saleh juga mengemukakan bantahan kepada kerajaan iaitu mengikut "Perjanjian Menggatal." Lembah Menggatal telah diberikan kepadanya tetapi sekarang kerajaan sedang mencuba hendak mengambil daerah itu dari tangannya.

Di samping itu Mat Saleh bersiap hendak berperang melawan British North Borneo Company. Sir Frank Swettenham, gabenor di Singapura mengatakan Kompeni tidak boleh berbuat apa-apa terhadap Mat Saleh. Swettenham berpendapat Kompeni telah mungkir janji kerana Kompeni bercadang hendak mendirikan sebuah balai di Lembah Tambunan. Mat Saleh berpendapat demikian juga, tetapi ia menghadiri juga satu mesyuarat hendak mencari perdamaian yang diadakan di Keningau oleh F.W. Fraser, Pegawai



Daerah setelah Mat Saleh dan orang Dusun Tegas menyerang orang Sensurun dan membunuh seramai tiga puluh orang serta mengambil lapan puluh ekor kerbau dan lembu dari mereka.

Kerajaan British North Borneo Company telah mendirikan sebuah balai di Tambunan. Oleh sebab itu Mat Saleh berperang melawan Kompeni walaupun pengarah-pengarah Kompeni itu di London hendak memberi jawatan kerajaan kepada Mat Saleh dengan gaji \$30.00 sebulan dan diberi wang arrears sebanyak \$200.00. Mat Saleh telah menulis surat kepada F.W. Fraser mengatakan jika kerajaan bermaksud hendak mengambil daerah Tambunan, dia akan mengambil pekan Sandakan dan Pulau Labuan dan kerajaan tidak boleh menyalahkannya.

Pada 9 Disember tahun 1899, Majlis Mesyuarat Gabenor Borneo Utara (Sabah) telah mengambil ketetapan menghantar kapten Harrington membawa satu pasukan polis yang kuat dari Sandakan untuk melawan Mat Saleh. Pada 15 September 1899 pengarah-pengarah British North Borneo Company di London telah memberi perintah kepada Gabenor di Sabah supaya menyerang Mat Saleh. Satu pasukan yang kuat diketuai oleh kapten Harrington telah melawan pihak Mat Saleh. Dalam satu pertempuran yang berlaku di antara lembah Menggatal dengan Tambunan, pihak kerajaan telah menggalahkan beberapa orang pengikut Mat Saleh. Ramai orang-orang Mat Saleh yang terbunuh dan lebih kurang dua puluh orang pihak kerajaan cedera. Dalam pertempuran itu pihak Mat Saleh telah kalah.

### **Pertempuran di Tambunan**

Kapten Harrington yang membawa pasukan perangnya seramai 140 orang telah sampai ke Tambunan pada 31 Disember tahun 1899 bersama sebuah meriam besar. Harrington diiringi bersama oleh Fraser, Dunlop, Atkinson, Conyngnam dan Dansey. Conyngnam ialah seorang doktor; dan Dansey ialah seorang pegawai polis.

Dalam Serangan itu, Harrington menawan semua kampung-kampung yang ada di sekitar kubu Mat Saleh di Tibaba. Fraser dengan orang-orang Murut yang dibawanya ke Tambunan telah diserang oleh Mat Saleh dan pengikut-pengikutnya. Fraser telah meminta pertolongan kepada Cowie supaya dihantar satu pasukan

polis membantunya. Tetapi Cowie tidak mahu menghantar pasukan polis membantu Fraser. Sebaliknya Fraser diarah mempertahankan diri dengan pertolongan orang-orang tempatan.

Dalam bulan Disember tahun 1899 ini juga kerajaan telah menghantar seorang Bajau dan seorang Dayak dari Papar membawa surat yang hendak disampaikan kepada Mat Saleh. Kedua-dua orang pembawa surat itu telah dibunuh oleh pengikut Mat Saleh bernama Si Lingkung, Si Lajau dan Mujum yang sedang membawa sebuah angkatan besar dan telah hampir ke Papar.

Apabila terdengar khabar mengatakan satu pasukan orang Bajau seramai dua ratus orang hendak datang menyerang Papar, orang-orang di Papar pun segera mendirikan kubu pertahanan. Seramai dua ratus orang bumiputera telah bekerja mendirikan kubu pertahanan itu dan pasukan polis yang ada di sekitar tempat itu dipanggil datang berkumpul ke Papar. Tetapi akhirnya Papar tidak diserang oleh orang-orang Bajau itu. Dalam pada itu, Mat Saleh dan orang-orangnya terus juga melakukan serangan dan rampasan ke beberapa buah tempat.

Gabenor Beaufort telah meletakkan jawatannya. Pada masa ini pegawai pentadbir British North Borneo Company di Sabah ialah Cook yang menjadi Bendahari Agung; Gueritz, Ketua Pegawai Kehakiman, dan Little iaitu Residen Pantai Barat. Cook dan Guertiz tinggal di Sandakan dan mereka selalu sahaja berkelahi sehingga mencuaikan kerja-kerja untuk kemajuan negeri Sabah. Pada tahun 1899 ini juga, seorang Juru ukur Negeri di Sabah bernama Walker telah memilih satu tempat lalu dibangunkan sebuah bandar baharu dinamakan Jesselton. Ia mengambil sempena nama Sir Charles Jessel. Timbalan Pengerusi dalam Jemaah Pengarah British North Borneo Company di London. Bandar Jesselton ketika itu hanya seluas lebih kurang tiga puluh ekar. Nama asalnya ialah "Api-Api" atau disebut juga oleh bumiputera "Singgah Mata". Kemudian Kerajaan ksitish North Borneo Company telah menamakannya Jesselton.

Pada 15 Januari tahun 1900, Kapten Harrington telah dapat menawan Teboh, kubu kekuatan orang-orang Murut Tegaas yang terletak lebih kurang sejauh 900 ela dari kubu Mat Saleh. Seminggu lepas itu sebuah kubu kekuatan Mat Sator, penolong Mat Saleh telah diserang dan dibakar oleh pihak Inggeris.

Harrington tidak menyerang ke kubu Mat Saleh dekat Teboh itu sebaliknya ia menyerang dari jarak jauh. Kubu itu ditembak dan ditutupnya semua jalan yang mungkin dijadikan tempat lari oleh orang-orang Mat Saleh. Selepas itu pihak Inggeris telah mengumpulkan satu pasukan seramai seratus orang mata-mata dan lima ratus orang Dusun pembawa barang-barang serta sebuah meriam besar lalu menyerang ke tempat Mat Saleh di Sungai Lawas. Pada permulaan serangan itu, Harrington hampir-hampir diserang hendak oleh pihak Mat Saleh dan pegawai-pegawai di bawahnya yang sedang bermain cricket pada hari Ahad telah terkejut apabila di tembak oleh orang-orang Mat Saleh dari pinggir padang tempat mereka bermain itu. Kemudian satu pertempuran telah berlaku di tempat yang bernama Latob, iaitu sebuah daripada kampung yang sangat kuat kubu pertahanannya. Tetapi setelah dua hari lamanya ditembak dengan tidak berhenti-henti oleh pihak Inggeris, kampung itu pun dapat ditawan oleh pihak Inggeris dalam satu serangan yang hebat.

Tidak lama selepas itu, kelihatan semua kampung-kampung orang Murut Tegaas telah menaikkan bendera putih tanda mengaku kalah. Tinggallah Mat Saleh dengan pengikutnya orang Bajau serta dua buah kubu mereka, tetapi masih menentang pihak Inggeris. Kubu-kubu pihak Mat Saleh telah ditembak oleh pihak Inggeris mulai 20 Januari 1900. Kubu Mat Sator yang terletak di Sungai Pagalan telah dibakar oleh pihak Inggeris pada 21 Januari 1900.

### **Mat Saleh Terbunuh**

Tiga hari terakhir dalam bulan Januari tahun 1900, pihak Inggeris tidak berhenti-henti menembakkan meriam besar mereka ke kubu Mat Saleh. Pada 31 Januari tahun 1900 ketika Mat Saleh sedang berjalan keluar dari sebuah lubang dalam kubunya itu, ia telah ditembak dan mati di situ juga. Askar-askar pasukan Kompeni Inggeris telah masuk ke dalam kubu itu dan mereka menjumpai mayat Mat Saleh sedang diuruskan oleh orang-orangnya untuk dikebumikan. Mayat Mat Saleh telah dikebumikan di tempat ia ditembak dengan aturan yang baik mengikut aturan agama Islam. Sebilangan ramai pengikutnya yang mati ditembak oleh pihak Inggeris telah dikuburkan beramai-ramai dalam sebuah kubur. Tiga

orang isteri Mat Saleh, termasuk Dayang Bandang serta anak lelakinya dan dua orang anak perempuan Mat Saleh didapati selamat. Pihak Inggeris telah membinasakan semua kampung-kampung yang ada kubu pertahannya dan beberapa buah kubu pihak Mat Saleh habis dibinasakan.

Dengan ini berakhirlah perjuangan Mat Saleh menentang pihak Inggeris yang memerintah di negeri Sabah dan tamatlah juga kuasa Orang Bajau di pedalaman negeri Sabah. Tetapi beberapa orang penolong Mat Saleh masih belum dapat ditangkap oleh pihak Inggeris. Sungguhpun Mat Saleh telah mati dibunuh oleh pihak Inggeris, tetapi riwayat perjuangannya tidaklah dilupakan oleh bumiputera Sabah. Di Ranau masih ada lagi dan boleh dilihat beberapa buah batu besar, tempat nenek-moyang Mat Saleh bersumpah tidak akan membantu pihak Inggeris yang memerintah Sabah. Bagi orang-orang Sabah yang tinggal di bahagian pantai laut negeri itu, kenang-kenangan Mat Saleh itu masih bersemarak. Tidak lama setelah pihak Inggeris mengalahkan Mat Saleh gabenor Beaufort telah digantikan oleh Hugh Clifford. Hugh Clifford terpaksa pula menjalankan tindakannya terhadap pengikut-pengikut Mat Saleh yang telah melarikan diri itu.

Pada 28 April tahun 1900, Mat Sator telah membawa seramai lebih kurang empat ratus orang Bajau, Lanun dan Dusun menyerang bandar Kudat. Pada masa itu bandar Kudat dijaga oleh tiga puluh orang mata-mata Sikh. Serangan Mat Sator ke bandar Kudat itu telah mendatangkan beberapa kerosakan dan beberapa jam lamanya bandar Kudat telah dikuasai oleh Mat Sator. Dalam pada itu sebuah kapal Inggeris yang membawa satu pasukan polis terdiri daripada orang-orang Dayak yang hendak dibawa ke Sandakan telah singgah ke bandar Kudat. Mata-mata pihak kerajaan itu telah naik ke darat lalu bergabung dengan mata-mata Sikh yang ada di bandar Kudat dan bertempur dengan orang-orang pihak Mat Sator.

Dalam pertempuran itu, Mat Sator serta seorang pembantunya bernama Mat Daud telah mati tertembak dan orang-orang Mat Sator yang tinggal itu pun lari lintang-pukang meninggalkan bandar Kudat. Sungguhpun bandar Kudat telah aman tetapi daerah-daerah di sebelah pantai barat Sabah, terutama daerah Keppel masih belum aman lagi.

Dalam bulan Mei tahun 1900, Kamunta, seorang penolong Mat

Salah telah menyerang seorang peniaga Cina di Tempasuk dan membakar sebuah kampung di daerah Menggatal. Kapten Harrington dengan pasukannya yang terdiri daripada orang Dayak seramai empat puluh orang telah menjalankan rondaan selama tiga bulan ke tempat yang diharu oleh Kamunta itu.

Dalam bulan Jun tahun 1900, seorang pegawai muda Inggeris bernama Hayness telah mati terbunuh. Pada bulan berikutnya kedai-kedai orang Cina di Tempasuk dan sebuah kampung di Ulu Tuaran telah diserang dan dibakar. Sekumpulan orang yang bekerja dalam hutan dekat Pindasan yang mendirikan tiang-tiang taligerap juga dibunuh. Dalam bulan November-Disember 1900 orang-orang yang menentang pihak Inggeris di Sabah telah menyerang dan membakar sebuah kampung di Tuaran dan membinasakan sebuah bangunan kerajaan di situ. Pejabat kerajaan di Abai telah diserang tiga kali berturut-turut. Pendeknya, bumiputera yang melawan pihak Inggeris yang memerintah di Sabah itu tidak juga berhenti-henti menentang. Sehingga bulan Januari tahun 1901, tiga buah kampung lagi telah dibakar oleh pihak yang menentang pemerintah Inggeris di Sabah.

Gabenor Hugh Clifford telah menetapkan hendak mendirikan sebuah bangunan kerajaan di Sungai Tempasuk, di tempat orang Bajau selalu membangkitkan kekacauan. Tiada lama selepas itu terdirilah sebuah bandar di tempat itu yang dinamakan Kota Belud. Dalam tahun 1901 itu juga, di bandar Jesselton telah heboh berita mengatakan satu pasukan besar sedang mara dari Putatan hendak menyerang Jesselton. Oleh sebab itu semua orang Eropah yang ada di bandar Jesselton telah berkumpul di sebuah rumah banglo di atas bukit; orang-orang Cina telah menutup pintu kedai-kedai mereka dan sebilangan ramai bumiputera telah lari ke Pulau Gaya. Tetapi serangan itu tidak berlaku dan sepanjang tahun 1901 rombongan orang-orang yang merayau sambil melakukan pembunuhan dan kerosakan dengan beransur-ansur telah berpecah-belah oleh tindakan pasukan peronda kerajaan. Enam belas orang daripada mereka itu telah menyerah diri ke balai polis Jesselton.

Di antara yang menyerah diri itu termasuk tiga orang yang penting iaitu Timus, seorang daripada sekumpulan enam orang yang telah menyerang balai polis di Abai; Sarah, yang bersama-sama Kamunta membunuh pekerja-pekerja tiang taligerap di Pindasan

dan seorang lagi Santara, seorang daripada pembantu Mat Saleh yang berani berperang. Tujuh orang daripada enam belas orang yang menyerah diri itu telah menyerang Pulau Gaya dalam bulan Julai tahun 1897 dahulu.

Seorang pegawai Ingeris bernama Dunlop telah menyerang pihak Kamunta di pantai laut Sabah. Pihak Dunlop telah dapat membunuh tiga orang termasuk isteri Kamunta; tetapi Kamunta sendiri telah dapat melepaskan dirinya. Pada bulan Mei tahun 1902 Kamunta telah menyerah diri kepada kerajaan Sabah. Kamunta ialah seorang Lanun yang berbadan tinggi, kuat dan matanya nyata kelihatan sebagai mata seorang pembunuh. Ia memang seorang pembunuh yang bengis dan ia merasa megah apabila dapat membunuh orang. Kamunta serta seorang pemimpin lagi bernama Sedik telah dihukum tembak oleh satu pasukan penembak di bandar Kudat pada bulan Julai tahun 1902, dan tiga orang yang lain dihukum gantung sampai mati. Tujuh orang lain yang tertangkap telah dihukum penjara dari satu hingga sepuluh tahun.

Pada akhir tahun 1902, sungguhpun telah sekian ramai pihak yang melawan kerajaan British North Borneo Company di Sabah itu tertangkap tetapi ada kira-kira seramai sepuluh atau dua belas orang lagi yang diketuai oleh Si Langkap dan Si Gunting, pembantu-pembantu Mat Saleh dahulu yang masih merayau-rayau di hutan belantara Soya Pohun berhampiran Gunung Kinabalu. Apabila Sir Hugh Clifford digantikan oleh Ernest Woodford Birch menjadi gabenor di Borneo Utara (Sabah), kekacauan di Kudat itu masih berterusan juga. Tetapi pada tahun 1903 semuanya telah aman tenteram. Walau bagaimanapun pengikut-pengikut Mat Saleh yang telah lari dari Tambunan itu belum juga dapat ditangkap dan masih membuat kekacauan.

Setelah diburu oleh pasukan polis yang terdiri daripada orang-orang Dayak dan Dusun berbulan-bulan lamanya, akhirnya pada bulan Mac tahun 1903, Si Langkap telah menyerah diri kepada kerajaan di Ulu Tempasuk. Orang-orang Dusun memang tidak membenarkan Si Langkap datang ke kampung mereka. Si Langkap telah dihukum tembak sampai mati di Kota Belud. Pada tahun 1905 Si Gunting yang telah bertahun-tahun lamanya merayau di sekitar Kinabalu dan Tembukong akhirnya menyerah diri kepada seorang pegawai Ingeris bernama A. Francis. Si Gunting telah memberi

beberapa latihan kepada Pegawai-pegawai Daerah di Kota Belud dan Tuaran dan akhirnya ia diampunkan dan lantik menjadi ketua di sebuah jabatan kerajaan. Dalam keterangannya Si Gunting mengakui walaupun dia telah membuat sedikit kerosakan dalam negeri tetapi dia tidak pernah bersekutu dengan Mat Saleh.

Daerah Sungai Lawas yang selalu direbut antara British North Borneo Company yang memerintah di Sabah dengan Charles Brooke, Raja Sarawak itu, akhirnya telah dilepaskan oleh Kompeni pada 12 Januari tahun 1905 dan diambil oleh Raja Brooke masuk ke dalam wilayah Sarawak.


Musuh, seorang lagi yang menentang Kompeni di Sabah akhirnya menyerah diri juga kepada kerajaan Sabah. Pada tahun 1943, ketika Tentera Jepun memerintah di Sabah Musah telah mengambil bahagian menentang Jepun. Ia telah dijatuhkan hukuman bunuh oleh pihak berkuasa Tentera Jepun tetapi ia telah berjaya memujuk Jepun melepaskannya daripada hukuman bunuh. Pada tahun 1906, orang-orang di Pulau Labuan merasa gembira kerana pada tahun itu Pulau Labuan dimasukkan ke dalam perintah Negeri-Negeri Selat. Pada tahun itu juga daerah-daerah kecil di Sabah yang selama ini mengasingkan diri telah beransur-ansur satu demi satu masuk ke dalam perintah Kompeni dan menjadi sebahagian daripada negeri Sabah.

Pada tahun 1910, kerajaan Sabah telah menghantar seorang pegawainya bernama J. Maxwell Hall mendirikan sebuah pejabat daerah di tempat yang bernama Rundum. Pada masa inilah seorang pegawai Inggeris kerajaan Sabah bernama G.G. Wooley dapat menangkap ketua orang Murut bernama Si Lingam dan sejak itu orang Murut pun tidak lagi berleluasa memotong kepala orang. Kerajaan Sabah juga telah menetapkan hendak memindahkan pejabat daerah di Rundum ke tempat yang bernama Pensiangan. Pegawai daerah di Rundum ketika itu bernama N. Baboneau. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1915. Pada masa Baboneau dengan pasukannya berangkat pindah dari Rundum ke Pensiangan, ia telah diserang hendap oleh orang-orang dari pihak yang menentang kerajaan. Pada masa itu orang-orang di seluruh tempat antara Rundum dengan Pensiangan telah bersenjata lengkap. Dengan mencari jalan melalui bukit-bukit, Baboneau pun berpatah balik ke Rundum.


Orang-orang Murut telah membakar rumah-rumah kerajaan yang ada di Pensiangan. Antanom, ketua orang Murut menganggap dirinya sebagai seorang suci atau nabi. Kemudian Antanom telah membawa pasukannya menyerang pejabat Baboneau di Rundum, iaitu serangan yang dianggap oleh Antanom sebagai perang agama. Baboneau telah menghantar utusannya meminta bantuan ke tempat orang-orangnya di Tenomdan dengan segera bantuan telah dihantar untuk membantu Baboneau sebelum Antanom dapat membunuh Baboneau.

Pasukan bantuan itu telah sampai ke tempat Baboneau pada masa yang tepat. Orang-orang Murut yang dipimpin oleh Antanom telah berundur ke sebuah kubu di sebelah hilir kerana senjata mereka tidak lengkap. Walaupun kubu mereka tidak dapat ditawan, tetapi Antanom telah mati terbunuh dan orang-orangnya telah bertempiran lari menyelamatkan nyawa. Sejak itu orang-orang Murut pun tidak lagi berani melawan Kompeni yang memerintah di Sabah.





**BAHAGIAN KEDUA**  
**ZAMAN JEPUN**



## ZAMAN JEPUN

### Sabah Diduduki Oleh Tentera Jepun

Negeri Sabah mula diserang oleh tentera Jepun pada 1 Januari tahun 1942. Sungguhpun British mesti mempertahankan negeri itu daripada diserang oleh musuh, tetapi pada masa itu pihak British tidak dapat mempertahankan negeri Sabah dari serangan Tentera Jepun kerana askar-askar dan kapal perang pihak British tidak ada di Sabah dan di sekitar negeri itu. Kerajaan British telah mengingatkan kerajaan Sabah supaya jangan melawan Tentera Jepun yang datang menyerang dan rakyat Sabah disuruh mengikut sahaja apa yang diperintahkan oleh Jepun dan jangan menimbulkan kekacauan.

Pada 3 Januari tahun 1942, tentera Jepun telah menawan Pulau Labuan dan bandar Beaufort. Kota Kinabalu ditawan oleh tentera Jepun pada 9 Januari 1942 dan sepuluh dari selepas itu iaitu pada 19 Januari 1942, seramai enam ratus orang tentera Jepun telah sampai ke Sandakan. Pada hari yang sama Gabenor Sabah, C.R. Smith serta semua orang Eropah yang ada di Sabah kecuali beberapa orang doktor dan majistrate telah dimasukkan oleh tentera Jepun ke dalam penjara. Pada 24 Januari 1942 tentera Jepun telah menduduki Tawau dan pada 26-27 Januari 1942 Lahad Datu pula diduduki. Pada 1 Februari 1942 tentera Jepun menduduki Kudat dan dalam bulan Mei 1942 baharulah tentera Jepun menduduki pantai barat Sabah. Sejak itu seluruh negeri Sabah telah jatuh ke bawah kuasa tentera Jepun.

### Pemerintahan Tentera Jepun

Selepas tentera Jepun menduduki negeri Sabah, pihak berkuasa tentera Jepun mengisytiharkan negeri Sabah sebahagian daripada

"Nai Nippon", dan termasuklah juga dalam lingkungan "Kemakmuran Bersama Jepun". Pihak berkuasa tentera Jepun telah mengadakan undang-undang dan peraturan di mana panglima perang Jepun menjalankan pemerintahan di Sabah manakala askar-askarnya boleh merampas barang-barang makanan dan kain-kain yang didatangkan ke Sabah pada bila-bila masa mereka suka dan harga barang-barang yang mereka ambil itu pun dibayar mengikut sesuka hati mereka sahaja. Pasukan polis diletakkan di bawah jagaan tentera Jepun. Mata wang yang digunakan ialah wang kertas yang dikenali "Duit Pisang". Di bawah arahan tentera Jepun, semua urusan jual-beli, kerja di ladang-ladang, di kilang-kilang, di pejabat-pejabat dan sekolah-sekolah mesti berjalan seperti biasa.

Negeri Sabah telah dibahagikan oleh pihak berkuasa tentera Jepun kepada dua Residen, dan nama Residen itu diubah kepada nama Jepun. Residen Sandakan dan Tawau dinamakan "Tokai Shiu", dan Residen pantai barat termasuk Kudat dan daerah pedalaman dinamakan "Seikei Shiu". Bandar Jesselton dinamakan semula "Api-Api" dan Sandakan "Elopura".

Panglima Perang Tertinggi Tentera Jepun di Sabah ketika itu ialah Marquess Maida. Dia telah mati dalam satu kemalangan kapal terbang. Pulau Labuan telah dinamakan Maida oleh Jepun mengikut namanya dan di situ didirikan sebuah batu peringatan bagi mengenang namanya. Di bawah pemerintahan Jepun, Sabah memakai haribulan mengikut tarikh Jepun, iaitu Tahun Maschi 1941 ialah Tahun Jepun 2601; tahun 1942 ialah Tahun Jepun 2602.

Pada masa perang Dunia Pertama tahun 1914-1918, Jepun bersatu dengan Britain. Tetapi selepas perang itu, persahabatan Jepun-Britain telah terputus. Jepun telah berperang dan menakluki negeri China dan British pula membantu China melawan Jepun. Pada masa Jepun memerintah Sabah mereka telah melayani orang British di Sabah dengan layanan yang tidak baik. Jepun marah kepada orang-orang Sabah yang disyaki menolong British. Agama Kristian tidak disukai oleh orang-orang Jepun, kerana adanya perkaitan agama itu dengan orang Inggeris. Orang-orang Kristian di Sabah tidak dilayan oleh Jepun dengan baik.

Orang-orang Cina di Sabah pun tidak mendapat perhatian yang baik dari orang-orang Jepun kerana Jepun pernah berperang dengan negeri China. Orang-orang Cina di Sabah telah dihukum membayar

wang yang sangat banyak kepada Jepun kerana orang Cina mengirim wang ke negeri China membantu China memerangi Jepun. Penduduk Sabah yang bukan Cina pun menderita juga. Peladang-peladang dipaksa memberikan sebahagian besar daripada hasil tanaman mereka untuk makanan orang-orang Jepun. Pemerintah Jepun di Sabah telah melantik beberapa orang yang menyebelahi mereka menjadi ketua dan mereka itu diberi memakai lencana Jepun. Jika seseorang ahli dalam sebuah kampung membuat salah terhadap Jepun, semua penduduk kampung itu dihukum oleh tentera Jepun.

Tiap-tiap seorang ketua yang dilantik oleh Jepun hendaklah mengumpulkan beberapa orang pemuda yang akan menjaga kampung mereka, kalau-kalau ada orang membuat apa-apa kesalahan. Pemuda yang berjaga-jaga itu disebut "Jikidan". Walaupun Jepun menjaga begitu keras, tetapi peladang-peladang di negeri Sabah dapat menyembunyikan hasil tanaman dan binatang-binatang ternak mereka daripada diambil oleh Jepun.

Semua perniagaan dan perdagangan dikuasai oleh Jepun. Perusahaan getah dan kayu balak telah terhenti. Selama pemerintahan Jepun itu barang-barang makanan sangat susah didapati, dan barang-barang seperti kasut, kain dan perkakas-perkakas rumah tidak dapat dibeli. Masalah yang buruk sekali ialah ubat-ubat dan perkakas untuk mengubat orang sakit sangat kurang.

Tidak lama setelah Jepun menduduki negeri Sabah, sedarlah orang-orang Sabah bahawa Jepun telah menjadi pemerintah mereka. Setiap orang Jepun walaupun seorang askar yang sehabis-habis rendah pangkatnya mesti dipanggil tuan oleh orang Sabah. Apabila orang Sabah berjumpa dengan orang Jepun di jalan, orang Sabah itu hendaklah tunduk memberi hormat kepada Jepun. Kalau enggan, Jepun itu akan menempeleng muka orang Sabah itu sehabis-habis kuat dan seberapa kali yang dikehendakinya. Orang Sabah yang dihukum oleh orang Jepun itu di dera dengan teruk tanpa dibicarakan di mahkamah terlebih dahulu. Hukum dera itu termasuklah hukum seksa dan hukum bunuh.

Selama pemerintahan Jepun di negeri Sabah, kehidupan orang-orang Sabah semakin susah dan menderita. Hasil tanaman orang-orang Sabah semakin lama semakin banyak yang diambil oleh orang

Jepun untuk makanan mereka. Rakyat Sabah yang tidak mahu membuat seperti yang disuruh oleh pihak Jepun akan dipukul atau disuruh berdiri berjam-jam lamanya di tengah panas matahari, ataupun dipenjarakan dengan tidak dibicarakan lebih dahulu. Cukai-cukai terpaksa dibayar walaupun oleh orang-orang kampung yang tinggal di hulu-hulu. Kesalahan yang dilakukan walau bagaimana kecil sekalipun mesti dibayar dendanya.

Orang-orang Cina di Sabah dikenakan membayar wang kepada Jepun keana mereka ada menghantar wang ke negeri China membantu rakyat Cina di Sandakan dikenakan membayar wang sebanyak \$400,000 dan orang-orang Cina di Sandakan dikenakan membayar wang sebanyak \$600,000. Satu daripada notis yang dipampang oleh Jepun di negeri Sabah berbunyi demikian: "Orang-orang Cina hendaklah selalu ingat bahawa panglima perang Jepun yang ada di negeri Sabah ini memegang kuasa hidup dan mati ke atas orang-orang Cina. Sepatah kata sahaja daripada panglima perang Jepun itu boleh membunuh orang-orang Cina".

Pada masa tentera Jepun menduduki negeri Sabah, mereka tidak meletakkan askar mereka ramai-ramai di Jesselton, Sandakan, Tawau dan lain-lain bandar di pantai laut. Askar mereka yang ramai diletakkan di pedalaman iaitu di Ranau, Keningau, Tenom, Beaufort dan Pensiangan. Selain daripada askar-askar Jepun sendiri, orang-orang Cina tempatan di Sabah dipaksa memasuki perkhidmatan Jepun. Pasukan polis tempatan diletakkan di bawah perintah Jepun. Pihak Jepun juga mempunyai mata-mata tentera atau military police yang disebut namanya "*Kempeitai*". Orang-orang dari pasukan "*Kempeitai*" itulah yang menjalankan semua hukuman denda, pukul, seksa dan membunuh orang. Pusat *Kempeitai* di Jesselton ialah di Sport Club dekat padang di pekan Jesselton.

Askar-askar *Kempeitai* meronda ke kampung-kampung memerhatikan adakah undang-undang dan peraturan yang dikeluarkan oleh pemerintah Jepun itu diikuti oleh rakyat dengan betul. Sambil itu mereka telah merampas pula barang-barang makanan dari orang-orang kampung. Sebahagian daripada askar-askar *Kempeitai* menjaga orang-orang tawanan perang. Pada masa itu ada sebuah kawasan luas dekat Sandakan yang dijadikan tempat berkumpul askar-askar Australia yang tertawan. Mereka telah dipaksa oleh Jepun membuat jalan-jalan dan padang kapal terbang.

Bumiputera Sabah juga telah disuruh oleh Jepun membuat kerja paksaan itu. Askar-askar Australia yang tertawan dipaksa membuat padang kapal terbang di Sandakan, dan bumiputera pula telah dipaksa membuat jalan raya dari Keningau sampai ke Api-Api.

Pada penghujung tahun 1942, sungguhpun bumiputera Sabah kelihatan diam sahaja, tetapi mereka telah benci terhadap askar-askar Jepun. Peladang-peladang bencikan Jepun kerana hasil tanaman mereka diambil oleh Jepun. Orang di pulau-pulau pula marahkan Jepun kerana kehilangan ikan-ikan mereka untuk dijual ke pasar-pasar dan orang-orang Cina sakit hati kepada Jepun kerana mereka telah dikenakan cukai-cukai tambahan. Pendeknya mereka sedang bersedia hendak menghalau Jepun keluar dari negeri Sabah.

### **Pasukan Gerila Kinabalu**

Ketika rakyat Sabah terhimpit oleh pemerintahan tentera Jepun itu timbullah pasukan "Gerila Kinabalu" yang bertujuan hendak melawan orang-orang Jepun yang di negeri Sabah. Ketua pasukan Gerila Kinabalu ialah Kwok Hng Nam yang lebih terkenal dengan nama Albert Kwok. Dia dilahirkan di Sarawak, anak seorang doktor gigi dan pergi ke negeri China, bersekolah di Shanghai dan belajar menjadi doktor yang menggunakan ubat-ubat Cina. Pada tahun 1940 dia balik ke Sabah. Kakak dan abang iparnya tinggal di Kota Kinabalu. Albert Kwok pun datang ke Kota Kinabalu dan menjadi doktor. Apabila tentera Jepun datang ke Sabah, Albert Kwok cuba melarikan diri ke Long Nawan di Kalimantan. Di situ ada orang British, Belanda dan Amerika. Tetapi Albert Kwok tidak dapat pergi ke situ kerana di Pensiangan yang terletak di jalan menuju ke Long Nawan, ramai askar Jepun. Dalam bulan Februari tahun 1942 Kwok balik semula ke Sabah.

Mujurlah Albert Kwok tidak pergi ke Long Nawan kerana dalam bulan Ogos tahun 1942 tentera Jepun telah menyerang Long Nawan dan membunuh semua orang lelaki, perempuan dan kanak-kanak di tempat itu. Setelah Albert Kwok balik ke Kota Kinabalu, ia mendapat tahu ada satu pasukan gerila di Pulau Sulu yang sedang berperang melawan Jepun di pulau itu. Kwok mendapat tahu hal ini daripada seorang pekedai Cina bernama Lim Keng Fatt. Lim Keng Fatt ini berkawan dengan seorang pedagang Islam bernama Imam



Marajukin. Imam inilah yang membuat perhubungan dengan seorang pemimpin bangsa Filipina bernama Suarez yang melawan Jepun di Pulau Sulu itu.

Pada awal tahun 1943, Albert Kwok telah berjumpa dengan Imam Marajukin di kedai Lim Keng Fatt dan Kwok telah pergi ke Pulau Sulu dengan imam itu. Albert Kwok pun bersahabat dengan Suarez. Kwok telah mempelajari bagaimana caranya askar-askar gerila berperang. Dalam bulan Mei tahun 1943 baharulah Kwok balik ke Sabah. Pada masa itu di Kota Kinabalu ada sebuah persekutuan orang-orang Cina bernama "Overseas Chinese Defence Association". Kwok telah berusaha memungut wang dan mendapat mengumpulkan sebanyak \$11,000 serta ubat-ubatan. Dalam bulan Jun tahun 1943 Kwok telah pergi ke Pulau Sulu menyerahkan wang dan ubat-ubat itu kepada Suarez.

Pada 21 September tahun 1943 Albert Kwok balik ke Kota Kinabalu lalu menubuhkan satu pasukan gerila untuk melawan Jepun. Beberapa kumpulan orang yang hendak berperang melawan Jepun di negeri Sabah telah dikumpulkan di Kota Kinabalu, Inanam, Tuaran, Kota Belud dan Talibong. Musah, panglima perang yang telah tua itu pun bersetuju menyertai orang-orang Sabah yang hendak melawan Jepun. Orang-orang Cina di Sabah percaya kepada Musah yang disangkakan mempunyai ilmu sihir.

Orang-orang yang menjadi ketua dalam pasukan orang-orang Sabah yang hendak berperang melawan orang Jepun itu ialah Hiew Syn Yong, seorang penolong pegawai daerah; Charles Peter; Jules Stephens; Subedar; Dewa Singh Mann dan Kong Sze Fui. Panglima Ali, seorang ketua kampung di Pulau Suluk di laut Kota Kinabalu menjadi ketua orang-orang di pulau itu melawan Jepun. Di antara ketua-ketua yang disebutkan itu, hanya Charles Peter dan Dewa Singh Mann yang ada pengalaman berperang. Charles Peter ialah seorang pegawai polis dan Dewa Singh Mann pernah menjadi sarjan dalam pasukan sukarela.

Pasukan Gerila di Kota Kinabalu ada membuat perhubungan dengan Suarez, ketua gerila di pulau Sulu melalui Kim Keng Fatt. Suarez telah melantik Lim Keng Fatt menjadi seorang Kapten dalam pasukan tentera darat Amerika Syarikat dan Albert Kwok menjadi leftenan. Pasukan gerila di Sabah itu telah membuat perhubungan dengan pihak Kuasa Berikat (Amerika Syarikat-Britain-

Belanda)menerusi Lim Keng Fatt dan Major F.G.L. Chester. Major Chester ialah seorang peladang di Sabah yang ketika itu berkhidmat dalam pasukan tentera darat Australia.

Major Chester memang mengetahui apa yang sedang berlaku. Ia telah memberi amaran kepada Charles Peter jangan memulakan apa-apa tindakan terhadap orang-orang Jepun yang ada di Sabah kerana pihak Berikat tidak dapat memberi pertolongan. Major Chester telah menasihatkan juga pasukan gerila Sabah supaya menanti hingga dapat perintah dari pihak Berikat untuk menyerang orang Jepun. Semua amaran dan nasihat dari Major Chester itu telah dipatuhi oleh orang-orang di Kota Kinabalu. Dalam pada itu Albert Kwok mendapat berita mengatakan Jepun hendak memaksa 3,000 orang pemuda Cina di Sabah memasuki pasukan tentera Jepun. Pemuda-pemuda Cina itu akan bertugas di pedalaman dan orang-orang Jepun akan bebas lepas boleh membuat kerja-kerja lain pula. Ada juga berita mengatakan Jepun hendak menangkap beberapa orang gadis Cina yang akan berkhidmat dalam pasukan tentera darat Jepun. Pasukan sukarela akan ditubuhkan untuk berkhidmat kepada Jepun.

Kalau semuanya itu dijalankan oleh pihak Jepun tentulah Albert Kwok tidak dapat mengadakan pasukan perangnya. Rancangan Jepun hendak mengambil gadis-gadis Cina berkhidmat kepada Jepun tentulah memberi malu besar kepada keluarga Cina. Sungguhpun Albert Kwok tidak mempunyai apa-apa senjata dan telah diberi amaran iaitu pihak Berikat tidak akan dapat menolongnya. Kwok telah menetapkan azamnya hendak menyerang orang-orang Jepun di Kota Kinabalu.

### **Pemberontakan 10 Oktober 1943**

Orang-orang Cina pengikut Albert Kwok di Sabah telah menetapkan bahawa serangan akan dilakukan terhadap orang-orang Jepun pada 10 Oktober tahun 1943. Selepas itu baharulah diikuti oleh perayaan-perayaan yang akan diadakan di Kota Kinabalu dan lain-lain bandar di sekitarnya oleh orang-orang Cina yang telah bebas dari pemerintahan tentera Jepun. Pusat bagi pasukan orang Cina itu ialah di Menggatal. Dari sini satu pasukan orang Cina akan bergerak menuju ke Kota Kinabalu dengan menaiki

beberapa buah lori dan meruntuhkan semua balai polis kecuali Victoria Barracks. Satu pasukan berjalan kaki akan menyerang bandar melalui jalan belakang di Likas dan Signal Hill. Orang-orang pulau akan mendarat dekat pejabat kastam dan akan menyerang tempat itu dan bandar di Fraser Street. Untuk menjalankan rancangan ini gerila hendaklah bertindak dengan berani dalam waktu yang telah ditetapkan bagi mencapai kejayaan.

### **Serangan ke Kota Kinabalu**

Rancangan yang telah disusun itu sedikit pun tidak diketahui oleh orang-orang Jepun. Pada malam 9 Oktober 1943 serangan yang pertama telah dilancarkan ke Tuaran. Semua orang Jepun yang ada di situ habis dibunuh oleh orang Cina. Enam pucuk senapang serta beberapa butir peluru telah dapat dirampas. Selepas itu balai polis Jepun di Menggatal telah diserang. Lima belas orang Jepun serta tiga orang Sabah yang bekerja dengan Jepun di situ telah dibunuh. Jumlah semua orang Jepun yang telah dibunuh oleh pihak Albert Kwok ialah seramai tiga puluh orang dan orang-orang di pihak Albert Kwok semuanya selamat.

Selepas itu pasukan darat orang Cina yang memerangi orang Jepun itu bertolak untuk menyerang orang-orang Jepun yang ada di Kota Kinabalu pula. Albert Kwok dengan askar-askarnya telah menaiki lori-lori yang mereka jumpai di jalan raya. Askar-askar Cina yang dibawa dengan lori-lori itu telah sampai ke Kota Kinabalu lalu terus menuju ke balai polis di South Road. Askar-askar berjalan kaki telah bersedia dekat pejabat kastam. Apabila askar-askar yang menyerang ke bandar itu memberi isyarat, orang-orang dari pulau-pulau pun menyerbu lalu memanjat ke atas tembok yang ada di tepi laut itu terus menyerang pejabat kastam dan Fraser Street.

Orang-orang pulau telah membakar rumah-rumah dan bangsal-bangsang kastam serta membakar getah-getah yang ada dalam bangsal-bangsang itu. Lima hari lamanya api itu menjulang tiada padam-padam. Albert Kwok berharap supaya api yang menjulang-julang itu dapat dilihat oleh pihak Berikat dan mereka datang menolong tetapi tidak ada sebuah pun kapal pihak Berikat yang datang. Serangan ke balai polis dan dua buah bangunan yang berhampiran di situ telah berjaya; tetapi pihak yang menyerang itu tidak bernasib baik kerana senjata dan peluru yang mereka harap

dapat ditawan di situ tidak dijumpai. Askar-askar gerila pihak Albert Kwok telah membunuh sebilangan ramai pegawai-pegawai tinggi Jepun yang mereka jumpai tetapi ketua polis Jepun yang bernama Ishikawa dapat melepaskan diri.

Pihak gerila Cina itu telah menguasai bandar Kota Kinabalu dan Albert Kwok telah mengeluarkan dua notis. Notis yang pertama mengisytiharkan perang melawan orang Jepun di Sabah. Notis yang kedua meminta orang ramai memberi segala pertolongan yang boleh mereka beri kepada orang-orangnya (tetapi jangan diberi minuman keras). Orang-orang Jepun yang lainnya semua telah lari ke Victoria Barracks menyelamatkan nyawa mereka. Albert Kwok sedar bahawa ia tidak akan dapat menguasai Kota Kinabalu. Oleh sebab itu ia pun membawa orang-orangnya pergi ke Menggatal dan sambil berjalan itu dibinasakannya jambatan di Sungai Inanam. Orang-orang pulau yang menyeberahi Albert Kwok telah naik ke perahu-perahu mereka lalu pulang ke rumah masing-masing.

Pada 10 Oktober 1943, semua rumah-rumah di sepanjang jalan antara Kota Kinabalu dengan Tuaran telah mengibarkan bendera. Bendera-Bendera yang dikibarkan itu ialah bendera "Union Jack", bendera Sabah, bendera Republik China dan bendera Amerika Syarikat. Pada hari itu rakyat Sabah telah bebas dan mereka telah menghalau penakluk mereka iaitu orang Jepun dengan kekuatan mereka sendiri. Kemenangan seperti itu tidak pernah dicapai oleh lain-lain bangsa yang pernah ditakluk oleh Jepun dalam Perang Dunia Kedua. Hanya Sabah yang telah melakukan tindakan seperti itu.

Pada 12 Oktober 1943, Kota Belud telah ditawan oleh satu pasukan gerila bernama pasukan "Raja George". George dengan orang-orangnya telah bertempur dengan orang-orang Jepun di tempat yang bernama Tenghilan dan seorang daripada Jepun yang mereka bunuh dalam pertempuran itu ialah Ishikawa, ketua polis Jepun yang lari dari Kota Kinabalu dahulu.

### **Jepun Menyerang Lagi**

Pada 13 Oktober 1943 Jepun datang semula menyerang Sabah. Askar-askar dan kapal terbang Jepun telah menyerang Kota Kinabalu dan semua kampung-kampung di sepanjang jalan Tuaran telah dibom dan ditembak oleh Jepun dengan mesingan. Tentera Jepun

telah mengepung kampung orang Sabah yang difikirkan mereka telah mengambil bahagian memberontak melawan Jepun. Albert Kwok dan orang-orangnya telah lari ke tempat yang bernama Tamparuli kemudian pergi pula ke Ranau. Kwok berharap akan mendapat bantuan senjata dan peluru dari Suarez di Pulau Sulu.

Pada pertengahan bulan November tahun 1943, orang-orang dalam pasukan Albert Kwok ramai yang telah putus harap dan ada pula di antara mereka yang hendak balik ke kampung masing-masing walaupun ada bahaya yang akan mereka hadapi. Orang-orang yang hendak balik ke kampung mereka itu telah dibenarkan oleh Kwok balik. Albert Kwok dengan pengikutnya yang masih kuat dan bersemangat hendak berperang melawan Jepun dan membuat kubu mereka di Kionsom berhampiran dengan Inanam. Tetapi di situ mereka telah diserang oleh askar-askar Jepun hingga bertempuran lari.

Albert Kwok beserta dengan enam orang pengikutnya telah menyembunyikan diri di kawasan kediaman orang Cina di Penampang dan diberi makan serta wang oleh seorang pekedai Cina di Donggongan, bernama Chong Fu Kui. Pada suatu hari Chong Fu Kui telah menghantarkan wang kepada Albert Kwok menerusi seorang pesuruhnya. Tetapi pesuruh Chong Fu Kui ini telah menggunakan wang untuk Kwok itu bermain judi dan kalah pula dalam permainan judi itu. Terbitlah pergaduhan antara Chong Fu Kui dengan pesuruhnya itu. Pada masa mereka bergaduh itu, ada seorang Sulu (spy) telah mendengar cakap-cakap mereka yang menyebut tempat Albert Kwok bersembunyi. Spy itu pun memberitahu kepada Jepun tempat Albert Kwok bersembunyi. Pada 19 Disember tahun 1943, askar-askar Jepun telah datang mengepung tempat persembunyian Albert Kwok itu. Sungguhpun Albert Kwok seorang yang berani dan bersenjata, tetapi ia telah menetapkan azamnya hendak menyerah kalah kepada Jepun dengan harapan Jepun tidak menjalankan tindakan mereka lagi memerangi orang-orangnya dan rakyat Sabah seluruhnya. Albert Kwok pun ditangkap oleh Jepun.

### **Tamatnya Pemberontakan Menentang Jepun**

Bantuan telah datang dari Filipina tetapi ketika bantuan itu sampai di Sabah, pemberontakan melawan Jepun di Sabah sudah

selesai. Barang-barang bantuan itu pun dihantar balik ke Pulau Sulu. Ramai rakyat Sabah yang ditawan oleh Jepun. Empat ratus orang telah dipenjarakan di Kota Kinabalu. Di antara mereka itu 176 orang telah dijatuhkan hukum bunuh dan 131 orang lagi dipindahkan ke Pulau Labuan. Di antara mereka hanya sembilan orang sahaja yang hidup hingga akhir peperangan itu.

Pada 21 Januari tahun 1944, orang-orang yang dijatuhkan hukum bunuh itu telah dibawa dengan kereta lembu ke Kampung Petagas di luar bandar Kota Kinabalu. Semua jalan-jalan menghala ke kampung itu telah ditutup. Sampai di Petagas orang-orang itu telah dibunuh. Di antara orang yang dibunuh itu termasuklah Albert Kwok, Charles Peter, Chau Chau Kong, Kong Sze Fui, Li Tet Phui, Rajah George, Panglima Ali dan Jules Stephens (ayah Donald Stephens). Kemudian sebuah taman bunga telah dibuat di kawasan tempat orang-orang itu dibunuh sebagai mengenangkan pengorbanan mereka kepada tanah air mereka sendiri.

Orang Jepun juga menyerang ke Suluk dan Danawan. Semua orang lelaki di tempat-tempat itu habis dibunuh oleh Jepun. Orang-orang perempuan ditawan dan dipaksa bekerja di ladang-ladang padi di Bongawan. Udar dan Mantanani pun diserang juga oleh askar-askar Jepun, dan ramai orang lelaki di tempat-tempat itu telah dibunuh oleh Jepun. Pada 5 Mei tahun 1944, satu pembunuhan beramai-ramai telah dilakukan oleh Jepun di penjara Batu Tiga.

Jumlah semua orang Sabah yang dibunuh oleh askar-askar Jepun adalah lebih kurang 1,000 orang manakala orang Jepun yang terbunuh hanya 90 orang saja.

### **Sabah Dibebaskan**

Perang gerila di Sabah berlangsung hingga Jepun menyerah kalah. Beberapa buah pasukan kecil orang Sabah telah menyerang pasukan peronda Jepun terutama pasukan yang mencari makanan. Sekumpulan orang Murut di bawah pimpinan ketua mereka bernama Duallis, seorang bekas pegawai polis telah menyerang orang Jepun di Tenom dan di lain-lain tempat di pedalaman hingga ke Rundum dan Pensiangan.

Suatu rancangan hendak menyerang Jepun dijadualkan akan dilakukan pada 13 April tahun 1944. Tetapi apabila hal itu diketahui

oleh Jepun mereka telah menangkap ramai orang-orang yang telah disyaki mengatur rancangan itu. Pada masa itu dari sehari ke sehari makin bertambah ramai orang Sabah yang tinggal di pekan-pekan berpindah ke dalam hutan dan di situ mereka bertanam padi, berkebun sayur dan memelihara ayam itik dan binatang-binatang ternak untuk makanan mereka. Beberapa pasukan kecil askar-askar dari pihak Berikat telah mendarat di Sabah dan mereka telah dibantu oleh orang Sabah melancarkan serangan terhadap orang Jepun. Di antara pegawai-pegawai pihak Berikat yang datang ialah bekas peladang-peladang dan pegawai-pegawai kerajaan di Sabah yang memang tahu keadaan di negeri Sabah.

Pada akhir tahun 1944, orang Jepun yang ada di Sabah merasa mereka telah kalah dalam peperangan. Askar-askar tentera pihak berikat datang ke Sabah untuk memindahkan sebilangan ramai orang-orang Australia yang tertawan di Sandakan itu ke Ranau. Mereka telah dibawa berjalan kaki menempuh jalan yang buruk dari Sandakan ke Ranau. Orang-orang Australia bekas tawanan Jepun itu telah bertahun-tahun lamanya tidak diberi cukup makan oleh Jepun dan disuruh pula membuat kerja berat.

Dalam perjalanan berjalan kaki dari Sandakan ke Ranau mereka hanya diberi sedikit makanan. Ramai di antara mereka yang mati dalam perjalanan itu dan peristiwa ini dinamakan "perjalanan maut" (death march). Di antara bulan Januari hingga bulan Mei tahun 1945 ada tiga kali perjalanan maut.

Dalam bulan Januari tahun 1945, pihak Berikat telah mula menggugurkan bom di Sabah dengan tujuan untuk mematahkan maksud Jepun hendak berperang. Dalam bulan Mei tahun 1945, Sandakan telah dibom oleh pihak Berikat dari udara dan dari laut. Kota Kinabalu pun diserang dan Kudat telah dimusnahkan. Pada bulan Jun tahun 1945, pasukan perang Australia yang kesembilan telah mendarat lalu menawan pulau Labuan. Pasukan Australia diketuai oleh Major General G.F. Wooten yang memakai lencana di bahunya bertulis huruf "T" yang menandakan Tobruk iaitu suatu tempat di Afrika Utara di mana pasukan Australia itu telah berperang dan berjaya. Tanda huruf "T" juga boleh kelihatan pada layar kapal di negeri Sabah yang memakai jata kerajaan Sabah. Tanda "T" itu ialah sebagai menunjukkan bahawa orang-orang Sabah menghormati orang-orang Australia yang telah memerangi

orang-orang Jepun di negeri Sabah dan membebaskan rakyat Sabah dari perintah Jepun.

Askar-askar Australia yang datang ke Sabah telah dibantu oleh pasukan perang yang telah ada di Sabah di bawah pegawai-pegawainya, termasuk Combe, Tom Harrison dan Rex Blow. Pemimpin-pemimpin tempatan di negeri Sabah itu pun telah turut berperang melawan orang-orang Jepun. Di antara mereka termasuk Muhammad Yasin dari Sipitang dan Datu Mustapha bin Datu Harun dari Kudat. Pusat kekuatan orang Jepun di Sabah pada masa ini ialah di Spong dekat Tenom. Panglima perang Jepun di situ bernama Jeneral Baba dan pasukan yang di bawah jagaannya di situ ada seramai 25,000 orang.

Dalam pertempuran melawan Jepun di sekitar Beaufort, seorang askar Australia telah bertempur dengan gagah berani dan kerajaan british telah menganugerahkan kepadanya bintang "Victoria Cross", iaitu pingat gagah berani dalam perang yang tertinggi sekali. Askar Australia yang mendapat bintang Victoria Cross itu ialah private T. Starcwitch, dan sebuah tanda peringatan didirikan bagi mengenangnya di Beaufort, tidak jauh dari perhentian keretapi bandar itu.

Perang Jepun melawan pihak Berikat telah tamat apabila Amerika Syarikat menggugurkan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki dalam bulan ogos tahun 1945. Askar-askar Jepun seramai 6,000 orang telah dikerah berjalan kaki dari Pensiangan ke Beaufort. Sepanjang perjalanan itu selalulah askar-askar Jepun diserang oleh orang Murut dan ramai askar Jepun itu mati. Kota Kinabalu telah dibebaskan dari perintah tentera Jepun pada 28 September tahun 1945 dan Sandakan pada 19 Oktober 1945.

Pentabiran Tentera British (British Military Administration) di ketuai oleh Brigadier C.F. Macaskie telah datang memerintah ke negeri Sabah sebelum datang pemerintah Awam. Brigadier Macaskie itu ialah bekas Hakim Besar di negeri Sabah pada masa British North Borneo Company.

Satu laporan mengenai negeri Sabah pada masa itu mengatakan: "Bandar-bandar besar dan kampung telah rosak binasa. Orang ramai telah lari masuk hutan atau ke kebun-kebun mereka. Alat-alat kemudahan awam seperti air, lampu, kuasa elektrik dan telefon langsung tidak ada. Sekolah-sekolah dan hospital-hospital tidak



dibuka. Penyakit dan kekurangan zat makanan berkembang biak. Kesalahan jenayah sentiasa berlaku. Alat-alat perhubungan hampir tidak ada; barang-barang makanan payah didapati dan semua kerja-kerja kerajaan terhenti belaka”.

Pemerintah Pertadbiran Tentera British (B.M.A.) telah bekerja mengembalikan keamanan dan ketenteraman dalam negeri. Barang-barang makanan dan kain-kain diberikan kepada orang ramai; hospital dan sekolah-sekolah pun dibuka; alat perhubungan dijalankan semula dan jalan-jalan raya dibersihkan. Rumah-rumah telah diadakan bagi mereka yang telah kehilangan rumah.

Akhirnya pada 15 Julai tahun 1946, Pemerintah Pertadbiran Tentera British (British Military Administration) telah menyerahkan negeri Sabah kepada pemerintah Awam dan mulai pada 15 Julai 1946 negeri Sabah dijadikan jajahan kemahkotaan Diraja British atau crown colony. Pulau Labuan dijadikan sebahagian daripada koloni baharu itu. Kerosakan yang berlaku di Sabah dan perang Jepun tidak dapat diganti oleh British North Borneo Company dan Kompeni itu tidaklah dapat berbuat apa-apa melainkan menawarkan kepada kerajaan British mengambil negeri Sabah.

Kerajaan British yang pada masa itu diperintah oleh King George VI tidak berapa suka hendak menerima tawaran itu. Tambahan pula Parti Buruh (Labour Party) yang dipimpin oleh Clement Atlee memang tidak suka kepada dasar pemerintahan jajahan. Tetapi walau bagaimanapun pada 26 Jun tahun 1946, British North Borneo Company yang memerintah di Sabah telah membuat satu surat perjanjian dengan kerajaan British.

Surat Perjanjian itu menyebut British North Borneo Company menyerahkan semua hak-haknya di negeri Sabah (North Borneo) kepada kerajaan British dan kerajaan British memberi sejumlah wang yang banyak kepada Kompeni bagi menyelesaikan hutang-hutangnya dan pembayaran kepada pemegang-pemegang saham dalam Kompeni itu.

### **Sabah Sebagai Crown Colony (1946-1949)**

Apabila Sabah dijadikan Crown Colony banyak kesulitan yang telah dihadapi oleh kerajaan British bagi menjalankan pemerintahan di negeri itu. Pegawai-pegawai kerajaan yang mahir bekerja dan

pengurus-pengurus perniagaan yang pandai ramai yang telah mati dalam peperangan. Pegawai-pegawai bangsa Asia yang menjadi kakitangan kerajaan pun ramai yang mati terbunuh dan cedera dalam peperangan itu. Sebelum kerajaan British melantik gabenornya di Sabah, pemerintahan dan pertadbir di negeri itu telah dijalankan oleh seorang pegawai pertadbir yang didatangkan dari Semenanjung Tanah Melayu bernama James Calder.

Apabila James Calder sampai ke negeri Sabah ia telah menubuhkan sebuah majlis penasihat (advisory council) bagi negeri Sabah mengikut seperti yang tersebut dalam perlembagaan negeri itu dan juga telah meminta wang kepada kerajaan British sebanyak \$1,000,000 bagi perbelanjaan menjalankan pemerintahan di negeri itu. Kerajaan British telah memilih seorang pegawainya bernama Sir Edward Twining menjadi gabenor bagi negeri Sabah. Lantikan itu telah dilaksanakan pada 15 Februari tahun 1947 dan Sir Edward Twining pun datang ke Sabah memegang jawatan itu.

Dalam tahun 1947 itu juga kerajaan Sabah di bawah gabenor Sir Edward Twining telah mula bertindak membangunkan semula negeri itu dan juga mengadakan rancangan masa hadapan negeri Sabah. Sir Edward Twining telah merancang akan menubuhkan sebuah Majlis Mesyuarat Kerja (executive council) dan sebuah Majlis Mesyuarat Perundangan (legislative council). Executive Council akan menasihatkan gabenor mengenai dasar-dasar pemerintahan dan legislative council akan membincang dan meluluskan undang-undang yang dijalankan dalam negeri.

Pada mulanya dalam kedua-dua majlis mesyuarat itu lebih ramai pegawai-pegawai kerajaan daripada ahli-ahli orang ramai. Tetapi mengikut rancangannya, lama kelamaan ahli-ahli dalam majlis-majlis mesyuarat itu lebih ramai terdiri daripada orang-orang yang bukan pegawai kerajaan dan akhirnya pemilihan ahli-ahli itu akan dijalankan melalui pilihanraya.

Pada bulan Jun tahun 1947, Kota Kinabalu yang pada masa itu dinamakan Jesselton mula dijadikan ibu negeri Sabah. Pada masa itu juga pertadbiran kerajaan di bandar-bandar yang bernama "sanitary boards" akan diganti dengan "town boards" yang mempunyai kuasa yang lebih besar lagi. Di samping itu juga "rural boards" diadakan bagi mentadbirkan kawasan-kawasan luar bandar. "Municipality" bagi bandar Sandakan dan Kota Kinabalu akan diadakan untuk

menjalankan pemerintahan dan pertadbiran. Municipality ini mempunyai kuasa yang lebih banyak dalam kawasannya sendiri.

Seorang setiausaha pembangunan telah sampai di Sabah pada bulan Jun tahun 1947 dan mula menyediakan satu rancangan bagi pembangunan negeri Sabah. Sabah akan mendapat seorang doktor penyakit malaria, seorang pegawai perikanan, seorang perancang bandar, seorang pegawai haiwan dan seorang jurutera parit dan tali air. Hasil pendapatan dalam negeri Sabah pada tahun 1947 ialah \$7,021,000 berbanding dengan hasil pendapatan tahun 1946 sebanyak \$1,833,259. Import dan eksport Sabah pada tahun 1947 tidak seimbang. Import bernilai \$20,471,707 tetapi eksport hanya bernilai \$16,932,627.

Gabenor Sir Edward Twining seberapa boleh cuba membangunkan semula negeri Sabah. Tetapi perbelanjaannya semakin tinggi dan pekerja-pekerja pula tidak cukup. Sungguhpun demikian sekolah-sekolah, hospital-hospital, jalan-jalan raya, jambatan-jambatan dan lapangan terbang telah dibina juga dan satu rancangan telah disediakan bagi memajukan lagi bandar-bandar pelabuhan dan tempat-tempat kapal berlabuh. Jabatan Pertanian, Jabatan Hutan dan Jabatan Perikanan telah menempa beberapa kemajuan. Menanam pokok getah telah dimulakan oleh Jabatan Pertanian.

Sungguhpun Jabatan Pelajaran telah mengadakan kemajuan tetapi pelajaran sekolah menengah masih lembab. Kerajaan Sabah memang sedar bahawa kemajuan pelajaran di sekolah menengah sangat mustahak bagi masa depan negeri Sabah, tetapi kerajaan terpaksa menggunakan wangnya untuk membangunkan semula ekonomi Sabah. Dalam tahun 1948, satu penyelesaian mengenai kewangan telah dibuat di antara kerajaan Sabah dengan kerajaan British. Perkara utama yang telah dipersetujui oleh kedua belah pihak ialah:

1. Belanja mengambil negeri Sabah dari British North Borneo Company ditanggung oleh kerajaan British dan perbelanjaan itu tidak akan dikenakan kepada kerajaan Sabah. Belanja ini bernilai 12,000,000.
2. Wang hadiah pertolongan sebanyak \$5,571,400 untuk pembangunan semula akan diberi bagi tahun 1948-1949 dan jika wang ini tidak habis dibelanjakan dalam masa

yang ditentukan itu, bakinya bolehlah digunakan kemudi-an. Bagi tahun-tahun 1949-1959 dan 1950-1951 kerajaan British membayar sebanyak \$9,428,570 tetapi bagi tahun 1949 dan 1950 itu, kerajaan Sabah dijangka akan memperoleh semua wang sebanyak \$5,571,400 itu daripada wang simpanannya sendiri.

3. Kewangan kerajaan Sabah buat sementara diletakkan di bawah kawalan perbendaharaan kerajaan British.
4. Satu projek pembangunan untuk selama lima tahun dan perbelanjaan sebanyak \$27,285,710 telah disetujui. Bagi perbelanjaan ini, kerajaan Sabah akan memberi wang sebanyak \$6,000,000 dan kerajaan British akan membayar sebanyak \$10,714,280 sebagai bantuan serta dengan semua wang yang didapati dari pinjaman orang ramai.
5. Kerajaan British telah memindahkan pinjaman sebanyak \$4,305,430 untuk membeli mata wang British North Borneo Company.
6. Kerajaan British telah bersetuju tidak akan mengenakan apa-apa bayaran kepada wang yang telah dibelanjakan oleh Pertadbiran Tentera British di Sabah.

Penyelesaian yang telah dibuat berhubung dengan negeri Sabah seperti yang telah disebutkan itu ialah satu penyelesaian yang sangat dermawan, terutama kerana pada masa itu kerajaan British sendiri sedang dalam kesusahan. Rakyat Sabah dijangka akan bekerja dan dapat mengumpulkan wang untuk pembangunan semula dengan mengadakan kemajuan bagi negeri mereka sendiri.

Kerja-kerja berhubung dengan pembinaan semula dan untuk mencapai kemajuan negeri Sabah seperti yang telah direncanakan itu telah dimulakan dengan segera. Kerja-kerja ini termasuklah dalam bidang perikanan, mengawal penyakit malaria, parit dan tali air, dan perancangan bandar. Telah disetujui juga, jabatan mengenai ilmu penyelidikan bumi bagi negeri Sabah, Brunai dan Sarawak patut diadakan.

Dalam tahun 1948 eksport lebih banyak daripada import Sabah. Eksport Sabah bernilai \$29,742,000 dan importnya \$25,419,000 tetapi belanja hidup di negeri Sabah didapati tinggi dan Sabah kekurangan buruh pula. Kedua perkara itu (belanja hidup

tinggi dan kekurangan buruh) tidak dapat diatasi oleh kerajaan Sabah.

Dua buah ladang kepunyaan Jepun yang ditinggalkan di Tawau dan Mostyn, didapati oleh kerajaan Sabah sangat besar belanja menyelenggarakannya. Oleh sebab itu ladang-ladang itu telah dijual kepada Colonial Development Corporation dengan harga \$1,000,000. Colonial Development Corporation itu telah menubuhkan sebuah syarikat dinamakan "Borneo Abaca Limited" untuk menjalankan perusahaan tali jerami Manila. Pada masa ini "Borneo Abaca Limited" itu telah menghasilkan getah, koko, minyak kelapa sawit dan juga jerami. Kerajaan Sabah juga menubuhkan sebuah suruhanjaya untuk menjalankan penyelidikan mengenai perusahaan getah di negeri itu.

Gabenor Sir Edward Twining telah meletakkan jawatannya di Sabah pada 5 Mei tahun 1949 dan dilantik pula menjadi gabenor di Tanganyika, Afrika. Buat sementara, James Calder telah memangku jawatan gabenor di Sabah sementara menantikan gabenor yang baru.

Pada 10 Januari tahun 1950, Major Jeneral Sir Ralph Hone mula menjadi Gabenor Crown Colony Sabah sebagai gabenor yang kedua. Pada masa itu telah dipersetujui bahawa Sabah patut mengadakan satu perlembagaan baharu dan sebuah majlis mesyuarat kerja (executive council) bagi menasihatkan gabenor mengenai dasar pemerintahan serta sebuah majlis mesyuarat perundangan (legislative council) untuk membuat dan meluluskan undang-undang yang hendak dijalankan di negeri itu. Majlis Mesyuarat Penasihat (advisory council) akan dihapuskan.

Tindakan itu ialah satu kemajuan yang pantas dalam pemerintahan di negeri Sabah dan dijangka Pemerintahan Parti Buruh kerajaan British akan bersetuju mengadakannya. Jika negeri Sabah terus bergerak maju, mungkin dalam tahun 1958 akan diadakan pilihanraya bagi memilih ahli-ahli yang akan duduk dalam sebuah perhimpunan perundangan (legislative assembly) di negeri Sabah.

Tetapi apabila parti Buruh kalah dalam pilihanraya England pada tahun 1951, pegawai-pegawai Inggeris di negeri Sabah telah dibiarkan menjalankan dasar pemerintahan mereka di negeri Sabah, iaitu dasar pemerintahan yang berjalan perlahan sahaja. Pada masa Major Jeneral Sir Ralph Hone menjadi gabenor di Sabah, ia telah

membuat perjalanan ke merata-rata tempat hingga ke kampung-kampung yang jauh di pedalaman kerana hendak berjumpa dengan rakyat jelata. Perjalanan seperti ini selalu dibuat oleh gabenor sehingga ia lebih dikenali oleh rakyat Sabah. Satu daripada tujuannya memerintah ialah hendak membiasakan rakyat negeri itu lebih hampir kepada pertadbiran negeri.

Perlembagaan baharu Majlis Mesyuarat Kerja (executive council) dan Majlis Mesyuarat Perundangan (legislative council) di Sabah mula dijalankan pada 17 Oktober tahun 1950. Majlis Mesyuarat Kerja itu mengandungi ahli-ahlinya Ketua Setiausaha Negeri, Peguam Negara, Setiausaha Kewangan, dua orang ahli rasmi dan empat orang ahli yang dilantik. Majlis Mesyuarat Kerja ini bertugas untuk memberi nasihat kepada gabenor mengenai segala perkara penting terutama mengenai dasar-dasar kerajaan.

Majlis Mesyuarat Perundangan mengandungi Ketua Setiausaha Negeri, Peguam Negara, Setiausaha Kewangan, sembilan orang ahli rasmi dan sepuluh orang ahli yang dilantik. Gabenor ialah Presiden (Yang Dipertua) bagi Majlis Mesyuarat Perundangan, dan Pengerusi bagi Majlis Mesyuarat Kerja. Kebanyakan pegawai-pegawai yang dilantik menjadi ahli dalam kedua-dua majlis mesyuarat itu bukanlah pegawai-pegawai rasmi.

Jika ada seseorang bumiputera Sabah yang terkemuka menjadi pegawai kerajaan dilantik menjadi dalam mesyuarat itu, tugasnya ialah mengemukakan pendapat orang ramai bukannya pendapat kerajaan yang rasmi.

Encik Fadzil bin Ahmad, seorang guru besar di sebuah sekolah kerajaan di Pulau Labuan, Orang Kaya-Kaya Datu Mustapha bin Datu Harun, seorang ketua daerah di Kudat, Orang Kaya-Kaya G.S. Sundang, dan Orang Kaya-Kaya Muhammad Yasin, keduanya pegawai daerah ialah di antara mereka yang telah memberikan khidmat yang berharga kepada negeri Sabah. Dalam tahun 1950 beberapa orang ahli jawatankuasa lembaga dan penasihat mula diadakan. Sungguhpun mereka tidak mempunyai kuasa tetapi kerja mereka membawakan kehendak rakyat yang sebenarnya kepada kerajaan didapati sangat berguna. Memberi latihan kepada beberapa orang bumiputera Sabah yang menjadi ahli jawatankuasa itu sangatlah mustahak bagi menjalankan pemerintahan yang baik. Di antara lembaga-lembaga yang dibentuk itu ialah Lembaga Penasi-

hat Buruh, lembaga Perancang Bandar dan Kampung, Lembaga Simpanan Wang Getah, Jawatankuasa Penasihat Pelajaran, Jawatankuasa Pusat Penasihat Kawalan Harga dan lain-lain.

Dalam tahun 1951 beberapa kemajuan telah dibuat dalam pemerintahan kerajaan tempatan. Lembaga Luar Bandar di Pulau Labuan telah diadakan semula. Lembaga ini mula ditubuhkan mengikut sebuah undang-undang di Negeri-Negeri Selat kerana pada masa itu Pulau Labuan telah dimasukkan ke dalam Negeri-Negeri Selat. Undang-undang Luar Bandar kerajaan Sabah yang telah diluluskan dalam tahun 1951 membolehkan kerajaan Sabah menubuhkan badan-badan berkuasa tempatan di kampung-kampung. Badan-badan itu akan diberi beberapa kuasa mengenai perkara-perkara dalam kampung masing-masing.

Pada 1 Januari tahun 1952 sebuah lembaga perbandaran telah ditubuhkan di Kota Belud. Di antara ahli-ahlinya ialah 47 orang ahli-ahli tempatan, orang besar-besar dan ketua-ketua. Yang Dipertuannya ialah seorang Pegawai Daerah dan Penolong Yang Dipertuannya ialah Penolong Pegawai Daerah, seorang orang tempatan. Pekan-pekan besar di negeri Sabah masih ada lembaga kebersihan (sanitary boards) yang telah diadakan sejak tahun 1931. Lembaga-lembaga ini berkuasa mengadakan undang-undang mengenai bangunan, kesihatan orang ramai, bekalan air, kebakaran, kawalan lalu lintas di jalan raya dan lain-lain perkara mengenai kawasan masing-masing. Sungguhpun demikian, lembaga-lembaga itu tidak mempunyai wang simpan sendiri dan tidak pula boleh menaikkan cukai dan pembayaran. Kerajaan bercadang hendak menjadikan lembaga kebersihan itu lembaga perbandaran atau majlis mesyuarat munisipal yang mempunyai kuasa boleh menaikkan pembayaran-pembayaran dan menjalankan kerja-kerja yang berhubung dengan hal masing-masing.

Untuk mencapai kehendak rancangan itu, seorang pegawai telah ditempatkan di Sandakan menjadi Pengerusi bagi Lembaga Kebersihan di bandar itu. Ia ditugaskan juga menjalankan penyelidikan dan mengemukakan cadangan untuk menubuhkan majlis-majlis mesyuarat yang baharu. Dalam bulan Mac tahun 1951 satu persidangan orang besar-besar telah diadakan di Kota Kinabalu. Dua puluh dua orang besar-besar telah hadir dalam persidangan itu. Inilah persidangan yang mula-mula diadakan sejak Sabah bebas dari

pemerintahan Jepun. Orang besar-besar itu telah membincangkan cara-cara hendak memajukan pertanian dan mereka berkehendakkan ditambah lagi jalan-jalan dan lorong-lorong dalam kampung, di samping perkhidmatan kesihatan dan sekolah-sekolah yang lebih baik.

Dalam bulan November tahun 1953, undang-undang kuatkuasa Munisipal dan Bandar telah diluluskan. Mengikut undang-undang itu, lembaga perbandaran dan majlis mesyuarat munisipal boleh ditubuhkan. Majlis-majlis mesyuarat itu berkuasa mengawal perkara kewangan dan boleh menjalankan sebahagian besar daripada kerja-kerja kerajaan dalam kawasan masing-masing. Sungguhpun demikian tidak pula diadakan aturan untuk melantik sebarang ahli ke dalam majlis mesyuarat kerajaan, iaitu dari majlis mesyuarat kerja hinggalah kepada ahli jawatankuasa penasihat yang sekecil-kecilnya.

### **Kemajuan Dalam Pembangunan Semula**

Dalam tahun 1950 lapangan terbang di Kota Kinabalu, Sandakan dan di Pulau Labuan telah dibaiki. Pada masa itu hanya ada penerbangan keluar negeri. Tidak lama kemudian baharulah diadakan penerbangan dalam negeri dengan kapal terbang De Haviland Rapid, iaitu penerbangan antara Kota Kinabalu, Ranau, Sandakan, Kudat diikuti dengan penerbangan ke Lahad Datu. Penerbangan ini dikenali dengan nama Sabah Airways. Jalan-jalan raya pun semakin banyak dibina dan dibaiki.

Dalam tahun 1951 jalan raya baharu telah dibuat di daerah Papar dan ini memberi pertolongan yang banyak kepada penanam-penanam padi di situ. Dalam tahun itu juga rancangan parit dan tali air di kawasan Papar dan benomi telah dimulakan. Pada awal tahun 1952 rancangan mendirikan semula bangunan-bangunan telah mula dikerjakan.

Duchess of Kent dan puteranya Duke of Kent akan sampai ke Sabah pada 17 Oktober 1952 dan akan tinggal hingga 21 Oktober. Oleh sebab itu kerja mendirikan beberapa buah bangunan telah disegerakan seperti bangunan Maktab Latihan Guru-guru Melayu di Tuaran, ibu pejabat polis yang baharu dan Depot serta cawangan-cawangannya di Kepyayan, Kota Kinabalu dan sebuah hospital



baharu di Sandakan. Semuanya itu telah disiapkan dan dibuka dengan rasmi oleh Duchess of Kent. Maktab Latihan Guru-guru Melayu di Tuaran itu telah dinamakan Kent College; barrek-barrek itu dinamakan Marina Barracks dan hospital itu dinamakan Kent Hospital. Pada tahun 1952 ini juga jalan-jalan keretapi telah diperbaiki lagi. Sebuah jambatan besi telah dibuat di Sungai Papar. Jambatan yang lama telah binasa dalam masa perang Jepun dahulu.

Sekolah pun semakin banyak didirikan. Pada akhir tahun 1953 telah ada sebanyak 233 buah sekolah dengan seramai 24,105 orang murid. Lima buah daripada sekolah-sekolah itu diletakkan di bawah kelolaan pihak berkuasa tempatan Kota Belud. Jumlah guru-guru semuanya ialah seramai 1,525 orang tetapi sedikit sahaja guru yang terlatih. Maktab latihan yang baharu telah dibuka dalam tahun 1952 untuk melatih guru-guru untuk mengajar di sekolah-sekolah Melayu sahaja. Setakat ini belum ada rancangan hendak melatih guru-guru untuk sekolah-sekolah Inggeris dan Cina.

Pada akhir tahun 1953 telah ada 17 buah hospital dan dispensari, dan 665 buah katil tempat orang sakit. Pada umumnya keadaan kesihatan orang ramai adalah memuaskan tetapi belum ada tindakan tegas yang diambil bagi melawan penyakit malaria dan batuk kering. Dalam tahun 1953 ini juga dua buah pusat kesihatan telah dibuka, sebuah di Kota Kinabalu dan sebuah lagi di Sandakan. Pusat kesihatan ini didirikan terutama untuk ibu-ibu dan anak-anak yang tidak mampu membayar wang kepada doktor.

Rumah-rumah bagi orang ramai, kedai-kedai, panggung wayang, masjid, gereja dan tok kong yang ada dalam tahun 1953 ini hanya bangunan sementara sahaja. Bangunan dalam bandar kebanyakannya rumah kayu beratap kajang, kecuali beberapa buah rumah kedai yang diperbuat daripada batu di Kota Kinabalu. Rumah-rumah kayu beratap kajang itu selalu sahaja terbakar.

Perhubungan dengan telegraf dan telefon telah diadakan di antara bandar-bandar besar, bahkan hingga ke bandar-bandar pedalaman seperti Ranau, Keningau dan Lamag. Sebuah Jabatan Telekom telah didirikan juga di Tanjung Aru. Dalam tahun 1952, Jabatan Pos dan Telegraf telah memulakan perkhidmatan radio dengan cara yang sangat kecil. Perkhidmatan ini kemudiannya dikenali dengan nama Radio Sabah. Studio Radio Sabah itu ialah

dalam kawasan yang dipunyai oleh A. Bradley, jurutera teknik radio itu.

Pada 1 Januari tahun 1953, akhbar harian berbahasa Inggeris mula diterbitkan di Sabah dan dinamakan Sabah Times. Pengarang dan penciptanya ialah Donald Stephens anak Jules Stephens. Jules Stephens telah mati terbunuh dalam peristiwa huru-hara 10 Oktober dahulu. Sebelum ini telah ada akhbar mingguan berbahasa Inggeris bernama North Borneo News yang diterbitkan di Sandakan.

Akhbar Sabah Times memuatkan berita-berita tempatan dan tidak lama kemudian telah menjadi akhbar yang disukai ramai dan tempat orang ramai dari segala bangsa mengemukakan fikiran masing-masing mengenai negeri Sabah. Pada akhir tahun 1953 Sabah Times itu dicetak sebanyak seribu naskah setiap hari.

Pada masa itu orang-orang di Sabah telah mengambil berat dalam bidang sukan dan telah mencapai kejayaan yang gemilang. Usaha ini terutama digalakkan oleh G.S. Kler, Setiausaha "Amateur Athletic Association", yang menerbitkan majalah Kinabalu Magazine yang memuatkan berita-berita sukan, mesyuarat dan latihan sukan. Gabenor Sir Ralph Hone pun menghadihkan sebuah piala perak bagi perlawanan tahunan antara Kota Kinabalu dengan Sandakan dalam perlawanan bola sepak, tenis, badminton dan bola keranjang.

Pada 1 Disember tahun 1953, gabenor Sir Ralph Hone yang telah berkhidmat di Sabah selama empat tahun dan telah berhenti daripada jawatannya. Gabenor baharu bagi negeri Sabah, iaitu gabenor yang ketiga telah datang ke Sabah pada bulan Mac tahun 1954. Gabenor baharu ini ialah Roland Evelyn Turnbull.

Roland Evelyn Turnbull telah mula bekerja sebagai seorang pegawai dalam Malayan Civil Service di Tanah Melayu dan telah dua kali menjadi Residen British di Berunei. Dia telah bekerja sebagai seorang pegawai dalam Suruhanjaya Kewangan Malayan (Malayan Currency Commission) dan menjadi Ketua Setiausaha Kerajaan di Pulau Cyprus dan pernah juga bekerja di benua Afrika.

Pada masa Ronald Evelyn Turnbull menjadi gabenor di Sabah, ia telah membangunkan ekonomi negeri Sabah dan telah menggalakkan orang ramai mengusahakan tanaman baharu dan perusahaan di Sabah, kerana negeri itu sangat bergantung kepada harga getah. Pada bulan Januari tahun 1954, Lembaga Perbandaran Kota Kina-

balu dan Sandakan mula ditubuhkan. Lembaga itu telah diberi kuasa penuh mengadakan undang-undang dan mengelolakan kewangannya sendiri. Dalam kedua-dua lembaga itu lebih ramai ahlinya yang bukan rasmi, tetapi pengerusi bagi kedua-dua lembaga itu ialah ahli rasmi.

Pada tahun 1955, Tawau dan Pulau Labuan pula mengadakan Lembaga Perbandaran masing-masing. Kemudian dalam tahun 1955 itu juga, Majlis Mesyuarat Perbandaran dan Majlis Mesyuarat Daerah Sipitang ditubuhkan dan diikuti pada tahun 1956 di Papar dan tahun 1958 di Tuaran, Beaufort dan kawasan luar bandar Kota Kinabalu.

Dalam tahun 1959, dalam lembaga Perbandaran Kota Kinabalu dan Sandakan hanya ada seorang sahaja ahli rasmi, iaitu pengerusinya. Ahli-ahlinya yang lain semuanya yang dipilih dan dilantik. Dalam tahun 1960 perubahan seperti itu telah dijalankan juga di Tawau dan Pulau Labuan. Dalam tahun 1954 Tawau telah dijadikan sebuah Residensi iaitu Residensi yang keempat di Sabah. Sebelum ini Tawau diletakkan di bawah Residensi Sandakan. Pada akhir tahun 1959 Sabah telah mendirikan 9 buah sekolah menengah Inggeris, 3 buah sekolah Cina dan 342 buah sekolah rendah. Pada masa itu telah ada seramai 41,726 orang murid dalam sekolah rendah dan 3,397 orang murid dalam sekolah menengah.

Di bawah gabenor yang ketiga ini, pembangunan semula bandar-bandar telah dijalankan dengan cepat, terutama selepas berlakunya kebakaran besar di Sandakan pada tahun 1956. Pada tahun 1957 "North Borneo Electricity Board" ditubuhkan dan kemudian diubah namanya "Sabah Electricity Board". Pada tahun 1959, Duke of Edinburgh suami Queen Elizabeth II Raja England telah melawat Sabah. Padang kapal terbang yang baharu di Kota Kinabalu telah disiapkan dengan segera; begitu juga wharf-wharf di Sandakan, Kota Kinabalu dan Pulau Labuan. Sebuah wharf baharu juga telah dibina di Tawau.

Sungguhpun Sabah telah bergerak maju dalam pembangunan tetapi ia masih kekurangan pekerja dan terpaksa mengambil pekerja-pekerja dari Hong Kong dan Singapura bagi menyudahkan pembinaan rumah-rumah dan jalan-jalan raya di Sabah. Pekerja-pekerja itu telah diberi gaji yang tinggi. Dalam pada itu kerajaan Sabah tetap juga menghadapi dua masalah besar iaitu kekurangan tenaga pekerja

dan belanja hidup yang tinggi.

Roland Evelyn Turnbull telah berhenti menjadi gabenor di Sabah pada tahun 1960. Gantinya, gabenor yang keempat dan terakhir di Sabah ialah Sir William Goode. Sir William Goode ialah seorang pegawai dalam perkhidmatan kolonial British. Sebelum datang ke Sabah, ia telah menjadi Ketua Setiausaha Kerajaan di Singapura dan kemudiannya menjadi gabenor di Singapura. Dialah gabenor yang terakhir di Singapura. Dia mempunyai pengalaman yang luas mengenai masalah pertukaran dari pemerintah kolonial kepada pemerintah berkerajaan sendiri.

Pada masa Sir William Goode menjadi gabenor di Sabah, kerajaan Sabah telah bertindak pantas dalam urusan ekonomi negeri itu. Dalam tahun 1960 perdagangan di Sabah bernilai \$26 juta dan telah bertambah maju dalam tahun-tahun berikutnya. Perusahaan kayu balak di Sabah ialah punca kewangan yang terbesar bagi negeri itu. Kayu-kayu balak itu dieksport ke Jepun, tetapi kedudukan itu didapati merbahaya. Oleh sebab itu, gabenor dan saudagar-saudagar kayu balak di Sabah telah cuba mencari pasaran kayu balak yang lebih besar di negeri lain tetapi tidak begitu berjaya. Percubaan telah dibuat bagi mengadakan perusahaan lain dari kayu balak dan kerajaan berjaya mengadakan dua jenis perusahaan baharu di Sabah, iaitu perusahaan minyak kelapa sawit dan perusahaan ikan dan udang.

Sabah sekarang telah mewah makmur. Dalam tahun 1963 eksport perdagangannya bernilai \$570.5 juta manakala import bernilai \$304.7 juta. Barang-barang utama yang dibawa masuk ialah jentera-jentera dan alat-alat untuk pembangunan. Pembukaan Lembah Labuk telah dibiayai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kerja membukanya dimulai pada tahun 1961. Ia dijangka siap pada tahun 1964. Satu laporan mengenai projek itu telah dicetak pada tahun 1966. Tanaman kelapa sawit telah dimulai di Tongud Estate dan kemudian diikuti pula dengan menanam koko.

Pada tahun 1960 perkhidmatan telefon di antara bandar-bandar utama dalam negeri Sabah telah maju dan perhubungan dengan luar negeri telah diperluaskan. Lapangan terbang Kota Kinabalu telah dijadikan lapangan terbang antarabangsa. Perkhidmatan kapal terbang dalam negeri pun dimajukan lagi. Lapangan terbang di Tawau dan Lahad Datu boleh singgahi oleh kapal terbang Dakota

dan kemudiannya kapal terbang Fokker Frienship. Di tempat-tempat yang jauh seperti di Telupid dan Sepulut padang kapal terbang yang kecil telah dibina. Di antara orang yang terkemuka sekali dalam kerja-kerja mengadakan lapangan terbang itu ialah seorang jurutera bumiputera Sabah bernama Charles Jayasuriya. Saudagar-saudagar tempatan telah membeli beberapa buah kapal untuk membawa barang-barang dagangan mereka. Mereka yang dahulunya bergantung kepada kapal-kapal kepunyaan syarikat "Straits Steamship Company" tidak lagi menggunakan kapal kompeni itu.

Di penghujung pemerintahan koloni di Sabah, jalan raya dari Sandakan ke Telupid, Kota Kinabalu ke Papar, Kota Belud ke Kudat, Beaufort ke Sipitang dan dari Beaufort ke Weston semuanya sedang dikerjakan. Rancangan hendak membuat jalan raya menghubungkan Ranau dengan Kota Kinabalu tidak diteruskan kerana kawasan antara kedua tempat itu selalu ditenggelami banjir hingga tidak dapat dibuat jalan raya yang baik di situ. Sebagai gantinya jalan raya dari Kota Kinabalu ke Tambunan dan dari Tambunan disambung ke Ranau akan dibina.

Dalam bidang pelajaran pula sebuah bangunan yang dijadikan maktab bagi guru-guru telah dibina di Kota Kinabalu dan dinamakan Gaya College. Maktab ini menjadi tempat melatih guru-guru yang akan mengajar di sekolah-sekolah aliran Inggeris dalam darjah-darjah rendah dan menengah. Kerajaan membangunkan juga sekolah-sekolah menengah di daerah-daerah luar bandar seperti di Keningau, Ranau, Kudat dan Papar dan kemudiannya di Semporna dan Sipitang. Dalam tahun 1963 telah ada sebanyak 489 buah sekolah rendah dan 32 buah sekolah menengah di seluruh Sabah. Keramaian murid-muridnya ialah seramai 63,482 orang di sekolah rendah dan seramai 6,575 orang di Sekolah Menengah.

Dalam perkhidmatan perubatan, kerja-kerja melawan penyakit malaria dan batuk kering diteruskan juga. Di tiap-tiap bandar besar kecuali Tawau telah didirikan hospital-hospital baharu atau yang dibaharui dan perkhidmatan dari hospital-hospital itu telah dilanjutkan ke kampung-kampung dengan cara menghantar kereta-kereta dispensari dan bot-bot perubatan.

Jabatan Buruh telah ditubuhkan di bandar-bandar besar untuk menguruskan pengambilan pekerja-pekerja baharu. Pekerja-pekerja

itu pula telah mengadakan kesatuan sekerja mereka. Perkhidmatan siaran radio telah dimajukan dan siaran radio menjadi sebahagian daripada kehendak dalam kehidupan sehari-hari. Siaran radio itu ialah dalam bahasa Inggeris, Cina, Melayu dan Kadazan.

Pembinaan semula rumah-rumah tetap berjalan lancar. Dalam tahun 1963 boleh dikatakan semua rumah dalam bandar-bandar besar di negeri Sabah telah siap didirikan. Lembaga perbandaran Kota Kinabalu telah menjalankan rancangan membangunkan rumah-rumah di Kampung Sembulan. Itulah rancangan yang mula-mula dibuat mengikut rancangan perumahan tempatan di Sabah.

Beberapa buah bank dan kedai-kedai perniagaan telah muncul di Sabah, dan di tapak Rumah Rehat Kerajaan telah dibangunkan pula beberapa buah hotel. Dengan adanya rumah-rumah dan kedai-kedai baharu itu, jalan-jalan dan lorong-lorong serta lampu-lampu di tepi jalan pun diadakan. Motokar telah bertambah banyak dan kemalangan di jalan raya pun selalu berlaku.

### **Perubahan Perlembagaan**

Dalam bulan September tahun 1960 perlembagaan Sabah telah mengadakan perubahan mengenai ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat Kerja (Executive Council) dan Majlis Mesyuarat Perundangan (Legislative Council). Seorang ahli tambahan telah dilantik dalam Majlis Mesyuarat Kerja dan ia bukanlah ahli rasmi. Bilangan ahli-ahli rasmi dengan ahli-ahli yang bukan rasmi adalah sama ramainya. Ahli dalam Majlis Mesyuarat Perundangan pun telah ditukar, iaitu ahli yang bukan kerajaan seramai dua belas orang dan anggota kerajaan seramai tujuh orang. Kemudian dalam tahun 1961 bilangan ahli-ahli yang bukan rasmi telah ditambah enam orang.

Tidak ada satu pun aturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan Inggeris untuk diikuti oleh jajahan koloni Inggeris bagi mencapai pemerintahan sendiri atau merdeka. Tetapi tindakan selanjutnya yang hendak dibuat di negeri Sabah ialah mengadakan Majlis Mesyuarat Perundangan yang ahli-ahlinya dipilih oleh orang ramai dan mengadakan sebuah Majlis Mesyuarat Kerja yang mengandungi ahli-ahli yang masing-masing bertanggungjawab dalam sebuah atau beberapa buah jabatan kerajaan. Kemudian ia mungkin mencapai pemerintahan sendiri yang mengandungi sebuah jemaah menteri,

## SEJARAH SABAH

seorang ketua Menteri dan seorang ketua negara yang dilantik oleh kerajaan Inggeris. Kerajaan Inggeris tentulah suka kerana masih bertanggungjawab dalam hal pertahanan dan hubungan luar negeri. Selepas itu baharulah kemerdekaan sepenuhnya diberi seperti yang telah dicapai oleh Persekutuan Tanah Melayu dengan membuat perjanjian pertahanan dengan kerajaan Inggeris di mana kerajaan Inggeris bersetuju mempertahankan Sabah jika berlaku serangan dari luar.

**BAHAGIAN KETIGA  
SABAH DI DALAM MALAYSIA**





## SABAH DI DALAM MALAYSIA

### Cadangan Menubuhkan Malaysia

Pada 27 Mei tahun 1961, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dalam ucapan yang diucapkannya di Singapura telah mencadangkan supaya Persekutuan Tanah Melayu, Berunai, Sabah, Singapura dan Sarawak disekutukan menjadi sebuah persekutuan. Pada mulanya cadangan Tunku Abdul Rahman itu tidak mendapat apa-apa perhatian daripada rakyat Sabah. Dalam pada itu satu rancangan politik telah sampai juga ke Sabah.

Donald A. Stephens, seorang ahli bukan rasmi dalam Majlis Mesyuarat Kerja dan Majlis Mesyuarat Perundangan Sabah yang telah menolak rancangan mengubah "Malaysia" dalam akhbarnya North Borneo News and Sabah Times telah menubuhkan parti politik yang pertama di Sabah bernama United National Kadazan Organization. Tidak lama selepas itu ditubuhkan pula parti United Sabah National Organization yang diketuai oleh Datu Mustapha bin Datu Harun, seorang ahli yang berpengalaman dalam Majlis Mesyuarat Perundangan dan Majlis Mesyuarat Kerja di Sabah.

Kemudian ditubuhkan pula parti United National Pasok Momogun Organization. Parti ini mengandungi ahli terutama orang-orang tempatan dari Keningau dan Tambunan dan pemimpinnya ialah Bingkor dan Orang Kaya Sedoman ialah Orang Kaya Sundang dan Orang Kaya Sedoman ialah anak kepada Gunsanad, seorang ketua yang banyak membantu kerajaan Sabah pada masa kekacauan Mat Saleh dahulu.

Parti-parti politik yang disebutkan itu mengandungi ahli terutama orang-orang kampung, iaitu orang Dusun atau Kadazan, Bajau, Berunai, Sulu, Kirijau, Nabai, Murut dan orang Tambunan.

Di bandar-bandar pun beberapa buah parti telah ditubuhkan. United Party diketuai oleh Khoo Siak Chiew, seorang ahli dalam Majlis Mesyuarat Kerja dan Majlis Mesyuarat Perundangan. Democratic Party ditubuhkan oleh Peter Chin. Kedua-dua parti iaitu United Party di Sandakan dan Democratic Party di Kota Kinabalu dianggotai terutamanya oleh orang-orang Cina. Parti-parti politik di Sabah telah membentuk pendapat masing-masing mengenai cadangan penubuhan Malaysia.

Setelah United National Kadazan Organization di bawah pimpinan Donald A. Stephens mengkaji rancangan untuk menubuhkan Malaysia akhirnya mereka bersetuju dan menyokong rancangan itu.

United Sabah National Organization di bawah Datu Mustapha bin Datu Harun yang bersetuju dengan rancangan penubuhan Malaysia itu. Dua buah parti orang Cina di Sabah, iaitu United Party di Sandakan dan Democratic Party di Kota Kinabalu berpendapat Sabah hendaklah terlebih dahulu mencapai pemerintahan sendiri sebelum masuk ke dalam Malaysia. United Pasok Momogun Organization telah menentang penubuhan Malaysia. Pada masa itu gerakan politik di negeri itu kelihatan dikendalikan oleh kumpulan puak-puak bangsa dan rancangan hendak menubuhkan negara Malaysia itu belum cukup difahami oleh orang-orang di sana.

Ramai orang di Sabah memikirkan bahawa Tunku Abdul Rahman meminta kepada kerajaan British supaya menyerahkan negeri-negeri di Borneo menjadi jajahan koloni Malaya. Pendapat ini telah disokong oleh orang yang memikirkan hendak menubuhkan negara persekutuan yang baharu dinamakan Melayu Raya. Pada hal rancangan seperti itu tidak pernah difikirkan atau dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman. Republik Indonesia dan Filipina memandang rancangan Tunku Abdul Rahman itu sebagai hendak menubuhkan satu jajahan koloni bentuk baharu atau neokolonialisme.

#### **Jawatankuasa Perpaduan Malaysia dan Suruhanjaya Cobbold.**

Dua tindakan telah dijalankan bagi menyelesaikan kekeliruan yang timbul di Sabah. Pertama, sebuah Jawatankuasa Perpaduan

Malaysia telah ditubuhkan diketuai oleh Donald A. Stephens. Tugas jawatankuasa ini ialah memeriksa dan menjalankan penyelidikan mengenai segala alasan yang menyokong dan yang menentang penubuhan Malaysia. Ahli-ahli jawatankuasa terdiri daripada wakil kelima-lima buah residensi di negeri Sabah.

Tindakan yang kedua ialah kerajaan British telah berazam menyokong cadangan hendak menubuhkan negara Malaysia itu. Tetapi sebelum kerja itu diteruskan kerajaan British telah mencadangkan supaya sebuah suruhanjaya dihantar ke Borneo untuk mengetahui pendapat penduduk di sana. Tindakan ini memang mustahak kerana di Borneo tidak ada Majlis Mesyuarat Perundangan yang dipilih oleh rakyat dan oleh sebab itu pungutan suara mengenai pendapat orang ramai tidak dapat dijalankan.

Dalam bulan Januari tahun 1962 kerajaan British telah mengisytiharkan nama ahli-ahli suruhanjaya itu. Pengerusi suruhanjaya itu ialah Lord Cobbold dari British dan ahli-ahlinya termasuk Sir Anthony Abell, bekas gabenor Sarawak dan Sir Edward Watherston, bekas Ketua setiausaha Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Ahli-ahli yang disebutkan itu telah dilantik oleh kerajaan British. Ahli-ahli suruhanjaya itu yang lainnya ialah Encik Muhammad Ghazali bin Syafie dan Datuk Wong Pow Nee yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Suruhanjaya Cobbold telah menjalankan kerjanya dengan cekap dan berkesan. Ahli-ahlinya telah mengembara ke seluruh tempat di Borneo menemui orang ramai, bercakap dengan mereka dan menerima surat-surat yang mengandungi pendapat penduduk di sana. Laporan Suruhanjaya Cobbold itu telah siap dicetak pada 1 Ogos tahun 1962 dan perkara utama yang tersebut dalam laporan itu ialah:

- (1) Kira-kira satu pertiga penduduk di Sabah dan Sarawak mahukan Malaysia seberapa segera.
- (2) Satu pertiga daripada penduduk di sana bersetuju dengan penubuhan Malaysia, tetapi hendaklah ditentukan bahawa mereka tidak akan menderita oleh perubahan itu.
- (3) Selain daripada penduduk itu, orang-orang di sana terbahagi kepada dua bahagian, sebahagian hendak

merdeka lebih dahulu sebelum menyertai Malaysia, dan sebahagian lagi tidak mahu langsung menyertai Malaysia.

Dengan itu nyatalah bahawa kebanyakan penduduk di Sabah dan Sarawak mahu masuk Malaysia tetapi hendaklah ada perjanjian yang tegas apabila menyertai Malaysia.

Pada 1 Ogos tahun 1962, Setiausaha Negeri Bagi Jajajahan British telah memberi ucapan dalam British House of Commons menyatakan iaitu kerajaan British bersetuju penubuhan negara Malaysia ialah untuk kebaikan rakyat Sabah dan Sarawak, dan jika beberapa syarat tertentu dapat dibuat ramai orang yang akan bersetuju dengan penubuhan Malaysia itu.

Oleh sebab kerajaan Malaya dan Singapura telah bersetuju menubuhkan Malaysia, Setiausaha Negeri Bagi Jajahan British menyatakan bahawa kerajaan British dengan kerajaan Yang Di Pertuan Agong Malaya telah bersetuju supaya Persekutuan yang baharu itu ditubuhkan pada 31 Ogos tahun 1963 dengan syarat parlimen kedua-dua buah negara itu bersetuju.

Dalam pada itu bagi memenuhi kepentingan penduduk di Borneo patutlah diadakan sebuah Jawatankuasa Antara Kerajaan yang akan mengatitkan aturan-aturan baharu itu. Jawatan Antara Kerajaan ini mengandungi ahli-ahlinya dari kerajaan-kerajaan British, Malaya, Sabah dan Sarawak. Pada 30 Ogos tahun 1962 satu mesyuarat telah diadakan di Kota Kinabalu, dipengerusikan oleh Marquess of Landowne, Menteri Negara di Pejabat Jajahan British dan Timbalan Pengerusi mesyuarat itu ialah Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaya.

Dalam mesyuarat itu ketetapan diambil untuk menubuhkan lima buah jawatankuasa kecil, iaitu Jawatankuasa Kecil Perlembagaan, Jawatankuasa Kecil Kewangan, Jawatankuasa Kecil Undang-undang dan Kehakiman dan Jawatankuasa Kecil Susunan Jabatan. Pada 12 September tahun 1962, Majlis Mesyuarat Perundangan (Legislative Council) telah melantik ahli-ahli dari negeri Sabah ke dalam jawatankuasa itu. Mereka yang dilantik ialah Ketua Setiausaha Kerajaan R.N. Turner, Peguam Negara, W.K.H. Jones, Setiausaha Kewangan, H.W. Davidson, Datu Mustapha bin Daru Harun, Khoo Siak Chiew dan Donald A. Stephens, Dua

minggu kemudian Sarawak pula telah melantik ahli-ahlinya. Dua orang pemerhati dari Berunai juga telah dilantik. Dalam cadangan asalnya, Berunai memang dimasukkan sama tetapi kemudiannya Sultan Berunai telah membuat keputusan tidak mahu menyertai Malaysia.

Pejabat Jawatankuasa ini terletak di Kota Kinabalu. Di antara 30 Ogos hingga 26 November tahun 1962, Jawatankuasa itu telah mengadakan lapan kali mesyuarat. Empat mesyuarat yang terakhir telah diadakan di Kuala Lumpur. Ahli-ahli dari Sabah telah membuat satu daftar mengenai perkara yang hendak diminta persetujuan dalam mesyuarat itu. Daftar itu dinamakan "Dua puluh Perkara" dan perkara utama ialah di negeri Sabah tidak akan diadakan agama rasmi. Bahasa Malayu hendaklah dijadikan bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris patut dijadikan bahasa rasmi sehingga kerajaan Sabah menetapkan perubahannya. Di samping itu negeri Sabah hendaklah mempunyai sebuah perlembagaan baharu dan perlembagaan baharu ini hendaklah dibuat untuk negara Malaysia berdasarkan perlembagaan yang sedang digunakan di Malaysia; dan Persekutuan yang baharu itu hendaklah dinamakan Malaysia bukan Melayu Raya.

Kerajaan Sabah hendaklah mengawal penduduk dari bahagian Malaysia yang lainnya memasuki Sabah; kerja-kerja dalam jawatan kerajaan di Sabah hendaklah diberi kepada bumiputera Sabah seberapa segera yang boleh; pegawai-pegawai bangsa British digalakkan juga tinggal di Sabah sehingga sampai masanya apabila orang-orang tempatan di Sabah boleh mengambil alih jawatan dari pegawai-pegawai British itu. Kaedah pelajaran yang ada sekarang biarlah tinggal begitu juga dan di bawah kawalan Kerajaan Sabah.

Jawatankuasa itu telah menyediakan laporannya dalam bulan Disember tahun 1962 dan kerja-kerja untuk menubuhkan Malaysia pun berjalan terus. Laporan itu didapati lengkap dan terang. "Dua puluh Perkara" yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Sabah itu hampir semuanya dapat dipenuhi. Mengenai pelajaran, walaupun telah dipersetujui diletakkan di bawah kawalan kerajaan pusat tetapi pihak negeri pun dibolehkan menjalankan kaedahnya sendiri.

Pendeknya, menurut aturan yang telah dibuat negeri Sabah patutlah menjadi sebuah negeri merdeka dan berdaulat dan menjadi ahli dalam negara Malaysia. Kerajaan Sabah telah bersetuju mem-

berikan beberapa perkara mengenai kuasanya kepada kerajaan pusat. Dalam pada itu keseluruhannya kerajaan Sabah masih mempunyai banyak kuasa bagi menjalankan kerja-kerja dalam negerinya sendiri.

Ketua Negara bagi negeri Sabah itu bukanlah satu jawatan yang boleh diturunkan kepada waris dan tidak juga boleh memasuki pilihan untuk menjadi Yang DiPertuan Agong. Perkara yang mustahak ialah Sabah tidak boleh menarik diri iaitu tidak boleh meninggalkan Persekutuan Tanah Melayu ikut suka hatinya sahaja.

### **Perikatan Sabah**

Parti-parti politik di negeri Sabah yang telah ditubuhkan pada tahun 1961 dahulu terus berkembang. Dalam mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan yang pertama dahulu hanya dua buah parti yang mahu memasuki Malaysia, iaitu United National Kadazan Organization dan United Sabah National Organization. Dua buah parti orang Cina United Party dan Democratic Party masih berpendapat bahawa Sabah hendaklah berkerajaan sendiri lebih dahulu sebelum memasuki Malaysia. Parti The United National Pasok Momogun Organization menentang tidak mahu menyertai Malaysia dan pemimpin-pemimpin parti itu telah menyatakan keinginan mereka bersatu dengan ketua-ketua Sarawak United Peoples' Party pergi ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk membangkang penubuhan negara Malaysia.

Dalam bulan Ogos tahun 1961, Parti Kadazan dan Parti National Sabah telah bersetuju menubuhkan sebuah parti Perikatan Sabah. Kemudiannya parti The United National Pasok Momogun Organization menukar pendapatnya, iaitu telah membuat ketetapan menyokong penubuhan Malaysia dan telah bersatu pula dengan Perikatan Sabah (Sabah Alliance).

Dalam bulan Oktober tahun 1961 United Party dan Democratic Party telah bergabung menjadi sebuah parti bernama Borneo Utara National Party dan bersetuju bersatu dengan Perikatan Sabah. Kemudian, orang-orang India telah menubuhkan sebuah parti yang dinamakan Sabah Indian Congress dan telah diterima menjadi ahli dalam Perikatan Sabah.

Datu Mustapha bin Datu Harun telah dipilih dan dilantik

menjadi Pengerusi dalam Majlis Mesyuarat Perikatan Kebangsaan (Alliance National Council) di Sabah dan Donald A. Stephens dijadikan Pengerusi Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerja. Peristiwa politik yang berlaku pada masa ini telah dapat dihapuskan kekacauan antara suku-suku bangsa dalam perjalanan politik di negeri Sabah dan kerajaan yang memerintah di Sabah masa itu menjalankan pemerintahan tanpa pihak pembangkang.

### **Pilihanraya**

Undang-undang Pilihanraya kerajaan tempatan di Sabah telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Perundangan pada bulan Jun tahun 1962. Dengan adanya Undang-undang itu, pilihanraya untuk memilih ahli-ahli yang akan menduduki badan-badan berkuasa, seperti Lembaga Perbandaran dan Majlis Mesyuarat Dacrah bolehlah diadakan dan kerajaan Sabah telah menyatakan bahawa pilihanraya itu boleh diadakan sebelum akhir tahun 1962.

Di seluruh negeri Sabah ada sebanyak 118 buah kawasan pilihanraya dan di antara itu 53 orang calon tidak mendapat tentangan. Pilihanraya itu telah dimulakan pada 16 Disember tahun 1962. Rakyat Sabah sangat tertarik hati kepada pilihanraya yang mula-mula diadakan itu. Hampir 90 peratus daripada pengundi-pengundi telah keluar mengundi. Tetapi pilihanraya itu bukanlah diadakan di seluruh negeri Sabah. Lebih kurang 75 peratus daripada orang-orang yang telah cukup umur boleh mengundi telah didaftarkan sebagai pengundi. Parti Perikatan Sabah telah beroleh kemenangan yang gemilang dan ini membuktikan bahawa penduduk di Sabah telah bersatu-padu hendak menyertai Malaysia.

### **Perubahan Dalam Pemerintahan**

Dalam bulan Mac tahun 1963, satu perubahan telah dibuat dalam pemerintahan di negeri Sabah apabila diadakan "member system". Ahli-ahli dari Mesyuarat Undangan dilantik bagi menjaga sesebuah jabatan kerajaan yang tertentu. Datu Mustapha bin Datu Harun telah dilantik menjaga Pemerintahan Tempatan; Khoo Siak Chiew menjaga Perhubungan dan erja Raya; Donald A. Stephens menjaga Sumber-sumber Alam, dan G.S. Sundang menjaga Jabatan Pelajaran.



Dalam bulan Julai tahun 1963 pilihanraya bagi memilih ahli-ahli yang menduduki Majlis Mesyuarat Undangan diadakan. Pilihanraya itu bukanlah secara langsung melainkan telah diadakan menerusi pilihanraya yang dinamakan "Residency Electoral Colleges". Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan dalam sesebuah Residensi dibenarkan menghantar seorang atau lebih ahlinya ke Electoral College iaitu bergantung kepada luas dan pentingnya sesebuah Residensi itu.

Setelah diadakan pilihanraya, ahli-ahli yang terpilih menduduki kerusi sebagai ahli Majlis Mesyuarat Undangan. Hasil dari pilihanraya itu ahli-ahli yang mewakili parti masing-masing dalam Majlis Mesyuarat Undangan ketika itu ialah:

United Sabah National Organization (USNO) — 8 orang  
 United National Kadazan Organization (UNKO) — 5 orang  
 Sabah National Party (Borneo Utara National Party) — 4 orang  
 Pasok Momogun Organization (PMO) — 1 orang

Pada 28 Ogos tahun 1963, gabenor Sabah telah menggantikan "kaedah member" (member system) itu kepada "kaedah kementerian" (ministerial system) yang dikuatkuasakan mulai 31 Ogos tahun 1963. Menurut peraturan baharu ini Sabah mempunyai seorang Ketua Menteri dan enam orang menteri. Setelah merdeka, nasihat mereka hendaklah diterima oleh gabenor Sabah dalam segala perkara yang berhubungan dengan hal ehwal Sabah. Ini disebabkan kemerdekaan Malaysia itu telah diundurkan selama dua minggu daripada tarikh yang ditetapkan mula-mula dahulu.

Tokoh-tokoh yang dilantik menjadi menteri ialah Donald A. Stephens selaku Ketua Menteri; Khoo Siak Chiew Menteri Perhubungan dan Kerja; Pang Tet Tshung Menteri Kebajikan Masyarakat (termasuk Pelajaran); G.S. Sundang Menteri Kesihatan; Harris bin Muhammad Salleh Menteri Kerjajaan Tempatan; Muhammad Said Keruak Menteri Pertanian dan Perikanan; Richard Yap Menteri Sumber Alam dan Datu Mustapha bin Datu Harun yang dicadangkan menjadi Ketua Negara Sabah dengan gelaran Yang Dipertua Negara.

### **Pemberontakan di Berunai, Penentangan Indonesia dan Tuntutan Filipina**

Penubuhan negara Malaysia telah ditentang oleh negara-negara jirannya. Pemerintah Republik Indonesia di bawah Presiden Soekarno menentang keras penubuhan Malaysia. Pada masa itu Presiden Soekarno disokong oleh Parti Komunis Indonesia dan Komunislah yang menentang penubuhan negara Malaysia itu. Pemerintah Republik Filipina pun menentang penubuhan Malaysia kerana Filipina telah mengemukakan tuntutannya mengakui Sabah kepunyaannya. Tetapi tuntutan itu telah ditolak oleh kerajaan British.

Tuntutan Filipina ke atas Sabah dibuat atas nama waris Sultan Sulu oleh satu kumpulan peniaga-peniaga yang diketuai oleh Osmena dan kerajaan Filipina telah melanjutkan lagi tuntutan itu. Mereka mengatakan Sultan Sulu telah memajakkan negeri Sabah kepada British North Borneo Company dan bukannya menyerahkan negeri itu. Sebagai waris Sultan Sulu mereka mengakui negeri Sabah sebagai milik mereka.

Itu tidaklah benar. Sebenarnya bukan mereka yang mewarisi kuasa Sultan Sulu. Sebaliknya yang mengambil kuasa Sultan Sulu di negeri Sabah itu ialah kerajaan Amerika Syarikat yang telah memberikan kemerdekaan kepada Filipina dalam masa Perang Dunia Kedua dahulu. Amerika Syarikat tidak pernah menuntut haknya ke atas Sabah begitu juga ke atas Filipina.

### **Pemberontakan Berunai**

Pada pagi 8 Disember tahun 1962, satu pemberontakan bersenjata telah berlaku di Bandar Berunai dan di Kuala Belait yang berhampiran dengan Bandar Berunai. Pemberontakan juga berlaku di Bahagian Kelima Sarawak dan di kawasan Sipitang — Weston di Sabah.

Pemberontak-pemberontak itu menamakan diri mereka Tentera Nasional Kalimantan Utara (T.N.K.U.). Ketua pemberontakan itu ialah A.M. Azhari, ketua Parti Rakyat Berunai. Sebelum pemberontakan itu meletus Azhari telah pergi ke Filipina. Pemberontak-pemberontak di Berunai itu telah dibantu oleh pihak

Indonesia. Walaupun pemberontak Berunai itu tidak cukup senjata dan tidak baik pimpinannya, tetapi beberapa kejayaan telah mereka capai di Berunai. Pemberontak-pemberontak itu berbaik-baik dengan orang ramai dan tidak ada pembunuhan dan rampasan barang-barang berlaku.

Di Sabah pula, pemberontakan berlaku terutama di sekitar Labuk di Sipitang dan di Gadong Padas. Enam puluh orang yang lengkap bersenjata serta membawa tujuh pucuk senapang patah dan beberapa butir bom buatan sendiri telah mara menuju ke Weston menyerang dan mengalahkan polis yang ada di situ lalu merampas tujuh pucuk lagi senapang patah. Mereka telah mengibarkan bendera Tentera Darat Kebangsaan. Dari situ, dengan sedikit bantuan yang mereka dapati, mereka telah berjalan lagi mengikut jalan keretapi menuju ke Beaufort.

Berhampiran dengan tempat yang bernama Lingkungan mereka telah ditembak oleh pasukan peronda polis dan seorang daripada orang mereka telah terbunuh. Dengan berlakunya perjuangan di situ tamatlah pemberontakan yang telah berlaku di Sabah. Kemudian pemberontak-pemberontak itu telah menyerah diri ke balai polis. Mereka sebenarnya ialah orang-orang kampung yang telah terpedaya oleh cerita-cerita khayal yang hendak mengembalikan keagungan kerajaan Berunai. Mereka telah dipenjarakan sehingga mereka pun sedar bahawa perbuatan yang telah mereka lakukan itu ialah suatu perbuatan salah. Setelah itu mereka pun dibebaskan dari penjara.

Kebanyakan orang di Sabah hanya mendengar sedikit sahaja berita kekacauan itu. Tetapi siaran radio dan akhbar luar negeri telah membesar-besarkan berita itu sehingga orang-orang di Britain menyangka Kota Kinabalu telah jatuh ke tangan pemberontak. Ketika pemberontakan Berunai berlaku kerajaan Sabah telah menghantar bantuan kepada kerajaan Berunai. Askar-askar British dari Singapura telah diterbangkan ke Berunai dan tidak lama kemudian Berunai pun aman semula. Pada masa itu, Pulau Labuan telah dijadikan pangkalan bagi melawan pemberontak di Berunai dan ramai pula orang dari Berunai melindungi diri ke Pulau Labuan. Askar serta orang ramai yang luka dalam pertempuran di Berunai itu dihantar juga ke Pulau Labuan.

### **Penentangan Indonesia**

Soekarno, Presiden Indonesia telah menyatakan bahawa ia membantu Azahari, ketua pemberontak di Berunai dan juga membantu barang siapa yang ada di Berunai, Sabah dan Sarawak yang menentang penubuhan jajahan baharu British yang disebut Malaysia itu.

Macapagal, Presiden Republik Filipina telah menganjurkan supaya diadakan mesyuarat di antara pemimpin-pemimpin Malaya, Filipina dan Indonesia. Pada 31 Julai tahun 1963 satu mesyuarat di antara Tunku Abdul Rahman Putra, Macapagal dan Presiden Soekarno telah diadakan di Manila. Ketiga-tiga pemimpin itu telah bersetuju menghantar sepucuk surat kepada U. Thant, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu meminta beliau atau wakilnya menjalankan satu penyiasatan untuk mengetahui sama ada penduduk di Borneo mahu memasuki Malaysia atau tidak.

U Thant bersetuju menghantar seorang wakil serta dua buah pasukan yang akan bekerja di Borneo menjalankan penyiasatan itu dan U Thant mengatakan kerja itu mungkin dapat diselesaikan dalam masa enam minggu. Oleh sebab itu penubuhan negara Malaysia yang dijadualkan pada 31 Ogos tahun 1963 itu terpaksa ditunda.

Oleh sebab kerajaan British pun ada sangkut-pautnya dalam hal ini, U Thant telah meminta juga persetujuan dari kerajaan British. Kerajaan British memang telah menetapkan pendiriannya mengenai Malaysia iaitu kerajaan British tidak mahu menerima apa-apa arahan dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan oleh kerajaan British ke atas jajahan takluknya. Sungguhpun demikian, kerajaan British bersetuju dengan penyiasatan yang hendak dijalankan di Borneo bagi mendapatkan maklumat.

Lawrence Michelmores dilantik menjadi wakil U Thant dan pembantunya George Janacek akan menjalankan penyiasatan di Sabah. Pada masa mereka sampai ke Kota Kinabalu pada 19 Ogos tahun 1963 kira-kira seramai 7,000 orang Sabah telah keluar menyambut kedatangan mereka dan menunjukkan bahawa orang-orang Sabah mahu memasuki Malaysia. Mereka yang datang beramai-ramai itu membawa sepanduk-sepanduk yang bertulis

cogan kata berbunyi Merdeka Malaysia; Kami mahu Tunku, tak mahu Soekarno dan lain-lain lagi. Inilah perarakan tunjuk perasaan mengenai politik yang mula-mula diadakan di Sabah dan perarakan itu telah dilancarkan dengan aman. Tidak syak lagi orang Sabah seramai 7,000 orang yang berarak itu mahukan Malaysia.

### **Sabah Mencapai Kemerdekaan**

Penyiasatan oleh wakil-wakil U Thant itu ialah berhubung dengan pilihanraya yang diadakan di Sabah untuk memilih orang-orang yang akan memerintah di Sabah. Tindakan itu telah memberi peluang kepada orang-orang di Sabah sama ada mereka mahu atau tidak menyertai Malaysia. Semua parti politik di Sabah telah mengemukakan calon masing-masing dan ramai pula calon-calon bebas. Tidak seorang pun yang tidak mahu Malaysia.

Pada 14 September tahun 1963, U Thant pun mengumumkan bahawa penyiasatan yang telah dijalankan itu menunjukkan bahawa pilihanraya itu telah dijalankan dengan bebas dan didapati lebih ramai bumiputera Sabah menunjukkan sikap mereka mahu bercantum dengan Malaysia.

Sebelum Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memberikan pandangannya pada 31 Ogos 1963; gabenor Sabah telah menjalankan pemerintahan di Sabah dengan mengadakan beberapa orang menteri seperti yang telah disebutkan. Sebelum Sabah memasuki Malaysia ia telah menjalankan pemerintahan sendiri.

### **Perisytiharan Penubuhan Malaysia**

Pada petang 15 September tahun 1963, gabenor Sir William Goode telah menaiki kapal perang H.M.S. Lion dan tidak lama kemudian beliau pun meninggalkan Jesselton (Kota Kinabalu). Ramai pegawai-pegawai British yang akan berhenti bekerja di Sabah, serta pemimpin-pemimpin rakyat Sabah yang baharu merdeka itu memberi hormat kepada Sir William Goode, bekas gabenor itu. Peristiwa perpisahan itu sungguh mengharukan. Sekarang rakyat Sabah telah menjadi satu bangsa yang merdeka yang bertanggungjawab menentukan nasib mereka sendiri dalam negara Malaysia.

Pada pagi 16 September tahun 1963 dalam satu istiadat yang telah diadakan di padang bandar Kota Kinabalu (Jesselton) di mana perisytiharan penubuhan negara Malaysia telah dibacakan di hadapan khalayak ramai. Yang Dipertua Negara dan Ketua Menteri Sabah yang baharu telah menjalankan istiadat bersumpah memegang jawatan-jawatan mereka.

Pemerintah baharu di negeri Sabah bertanggungjawab menjalankan pemerintahan dalam semua perkara kecuali perkara yang telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Perkara yang telah diletakkan di bawah perintah dan kawalan kerajaan telah dibahagikan kepada tiga kumpulan. Kumpulan yang pertama di bawah perintah dan kawalan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di antaranya termasuklah pertahanan, hal ehwal luar negeri, undang-undang Awam dan jenayah, perdagangan dan perusahaan, perkapalan dan pelayaran, pos dan telegraf, siaran radio, pelajaran (sebahagian kuasa diberi kepada negeri), buruh dan syarikat kerjasama. Kumpulan yang kedua termasuklah undang-undang Islam, hutan dan pertanian, kerajaan tempatan, air, tanah undang-undang dan adat istiadat turun-temurun. Kumpulan yang ketiga ialah perkara yang dikuasai oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan termasuk kebajikan masyarakat, biasiswa, taman-taman negara, perusahaan ternak, parit dan tali air.

Majlis Mesyuarat Kerja telah digantikan dengan suatu Jemaah Menteri terdiri dari seorang Ketua Menteri dan tidak lebih daripada lapan orang atau sekurang-kurangnya empat orang ahli dari Perhimpunan Undangan dan tiga orang ahli kerana jawatannya — Setiausaha Kerajaan Negeri, Peguam Negara, Negeri dan Setiausaha Kewangan Negeri. Kewajipan Jemaah menteri ialah menasihatkan Yang Dipertua Negara mengenai dasar pemerintahan. Ketua Menteri ialah juga ahli dalam Perhimpunan Dewan Undangan Negeri dan mempunyai ramai pengikut dalam Perhimpunan Dewan Undangan Negeri itu.

### **Perhimpunan Dewan Undangan Negeri**

Perhimpunan Dewan Undangan Negeri mengandungi ahlinya seorang Speaker yang mempengerusikan perhimpunan itu dan 32 orang ahli yang dipilih serta tidak lebih daripada 6 orang ahli

yang dilantik. Perhimpunan ini akan menetapkan undang-undang dalam negeri yang akan diluluskan apabila disetujui oleh Ketua Negara.

Perhimpunan Undangan ini akan berjalan terus hingga bulan Jun tahun 1964 kecuali jika dibubarkan oleh Yang Dipertua Negara terdahulu daripada itu. Sebenarnya, Perhimpunan Undangan ini dengan ahli-ahlinya yang telah disebutkan itu telah berjalan hingga bulan Jun tahun 1964 dan ahli-ahli itu jugalah yang duduk dalam Perhimpunan Undangan pada hari perisytiharan Malaysia (16 September 1963).

### **Sabah Dalam Malaysia**

Setelah Sabah merdeka berlakulah kekacauan. Republik Filipina dan Republik Indonesia tidak mahu mengiktiraf negara Malaysia yang baharu ditubuhkan itu walaupun kebanyakan negara dalam dunia telah mengiktiraf Malaysia dan menerimanya menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tentangan Republik Filipina terhadap Malaysia tidaklah begitu keras dan lama-kelamaan kedua buah negeri itu berbaik semula. Pada 3 Jun tahun 1966 Filipina dan Malaysia telah memulihkan hubungan diplomatik. Tetapi Indonesia tidak bersikap begitu. Tentangan Indonesia terhadap Malaysia telah bermula pada hari Malaysia ditubuhkan iaitu pada 16 September tahun 1963. Orang-orang Indonesia telah menyerang bangunan Kedutaan Malaysia dan British yang ada di Jakarta. Dua hari selepas itu, bangunan Kedutaan British di Jakarta habis dibakar oleh orang-orang Indonesia. Kekacauan yang ditimbulkan oleh Indonesia terhadap Malaysia itu berjalan terus hinggalah kepada kejatuhan Soekarno.

Pada 11 Ogos tahun 1966, satu perjanjian telah ditandatangani di Jakarta di antara Kerajaan Malaysia dengan pemerintah Indonesia. Sejak itu semua tindakan konfrantasi antara kedua buah negeri itu dihentikan. Pada masa itu di Malaysia pun berlaku kekacauan sehingga akhirnya Singapura dipisahkan dari Malaysia pada 9 Ogos tahun 1965. Dalam pada itu negeri Sabah terus mengadakan beberapa kemajuan dalam pembangunan negeri itu.

### Konfrantasi Indonesia

Pada hari penubuhan Malaysia iaitu pada 16 September tahun 1963, Presiden Indonesia, Soekarno, telah mengisytiharkan bahawa pemerintah dan rakyatnya akan menjalankan Konfrantasi terhadap Malaysia yang tidak diisytiharkan, atau yang lebih tepat lagi Soekarno mengatakan Ganyang Malaysia.

Dalam pada itu, Soekarno meneruskan juga perjuangannya hendak mengambil Irian Barat dari tangan Belanda. Soekarno telah berjaya mendapatkan Irian Barat untuk dimasukkan ke dalam wilayah Indonesia. Tetapi kejayaannya mendapatkan Irian Barat itu bukanlah dengan peperangan, melainkan kerana lain-lain bangsa, terutama Amerika Syarikat yang menegaskan supaya Kerajaan Belanda memberikan Irian Barat itu kepada Indonesia. Kemenangannya mendapatkan Irian Barat itu menyebabkan Soekarno berharap sangat hendak mencekup Malaysia pula.

Gerakan Konfrantasi atau Ganyang Malaysia yang dilancarkan oleh Soekarno menyebabkan putusnya perhubungan antara kedua buah negara. Semua perdagangan, perniagaan dan pengembaraan antara kedua buah negara terus dihentikan. Serangan bersembunyi-sembunyi telah dilakukan oleh orang-orang Indonesia di perbatasan negeri Sabah dan Sarawak di sempadan Indonesia. Begitu juga beberapa serangan telah dilakukan oleh orang-orang Indonesia ke Semananjung Tanah melayu dan kepada perahu-perahu nelayan Malaysia yang tidak bersenjata di Selat Melaka.

Pasukan bersenjata Malaysia tidaklah mencukupi untuk melawan serangan-serangan dari pihak Indonesia itu. Tetapi oleh sebab ada perjanjian pertahanan yang telah dibuat antara Malaya dengan Britain, askar-askar British pun dihantar ke tempat-tempat berlakunya kekacauan itu. Angkatan Tentera Laut Diraja British telah membantu Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia meronda di laut-laut sekitar Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia telah membantu pasukan Tentera Udara Diraja British membawa askar-askar dan barang-barangnya.

Pasukan Tentera Udara Diraja British telah mengambil alih tanggungjawab mempertahankan udara Malaysia dengan dibantu oleh pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia. Askar-askar yang didatangkan dari Australia dan New Zealand juga telah mengambil



bahagian melawan serangan pihak Indonesia.

Pada masa Konfrantasi, askar-askar Malaysia selalu bertempur dengan askar-askar Indonesia dan askar-askar Malaysia telah menunjukkan bahawa mereka boleh melawan askar-askar Indonesia itu. Orang-orang Sabah telah bertindak mempertahankan negeri mereka. Di samping itu Pengakap Sempadan yang bertugas di daerah Tawau dan di Long Pa Sia di sempadan Sarawak-Indonesia telah menjalankan tugas mereka dengan cemerlang.

Beberapa percubaan telah dibuat oleh negara-negara lain untuk mendamaikan Malaysia dan Indonesia. Dalam bulan Januari tahun 1964, Ketua Negara Kemboja telah cuba mengadakan mesyuarat menteri-menteri di Bangkok dan di negeri Jepun pada bulan Mei tahun 1964. Dalam mesyuarat itu Ketua Negara Kemboja telah menyatakan ia akan bertindak menjadi pendamai antara Malaysia-Indonesia. Kerajaan Amerika Syarikat telah mengancam iaitu jika Indonesia meneruskan konfrantasinya terhadap Malaysia, Amerika Syarikat akan memberhentikan segala bantuannya kepada Indonesia. Ancaman Amerika Syarikat itu telah dijawab oleh Soekarno dengan menghalau keluar semua orang Amerika yang ada di Indonesia. Dalam bulan Mei tahun 1964, Soekarno telah berucap mengatakan iaitu ketika terbit matahari pagi bulan Januari tahun 1965, Malaysia akan dihancurkan.

Dalam bulan Jun tahun 1964, Malaysia telah bersetuju mengadakan satu mesyuarat untuk mencari perdamaian dengan syarat Indonesia hendaklah menarik keluar semua askar-askarnya yang ada di bumi Malaysia. Thailand bersetuju menghantar pemerhati ke mesyuarat itu. Mesyuarat di antara para menteri itu diadakan di Tokyo bagi mencari jalan untuk mengadakan persidangan "peringkat tinggi" di antara pemimpin-pemimpin.

Pada 18 Jun tahun 1964 beberapa orang menteri dari Indonesia dan Malaysia telah mengadakan persidangan di Tokyo dan dua hari selepas itu pemimpin-pemimpin Indonesia tidak mahu menghentikan konfrantasi terhadap Malaysia.

Pada 1 Jun tahun 1966, Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dengan Adam Malik, Menteri Luar Republik Indonesia telah berunding di Bangkok dan bersetuju membuat satu perjanjian bagi menamatkan konfrantasi. Surat perjanjian itu telah ditandatangani oleh Tun Abdul Razak bagi pihak Malaysia dan

Adam Malik bagi pihak Republik Indonesia. Dengan perjanjian itu tamatlah konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia.

Indonesia tidak beroleh apa-apa keuntungan selama menjalankan dasar konfrantasi terhadap Malaysia. Tindakan konfrantasi itu nyatalah telah dijalankan oleh orang-orang jahat di Jakarta. Rakyat Indonesia pada umumnya tidak menyokong Soekarno dalam konfrantasi terhadap Malaysia itu. Walau bagaimanapun kedua-dua pihak Indonesia dan Malaysia telah banyak mengorbankan nyawa rakyat masing-masing dan membelanjakan wang yang banyak. Wang Malaysia yang sepatutnya digunakan untuk pembangunan negara terpaksa digunakan untuk pertahanan dan pertahanan biasanya memakan belanja yang sangat besar.

### **Perubahan Dalam Pemerintahan**

Sebagai yang telah disebutkan, Majlis Mesyuarat Undangan di Sabah telah dijadikan Perhimpunan Dewan Undangan Negeri dalam bulan Jun tahun 1964. Mulai itu hingga bulan Julai tahun 1964 beberapa perubahan telah dibuat dalam Perlembagaan negeri Sabah. Setelah semua itu diselesaikan, ahli-ahli dalam Jemaah Menteri Sabah mengandungi Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri, Menteri Perhubungan dan Kerja, Menteri Kewangan, Menteri Kerajaan Tempatan, Menteri Pertanian dan Perikanan, Menteri Kebajikan Masyarakat, Menteri Kesihatan dan Menteri Sumber Alam. Ahli-ahli yang bukan berjawatan (*ex-officio*) telah dikeluarkan dari Jemaah Menteri. Perhimpunan Undangan mengandungi 32 orang ahli yang dipilih dan lima orang ahli yang dilantik.

Parti Perikatan Sabah ditubuhkan segera atas daya usaha utama dari Datu Mustapha bin Datu Harun dan Donald A. Stephens. Pada hari penubuhan Malaysia 16 September 1963, Donald A. Stephens telah dijadikan Ketua Menteri Sabah dan Datu Mustapha dijadikan Ketua Negara Sabah. Dengan itu tidaklah lagi Datu Mustapha berjuang dalam politik.

Lama-kelamaan The United National Kadazan Organization (UNKO) telah bersatu dengan Pasokan Momogun Party dan dalam bulan Mei tahun 1964 kedua parti itu telah menjadi sebuah parti yang bernama United Pasok-Momogun-Kadazan Organization (UPKO). Untuk mengimbangkan kedudukan parti-parti politik yang

ada di Sabah dalam pertengahan tahun 1964 itu juga satu perubahan telah diadakan. Jawatan Timbalan Ketua Menteri diberikan kepada Harris bin Mohamed Salleh, seorang ahli dalam United Sabah National Organization. Datuk Pang Tet Tshung dijadikan Menteri Kewangan dan orang Kaya-kaya Mohamad Yassin bin Haji Hashim dijadikan Menteri Sumber-sumber Kebangsaan. Yang lainnya ialah Datuk Khoo Siak Chiew sebagai Menteri Perhubungan dan Kerja; Orang Kaya-kaya G.S. Sundang, Menteri Kerajaan Tempatan; Muhammad Said Keruak, Menteri Pertanian dan Perikanan dan Richard Yap Menteri bagi Hal Ehwal Sabah.

Dalam kepentingan politik di Sabah jawatan Ketua Menteri Sabah telah diberikan kepada Peter Lo, seorang ahli dalam Sabah National Party dan Menteri Tidak Berjawatan dalam Jemaah Menteri di Persekutuan Tanah Melayu. Orang Kaya-kaya G.S. Sundang (sekarang Datuk) ahli UPKO menjadi Timbalan Ketua Menteri. Datuk Harris bin Mohamed Salleh menjadi Menteri Kewangan dan Datuk Pang Tet Tshung menjadi Menteri Kerajaan Tempatan.

Kerajaan yang baharu ini mula menjalankan pemerintahannya pada bulan Januari tahun 1965 dan telah menghadapi beberapa kesulitan. Selain daripada menghadapi konfrantasi dari Indonesia ia juga menghadapi keadaan belanja hidup yang tinggi di Sabah dan beberapa ancaman kekacauan politik.

### **Singapura Terpisah Dari Malaysia**

Sebelum bulan Ogos tahun 1965, perhubungan di antara Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu tidaklah begitu baik. Beberapa kesulitan timbul mengenai hal-hal kewangan dan pertahanan tentera. Pemerintah Singapura telah memulakan gerakan yang dinamakan Malaysian Malaysia. Gerakan ini menuduh Kerajaan Persekutuan menjalankan pemerintahan di Persekutuan Tanah Melayu dan mengutamakan orang Melayu. Dalam pada itu, pemimpin-pemimpin dalam Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengatakan dasar pemerintahan mereka tidaklah melebihi sebarang bangsa yang ada di Malaysia. Semua bangsa sama sahaja dan mempunyai hak masing-masing.

Kebanyakan orang merasa bahawa perbezaan yang ada antara kaum itu ialah penyakit yang tumbuh dalam sesuatu bangsa yang baharu muncul dan semuanya akan dapat diselesaikan apabila sampai masanya.

Suatu peristiwa mengejut telah berlaku pada 7 Ogos tahun 1965 apabila pemerintah Singapura dan Kerajaan Malaysia bersetuju berpisah. Pada 9 Ogos 1965 suatu pindaan telah diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Parlimen Malaysia iaitu Singapura dipisahkan dari Malaysia. Sejak itu Singapura telah menjadi sebuah negara republik yang merdeka. Namun begitu kedua buah kerajaan yang telah berpisah itu bersetuju bekerjasama dalam hal pertahanan tentera.

### **Kesan Perpisahan Singapura Ke atas Sabah**

Penduduk di Sabah telah terkejut dan bingung memikirkan peristiwa perpisahan Singapura dari Malaysia yang telah berlaku itu. Ketua Menteri Sabah mengatakan ia tidak dibawa berunding mengenai hal itu dan ahli-ahli politik di Sabah memikirkan syarat-syarat mengenai Sabah memasuki Malaysia itu patutlah dikaji semula.

Tunku Abdul Rahman Putra telah datang ke Sabah dan memberi penerangan kepada penduduk di Sabah mengenai kedudukan Sabah dalam Malaysia. Pada masa itu Datuk Donald Stephens merasa ia tidak dapat lebih lama lagi memegang jawatan sebagai seorang menteri di Persekutuan Tanah Melayu lalu ia pun meletakkan jawatan. Kemudian ia pun tidak mahu campur lagi dalam politik dan meletakkan pula jawatannya sebagai pemimpin UPKO.

Dalam masa kekacauan ini Kerajaan Perikatan di Sabah yang dipimpin oleh Peter Lo berjalan terus. Nyatalah bahawa penduduk di Sabah masih ada kepercayaan kepada Kerajaan Malaysia dan kepada dasar pemerintahan Tunku Abdul Rahman. Perletakan jawatan Datuk Donald Stephens bererti bahawa pemimpin-pemimpin politik di Sabah sebelum tertubuhnya Malaysia telah keluar dari perjuangan politik.

Sungguhpun demikian keadaan seperti itu tidaklah lama kerana setelah Tun Datu Mustapha bin Datu Harun (beliau telah bergelar

"Tun") menjadi Ketua Negara Sabah selama dua tahun, ia tidak mahu lagi menyambung jawatan itu, melainkan berbalik semula ke dalam perjuangan politik. Ia telah digantikan oleh Datuk Pangeran Haji Ahmad Rafee (Tun Datuk Pangeran Haji Ahmad Rafee) yang menjadi Ketua Negara Sabah pada bulan September 1965.

### **Kemajuan di Sabah**

Walaupun menghadapi beberapa kesulitan, Kerajaan Sabah yang merdeka telah menjalankan satu rancangan pembangunan yang besar. Rancangan pembangunan Sabah telah terbit dalam tahun 1966 dan telah dicantumkan ke dalam Rancangan Malaysia pertama bagi tahun 1966-1970. Rancangan itu telah menguntukkan kepada Sabah sebanyak 297.7 juta ringgit dan dicampurkan dengan kewangan Kerajaan Sabah hingga berjumlah 373.3 juta ringgit.

Di antara tahun 1963-1967, sekolah rendah di Sabah telah bertambah sebanyak 56 peratus dan sekolah menengah 86 peratus. Mulai tahun 1966 Kerajaan Persekutuan telah menetapkan iaitu semua murid yang masuk belajar ke sekolah rendah di seluruh negeri Sabah tidak dikenakan apa-apa bayaran.

Jabatan Kesihatan telah membanyakkan lagi kerjanya di kampung-kampung dan mengadakan rancangan kesihatan di luar bandar. Mengikut rancangan ini beberapa pasukan kesihatan yang mempunyai kakitangan yang terlatih dan diletakkan di bawah kawalan seorang Pegawai Perubatan telah ditubuhkan. Sejak itu perkhidmatan kesihatan telah melawat ke kampung-kampung dan ke pekan-pekan kecil. Sebuah hospital besar yang baharu telah didirikan di Tawau.

Dalam bulan Disember tahun 1966 dalam satu ucapan di Kota Kinabalu, Menteri Kewangan Sabah, Harris bin Mohamed Salleh, mengatakan Kerajaan Sabah telah membangunkan semula ekonomi Sabah dari keadaan yang "sangat rosak binasa" kepada keadaan yang ada sekarang dan Sabah telah mengeluarkan hasil yang bertambah-tambah bagi kegunaan perkhidmatan masyarakat. Pada umumnya perkhidmatan masyarakat itu melibatkan bandar-bandar dan kampung-kampung di kawasan pantai laut Sabah. Semua perubahan itu telah dijalankan oleh Kerajaan Sabah yang merdeka dengan dibantu oleh Kerajaan Persekutuan.

Kerja-kerja utama ditumpukan kepada rancangan-ancangan pembangunan. Rancangan pembangunan ini ada dua jenis iaitu rancangan pembangunan besar dan rancangan pembangunan kecil. Rancangan pembangunan besar bertujuan mengumpulkan semula rakyat dari berbagai kawasan berkumpul semula ke tempat yang telah mereka duduki dahulu. Menurut rancangan yang lebih dahulu daripada itu tiap-tiap peladang diberi sebuah rumah, sepuluh hingga lima belas ekar tanah untuk menanam berbagai tanaman seperti getah, koko, kelapa sawit dan kelapa. Mereka sendiri yang membersihkan tanah-tanah mereka serta bercucuk tanam di situ.

Dalam tahun 1965, tiap-tiap orang telah diberi tiga ekar tanah yang telah dibersihkan serta dua ekar tanah yang telah bertanam dengan perbelanjaan kerajaan. Sehingga tahun 1967 sebanyak 15 rancangan penempatan yang besar terdapat di seluruh Sabah. Rancangan penempatan kecil telah dijalankan di kawasan-kawasan yang didiami orang. Tujuan rancangan ini ialah membantu peladang-peladang membaiki ladang mereka masing-masing serta menggalakkan mereka bercucuk tanam di kawasan tanah yang mereka dapati. Kerajaan membantu nelayan-nelayan membuka tanah yang berhampiran dengan kampung mereka. Dalam tahun 1967 terdapat sebanyak 287 buah rancangan kecil seperti ini.

Pegawai-pegawai dari Pihak Berkuasa Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah datang ke Sabah dan mula menjalankan suatu rancangan besar di tempat yang bernama Nangoh dalam Lembahan Labuk. Mengikut rancangan ini, lima buah Pusat Latihan Peladang telah dibuka. Peladang-peladang diberi kursus di pusat itu untuk membantu mereka memajukan lagi pengurusan ladang-ladang mereka. Setengah daripada kursus itu tidak lama hanya selama empat lima hari.

Di samping itu ada juga kursus yang memakan masa tiga bulan. Kursus ini memberi pelajaran kepada peladang-peladang muda mengenai bercucuk tanam. Banyak kemajuan yang didapati dalam kerja bercucuk tanam yang telah diluaskan itu. Kerja itu telah dijalankan di kampung-kampung tetap. Pembantu-pembantu dari Pejabat Pertanian datang menemui peladang-peladang untuk memberi bantuan nasihat mengenai tanaman dan ternakan mereka. Tindakan yang bersungguh-sungguh telah dijalankan bagi menambah lagi syarikat kerjasama. Hasilnya, 52 buah syarikat kerjasama

yang baharu telah ditubuhkan. Sebanyak 79 buah ranca kemajuan tanah untuk menanam getah dan kelapa sawit dibuka. Menerusi syarikat kerjasama orang-orang kampung mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi negeri.

Kerja pembangunan daerah dan kampung telah dijalankan Jawatankuasa Kemajuan Negeri di bawah kawalan Ketua Menteri. Kaedah yang digunakan ialah berdasarkan "Buku Merah" dibuat oleh Tun Abdul Razak iaitu dengan mengadakan beberapa pasukan pembangunan.

Gerakan pembangunan itu dilancarkan di peringkat daerah negeri dan di Persekutuan Tanah Melayu. Ia mengandungi ahlinya terdiri daripada ketua-ketua jabatan kerajaan dalam kawasan itu. Mereka bertanggungjawab bagi mencapai kemajuan bersekolah wakil-wakil yang dilantik dari kawasan itu. Rancangan pembangunan itu direkodkan dalam sebuah buku besar berwarna merah. Dengan adanya kaedah yang disebutkan itu banyak projek-projek kecil yang dahulunya dilupakan, sekarang dilaksanakan.

#### **Buku Rujukan**

<sup>1</sup>K.G. Tregonning: *A History of Modern Sabah 1881-1963*, University of Malaya Press, 1965.

<sup>2</sup>F.G. Whelan, (bekas Timbalan Pengarah Pelajaran Sabah), *A History of Sabah*; MacMillan and Co. (S), private Ltd., Singapore 3.

<sup>3</sup>L.R. Wright: *The Origins of British Borneo*, Hong Kong University Press, 1970.

<sup>4</sup>C. Buckley, *A School History of Sabah*, MacMillan & Co. Ltd., London, 1969.

ngan  
telah  
mulai

oleh  
nteri.  
yang  
erapa

erah,  
ahli-  
was-  
sama  
ngu-  
erah.  
rojek

Naskah: 11/11/1954  
13/11/1954



3 orang lagi, seorang bekas  
Setiausaha MCA

# Datuk Tan dihadap ke mahkamah 28 Jan atas 3 tuduhan rasuah

**MELAKA 15 Jan.** — Bekas Setiausaha Majlis Perbandaran Melaka, Datuk Tan Cheng Chee hari ini dihadap ke Mahkamah Tinggi di sini atas tuduhan melakukan tiga kesalahan rasuah di bawah Ordinan Kuasa-Kuasa Perlembagaan 22, 1970.

Dua orang lagi, bekas Setiausaha MCA Melaka, Ng Chong Chee, 53; seorang pegawai perumahan Loh Koo Peng, 39; dan Jurang Majlis Perbandaran Melaka, Lee Gook Tong, 39, turut juga dihadap ke mahkamah atas tuduhan berhubung dengan Datuk Tan.

## Plan

Presiden mahkamah, Hakim Angustin Paul kemudian menetapkan pada 28 Januari ini untuk mereka dihadap ke mahkamah untuk lagi ke Mahkamah atas tiga tuduhan rasuah.

Datuk Tan menghadapi tiga tuduhan, iaitu:

**Perumahan:** Pada 29 Mac 1974, di Pejabat Majlis Perbandaran Melaka, Datuk Tan ketika itu sebagai Setiausaha Majlis Perbandaran telah melakukan perbuatan rasuah dengan meluluskan layout plan untuk membangun bangunan perumahan di lot-lot nombor 181, 182, 183, 187, 188, 544, 546, 547, dan kawasan bandar 37, Jalan Hujung Pasir, Melaka.



DATUK TAN CHENG CHEE

Plan-plan itu dikemukakan oleh Syarikat Almar Sendiran Berhad pada 4 Mei 1973 di mana Datuk Tan sendiri adalah pemegang saham dan pengurus kerja syarikat tersebut, dan dengan demikian melakukan kesalahan di bawah fasal 2 (1) Ordinan Kuasa-Kuasa Perlembagaan 22, 1970.

**Kedua:** Pada 14 Julai 1975, di Pejabat Majlis Perbandaran Melaka, Datuk Tan telah melakukan perbuatan rasuah dengan meluluskan plan bangunan untuk yad-angur 28 unit rumah dua tingkat berkambar, 8 unit rumah bungalow dan 141 unit rumah teres.

Plan-plan itu juga dikemukakan oleh Syarikat Almar Sendiran Berhad pada 25 April 1974, di mana beliau menjadi pemegang saham dan pengurus kerja dan dengan itu membuat kesalahan di bawah undang-undang yang sama.

**Ketiga:** Pada 17 November 1975, di Pejabat Majlis Perbandaran Melaka, Datuk Tan melakukan perbuatan rasuah dengan melulus-

kan plan bangunan untuk cadangan 16 unit bangunan dua tingkat rumah kedai mengikut plan 07125 yang juga dikemukakan oleh Syarikat Almar Sendiran Berhad.

Ng Chong Chee pula dituduh melakukan dua kesalahan berhubung dengan Datuk Tan melakukan perbuatan rasuah dalam tuduhan pertama dan keduanya.

Loh Koo Peng dan Lee Gook Tong bagaimanapun dituduh bersama-sama berhubung dengan Datuk Tan dalam ketiga-tiga kesalahannya.

## Jamin

Mereka didakwa di bawah Seksyen 109, Parat Cide dan Seksyen 2 (1) Ordinan Kuasa-Kuasa Perlembagaan 22, 1970.

Datuk Mohd. Yusoff bin Abdul Rashid dari Jabatan Peguam Negara bertindak sebagai pendakwa raya dengan dibantu oleh Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka, Enok Sabarudin Osman.

Datuk Tan, Ng Chong Chee dan Loh Koo Peng dibela oleh peguam M. Sheaker, Datuk Wong Song Chow dan Suleiman Chelliah Nevaradnam manakala Lee Gook Tong pula dibela oleh Edgar Joseph Jr.

Mahkamah memerintahkan Datuk Tan yang dikemukakan jamin \$100,000 dengan dua orang penjamin dan tiga lagi yang dituduh ia yang dikemukakan jamin \$50,000 dengan dua orang penjamin tiap-tiap satu diperbaharui hingga hari perbicaraan pada 28 Januari ini.

**Utusan Malaysia**  
15th Jan 1977

...an, amaran juga tidak ada gunanya.

Kita susah untuk mengerti apakah sebenar matlamat kehidupan-kehidupan sebahagian dari penduduk yang menikmati bumi negeri ini selain dari menjadi lintah.

Kiranya kesetiaan dan perpaduan dapat disemai menerusi kemesraan yang dibuat setiap tahun ianya sudah lama terurai dan padu dalam satu.

Dr. Mahathir bertanya dalam bukunya "The Malay Dilemma". Dimana salahnya? Mereka yang bersimpati tentu ingin tahu. Kata Dr. Mahathir bagaimana rakyat Malaysia yang telah hidup begini lama bersatu padu dalam masyarakat berbilang kaum, berbagai bahasa mengamalkan kebebasan beragama tiba-tiba sahaja pada 13 Mei, 1969 boleh bertelegah tidak boleh beragama roma, bertentang mata hinggan pemerintah dan Pemimpin-pemimpin kaum tidak boleh berbuat apa-apa.

Dimana silapnya?

Sekiranya dari awal lagi semuanya sudah berjalan dengan baik mustahil 13 Mei boleh meletus. Sedangkan ketika itu Malaysia sudah mencapai kemerdekaan selama 12 tahun dalam perpaduan dan muhibbah. Seandainya apa yang sudah berlaku itu dijadikan contoh mesti ada orang yang bertanggung jawab kerana sudah melakukan kesilapan.

Benarkah selama ini ada perasaan persefahaman dan perpaduan yang mendalam yang padat? Adakah perbezaan perhubungan orang Melayu dan bukan Melayu dalam sejarah Malaya? Persekitaran terakhir sebelum meletusnya peristiwa 13 Mei 1969. Perhubungan macam mana yang ada pada kaum di Malaysia? Adakah ada lain-lain sebab kejadian buruk ini boleh berlaku.

Kalau kita menjenguk kebelakang kita akan akui sebenarnya tidak ada perhubungan rapat dan muhibbah antara kedua



*Haji Abdul Ghani Isahak  
Kawasan Kalamak  
(Ang M.M.K.)*



*Encik Hashim Haji Yusof  
Kawasan Ayer Panas*

*KUMPULAN Tiga dari MCA yang menyertai kumpulan 8*



*Datuk Tan Cheng Swoo  
Kawasan Pringit*



*Encik Yaow Kay  
Kawasan Machap  
(Ang M.M.K.)*



*Encik Lai See Liong  
Kawasan Betang Melaka  
(Ang M.M.K.)*

Kalau hendak tahu apa yang ditulis oleh Dr. Mahathir diantara perhubungan Melayu – Cina bacalah "The Malay Dilemma". Saya cuma memetik sedikit saja kerana 3 orang M.C.A. yang turut serta dalam Geng 11 yang hendak menumbangkan Ghani Ali.

Satu perkara lagi yang patut diketahui oleh pembaca ialah tentang persaudaraan orang-orang Cina. Juga saya petik dari "Delimma Melayu" sepatutnya Dr. Mahathir menulis buku ini dalam bahasa Malaysia. Yang perlu tahu hal ini ialah orang-orang Melayu.

Perniagaan orang Cina tidak seperti orang Barat. Perniagaan mereka berpusat dalam keluarga sahaja. Mereka kurang ambil berat tentang syarikat Bhd. dan Public Co. Orang Cina pentingkan kekeluargaan. Selagi pengasas perniagaan itu maseh hidup, perniagaan itu tetap kukoh dan teguh. Selain dari terikat dengan keluarga orang-orang Cina bertanggung jawab kepada suku mereka, kedaerahan asal dan bahasa. Dan yang penting bangsa mereka. lin semua sangat perlu sebagai asas perniagaan. Taat, setia, jujur kepada keluarga adalah sifat utama bangsa Cina.

Selain dari perhubungan kekeluargaan yang rapat Dewan Perniagaan Cina dan lain-lain persatuan yang sentiasa bantu membantu, tolong menolong dalam apa cara. Untuk menaikkan mereka dan menyekat kesempatan kepada orang yang bukan ahli mereka. Antara sebab sesudah merdeka mereka menguasai dunia perniagaan.

Perasaan perkauman mereka lebih rapat dan tinggi dari perniagaan. Ini terbawa-bawa dalam bidang politik dan mereka berdiri tegak mempertahankan kebudayaan dan bahasa. Lihat sahaja papan tanda perniagaan hingga setengah-tengah bandar di Malaysia kelihatan seperti negeri Cina.

Perjuangan Cina lebih kecinaan dari perniagaan. Kekuatan

# TUN PERAK



Ketua Menteri Melaka kelihatan begitu berhati-hati sekali mengatunkan bintang pahlawah "Tun Perak" ke leher Dato Sri Hussein Onn.

pertemuan yang bersejarah pada petang ini, sempena dengan lawatan resmi Y.A.B. Dato Hussein Onn keMelaka bagi kali pertamanya. Tidak dapat hendak digambarkan betapa besarnya hati kami sekelian menerima lawatan Y.A.B. Dato keMelaka pada kali ini, dan akan kami jadikan lawatan Y.A.B. Dato keMelaka pada kali ini, dan akan kami jadikan lawatan Y.A.B. Dato sebagai perangsang untuk kami meneruskan perjuangan yang sedia ada.

Saudara-saudara sekelian,

Setelah 31 tahun UMNO berjuang untuk Kemerdekaan bangsa, U gama dan Negara, kita bertemu dengan beberapa orang pemimpin yang dikasihi dan disanjung serta dipuja puji dengan kata-kata, misalnya kepada Allahyarham Dato Onn "Penghancur Malayan Union", Pencipta "Persekutuan Tanah Melayu" dan kepada Yang Teramat Mulla Tunku, "Bapa Kemerdekaan", kepada Allahyarham Tun Abdul Razak dengan "Bapa Pembangunan" tetapi ini hanya dengan kata-kata sahaja.

Pada galibnya, kata-kata ini akan dibawa oleh angin lalu, akan dihanyutkan oleh air mengalir, akan ditelan oleh masa dan zaman yang mana akan hilang umpama bulh-bulh dipermukaan air sungai, gemerlapan, pecah dan hilang - Kata Pengarang-Pengarang Barat "Memory is short" maknanya lebih kurang dalam Bahasa Malaysia "Ingatan itu tidak kekal".

Oleh yang demikian apabila saya mengambil alih Ketua Perhubungan UMNO Negeri, saya memikirkan cara yang mendalam, bagaimana agaknya supaya, mengenangkan jasa kepada pemimpin-pemimpin kita yang gigih berjuang, yang disanjung rakyat, yang dikasihi oleh Ahli-Ahli UMNO dapat dikekalkan dengan satu-satu ingatan yang dapat ditangkap oleh mata dan dirasa oleh tangan, supaya kekal abadi kenangan itu bagi orang-orang yang dibelakang, maka kami pun mengambil satu inisiatif atau daya usaha bagi mencipta sebuah bintang untuk menyangkutkan kasih sayang, kenang-kenangan, ikatan rasa kasih kepada pemimpin kita yang tersebut seperti kata pantun Melayu:

**"Ape guna menanam selasih  
Kalau tidak dengan buahnya  
Ape gunanya orang berkasih  
Kalau tak ada tanda rupanya".**

Maka bintang yang diciptakan itulah menjadi sebagai lambang atau tempat memautkan kenangan kasih yang tidak

**"TUN PERAK"** boleh kita temui didalam pribadi Y.A.B. Dato.

Betapa tidak, umpamanya, kalau **"TUN PERAK"** itu keturunan dari Seri Wak Raja salah seorang Bendahara Melaka, Y.A.B. Dato Hussein Onn keturunan dari Menteri Besar Johor yang pertama, iaitu Allahyarham Dato Jaafar salah seorang yang bertanggung-jawab mencipta Perlembagaan Negeri Johor, demikian juga ayahandanya Allahyarham Dato Onn bin Jaafar salah seorang Pengasas UMNO, pemimpin ulong yang bijaksana, Ahli Pidato yang mengkagumkan, pencipta Persekutuan Tanah Melayu, Ahli Politik yang disegani oleh kawan dan lawan dan kalau **"TUN PERAK"** boleh melupakan persengketaan dalam Negeri dan bangkit berjuang untuk mempertahankan Melaka dari serangan SIAM, demikian juga Y.A.B. Dato Hussein bangun memikul tanggung jawab dengan gagahnya, walaupun, berpulangnya Allahyarham Tun Abdul Razak secara tiba-tiba rakyat seolah-olah kaku diseluruh Negara, larutan perkara Dato Harun Idris, diikuti dengan pergolakan 3 Abdul mengeruhkan suasana.

Begitu pula kalau zaman **"TUN PERAK"** Ugama Islam berkembang diseluruh Negara, zaman beliau pula dakwah tersibar dimana-mana diMalaysia ini.

Dengan pimpinan beliau jua, hubungan Malaysia dengan Negara-Negara jiran khususnya ASEAN begitu erat, hubungan dengan Dunia Islam - Asia Barat dikatakan kukuh sesuai dengan hasrat dan cita-cita deklarasi Kuala Lumpur, yang menyarankan konsep **"Aman bebas dan Berkecuali"**.

Demikian juga kalau **"TUN PERAK"** setelah berkuasa tidak menggunakan kuasanya untuk kepentingan diri. Y.A.B. Dato Hussein mempunyai watak demikian itu, ini jelas, apa yang dibeberkan dalam salah satu ucapan yang dibuat oleh beliau lebih kurang berbunyi, **"Diri saya tidak penting, saya lebih mementingkan Negara"**.

Kata-kata ini menggambarkan bagaimana tingginya semangat keperwiraan yang berkobar-kobar didalam jiwa Y.A.B. Dato Hussein. Bak kata pepatah Melayu:

**"Bagai landak dihujung tanjung  
hilang seekor berganti seekor"**.

Selain dari yang disebut diatas, kalau Tun Perak adalah sebagai seorang pahlawan yang terlatih dan terbilang begitu pula

## FIRASAT DATO HUSSIEN ONN

Ucapan dari hati ke hati yang telah disampaikan oleh Y.A.B. Tuan Haji Abdul Ghani Melaka sudah tersusun dengan begitu indah dan penuh bermakna.

Penulis hanya ingin menambah berkenaan firasat Dato Hussein.

Dato Hussein mempunyai mata yang berlainan dengan Tengku dan Tun (Arwah) bekas Perdana Menteri Malaysia. Orang-nya terlalu halus dan teliti. Bentuk mata orang yang tahu apa dia hendak buat dan kenapa dia mesti buat. Kedudukan dan bentuk mata yang penuh tanda tanya dalam ingatan. Kerana beliau sendiri sentiasa bertanya pada diri sendiri beliau tidak suka ditanya-tanya.

Bentuk mulut dan bibir Dato Hussein juga lain dari kedua-dua Perdana Menteri sebelum beliau. Mulut beliau nipis dan lurus. Orang begini tidak suka banyak cakap. Orang-nya terlalu berpegang pada prinsip kalau dalam kehidupan\*sehari-hari. Dia tidak mahu ambil hak orang. Dan hak dia, dia tidak suka beri orang. Orang-nya cermat, Tidak boros, Tidak kasehan orang tidak





ALLAH YARHAM TUN ABDUL RAZAK BIN HUSSIEN ALHAJ

## LAHIRNYA SEORANG PEMIMPIN

Tidak semua orang tersurat untuk menjadi pemimpin. Ada setengah orang bekerja keras untuk menjadi pemimpin. Ada orang dipilih, dilantik, diangkat untuk jadi pemimpin. Ada pula yang sudah ditakdirkan Allah untuk jadi pemimpin. Nasibnya sudah tersurat di Luh Mahfuz. Tidak ada orang yang boleh menghalang pemimpin serupa ini.

Masa dan tempatnya sahaja yang akan membuktikan. Ada pemimpin kekal memimpin hingga ke akhir hayat. Ada hanya separuh jalan dan ada setengah pula dalam jangka waktu singkat sudah sesat dan tersungkur.

Pemimpin mesti ada pendirian. Mesti tegas dan punya sifat keras kepala. Tidak boleh tunduk kepada semua kehendak orang lemah. Melainkan untuk kebaikan bersama bukan kerana sentimen atau prejudis.

Pemimpin adalah pengubah zamannya, mesti berani, agrasif, tegil dan keras hati. Tidak ikut telunjuk orang. Pemimpin yang mengikut arahan dan telunjuk 'Puppet' namanya.

Sifat kepimpinan yang saya perhatikan terdapat pada Ghani Ali ialah Agrasif, berani dan keras hati ini mungkin juga. Keadaan semasa kecilnya mempengaruhi hidupnya dewasa ini.

Nabi Besar kita Muhammad SAW, semasa kecil menjadi gemala kambing, anak yatim piatu. Kebanyakan pemimpin-pemimpin Agung di dunia yang tercatat dalam sejarah menjalani hidup yang susah dan tertekan semasa kecilnya.

## II

"Celaka manusia, manusia-manusia yang penakut".

Inilah pertama kalinya saya mendengar peribahasa demikian. Pada mula saya kurang ambil berat kerana orang Melaka memang suka gunakan perkataan Celaka. Banyak yang saya jumpa suka bersikap kasar dan maki-maki, jadi gurau senda mereka.

Kata hikmat seorang ibu kepada seorang anak. Ibu bertuah yang mengandungkan seorang anak lelaki yang kini menjadi seorang Ketua Menteri Melaka.

Kenapa ibu mencabar anaknya yang baru meningkat remaja supaya berani. Tahukah ibu itu yang anaknya kelak akan menjadi seorang pemimpin yang akan menempah sejarah? Tidak mungkin. Sedangkan Melaka sejak 1511 tidak ada pemimpin. Semua pendekar, pejuang lari meninggalkan Melaka bila dijajah. Melaka negeri bergolak. Orang yang berani sahaja yang akan berjaya. Orang yang tidak

mencincang, bahu mesti sanggup memikul. Jangan lempar batu sembunyi tangan itu pengecut namanya bukan pemimpin.

Bekali sudah melangkah untuk menuju perubahan dan pembaharuan, rancangan mesti diteruskan. Inilah antara sifat pemimpin yang akan dikenang zaman. Nampaknya beginilah keadaan Ghani Ali sekarang. Bedang dicabar dan diuji. Mudah-mudahan beliau tabah hati.

Semasa pemimpin itu masih hidup kebalikan dan usahanya menjadi camuhan. Silap dan salah sahaja yang dibesar-besarkan, diheboh-hebohkan, difitnah-fitnahkan. Mudah-mudahan Allah mengampunkan dosa kita semua. Astagfirullah. Mudah-mudahan Tuhan tetapkan iman kita semua. Amin. Buka mata biar nampak bila memandang. Biar jelas kita menenguk. Gunakanlah mata kepala bila merenung. Semuga nyata apa yang kita lihat dengan menggunakan mata hati. Amin.

Bersyukur keHadrat Allah kalau kita telah mendapat taufik dan hidayah. Boleh merenung dengan pandang Ma'rifatullah. Agar dapat membezakan antara intan dan kaca. Dapat menentukan dengan fikiran yang waras antara yang salah dan yang benar. Amin ya rabbil alamin.

# Haji Ghani berikrar akan baiki lagi pentadbiran Majlis Bandar Melaka

MELAKA 12 Dis. — Ke-  
tuua Mesyuarat Majlis Abdi  
Ghani Ah berkata, beliau  
akan berusaha membaiki  
kelembagaan kelengkapan yang  
berlaku dalam pentad-  
biran majlis perbandaran  
sejurus memulainya apabila  
suka bunsu ketetapan wewen-  
gan dilaksanakan awal  
Januari depan.

Beliau berikrar akan me-  
hentikan lagi pentadbiran  
majlis ini mengikut kehen-  
dak-kelengkapan rasmi bagi  
pembangunan negeri bagi  
menjanda satu masyarakat  
yang progresif di masa ha-  
depan.

Menurutnya, perkara-  
perkara yang berbangsa  
seperti rasa tidak puas hati  
rakyat terhadap majlis ini  
di masa masa lalu hendak-  
lah dijadikan pengajaran  
dan perkara perkara mende-  
bit perlu dibiasa.

Bagiwa mesyuarat negeri  
rebut menerima keputusan  
membina satu majlis Perbandaran  
Majlis Perbandaran  
dan juga memertanaka wa-  
nya menghadapi pe-  
nyakit ketiduran-cabaran.

Haji Abdi Ghani berka-  
ta demikian ketika berucap  
di majlis perniagaan kepada  
Suruhanjasa Majlis Perban-

daran Encik Abdi Rashid  
bin Abdi Rahmas di Di-  
wan Perbandaran di sini te-  
ruar petang semalam.

Encik Abdi Rashid yang  
bertugas sebagai Suruhanjasa  
Majlis Perbandaran selama  
1 tahun 4 bulan akan beru-  
kar ke Kuala Lumpur bulan  
hadapan memegang jawan-  
gan di Kementerian Kewa-  
nggan.

Haji Abdi Ghani meng-  
umumkan pertunjukan Encik  
Mohd. Taib Ah Tunku-  
lan Pengarah Kerajaan  
Tempatan menjadi Tur-  
bulet Pendaun Majlis Per-  
bandaran.

Encik Mohd. Taib juga  
akan memangsa jawatan  
sejurusnya menggantikan  
Encik Abdi Rashid serta  
sementara waktu sebagai  
keturang pegawai pentadbi-  
ran mesyuarat jessaran Yu.

Haji Abdi Ghani mem-  
hambatkan, Bernas Nasional  
Negeri membubunja menjadi  
Presiden Majlis Perbandaran  
ketaka membunja satu  
cerek pentadbiran yang le-  
bih baik majlis pentadbiran  
di masa hadapan.

Banyak perkara yang  
hendak dilaksanakan mengu-  
ap masalah rasmi dan ke-  
hidupan sehari-hari.

masalah rasmi, wanggan,  
dan masalah pentadbiran  
lainnya.

Beliau mesyuarat pegawai-  
pegawai majlis perbandaran  
menyediakan tahun 1977 se-  
bagai tahun permulaan  
memberikan pentadbiran  
yang lebih baik kepada rak-  
yat yang memuliduramkan.  
Mesyuarat ini Utusan  
Malaysia ditahankan May  
di Kerja Kerajaan Negeri.  
SEKCI dalam wanggan  
juga wanggan telah beru-  
kup mengesahkan perlan-  
tan Haji Abdi Ghani Ah  
menjadi presiden baharu  
Majlis Perbandaran Melaka.

Selang itu juga ditahan-  
kan telah mengesahkan  
perlanakan Encik Mohd  
Ah sebagai mabulan presi-  
den.

Sementara itu DAP da-  
lam satu kepimpinan hari ini,  
menyukai kerat dengan per-  
niagaan Kerja Mesyuarat  
haji Presiden Majlis Per-  
bandaran dan mesyuarat  
perlanakan ia tidak boleh  
menyelidikan masalah  
yang dihadapi oleh rakyat di  
majlis ini.

Terdahan Suruhanjasa Or-  
ganisasi Ketragangan DAP,  
Encik Chan Teik Chuan me-  
rangkap ahli Dewan Negeri  
Melaka kawasan Longketa  
berkata, DAP mesyuarat ia  
juga diadakan satu petikan  
DAP wewenja yang telah  
ditahan ia beru-beru  
mendapat perniagaan rak-  
yat.

Beliau juga mesyuarat  
mengumumkan yang ditahan  
untuk memuliduramkan ke-  
putusan tempatan ketragangan  
berkhalaf orang-orang yang  
berkhalaf akan berpeganga-  
tan dan berkepercayaan tetapi  
perlanakan pentadbiran dan  
rasmi Negeri.

**Utusan Malaysia**  
23rd November 1976

Satu usaha yang paling berat, rajang tidak dan orkap yang  
diakukan oleh Ghani Ah, ialah mengumpul ahli Majlis Perbandaran  
Melaka yang akan terpacu dengan bina rasmi oleh orang UMNO negeri.

Secara kebetulan saya sedang menulis darihal Ghani Ali. Saya akan membaca satu persatu yang tersurat dimuka Ketua Menteri Melaka ini. Betul tidak terserahlah kepada kawan baik Ghani Ali yang pernah bergaul dengannya. Begitulah halnya dengan manusia kalau hendak tahu baiknya tanyalah pada sahabatnya.

Begitulah pula sebaliknya kalau hendak tahu jahat seseorang, tanyalah pada orang yang memusuhinya. Ghani Ali Ketua Menteri Melaka adalah pemimpin yang dipilih oleh rakyat. Sebenarnya beliau telah tersurat untuk menjadi pemimpin. Tidak slapa yang dapat mengangkatnya atau menjatuhkannya. Tidak juga Ghaffar Baba melainkan dengan izin Allah.

Dengan itu saya merasakan tidaklah menjadi satu kesalahan sekiranya saya memfirasatkannya dan segala rahsia yang terdapat dimukanya saya dedahkan kepada rakyat yang telah memilih dan sedang dipimpin oleh beliau.

Gambar Yang Amar Berhormat Tuan Haji Abdul Ghani Ali, Ketua Menteri Melaka ada tergantung disemua Pejabat-Pejabat Kerajaan dan juga Swasta selain dari dikedai-kedai dan digedung-gedung perniagaan. Hampir setiap rakyat pernah melihat atau menatap gambarnya.

Sebagai seorang pemimpin, gambar Y.A.B. Tuan Haji Abdul Ghani Ali selalu sahaja tersiar dalam akhbar-akhbar. Sesudah orang membaca berita yang berkenaan dengan beliau atau Melaka. Surat khabar itu dibuang termasuk juga gambar pemimpin-pemimpin, bintang filem dan penyanyi serta orang yang dipuja menjadi pembungkus asam garam dan belacan dikedai runcit.

Saya fikir tidak banyak rakyat Melaka yang cuba mempelajari cerita yang tersurat disebalik wajah Ghani Ali yang selalu berwajah riang. Berair muka jernih dan kelihatan lebih muda dari umurnya.

Banyak kawan Ghani Ali yang mengakui Enclik Ghani Ali tidak makan tua! Ilmu apa yang dipakainya? Yang membuat orang selalu suka dengan beliau? Dan kelihatan sentiasa riang dan berseri.

Pada pendapat orang Melayu bila orang itu tidak makan tua, mukanya sentiasa menarik dan berseri, orang itu mesti ada masuk susuk. Sama ada emas atau berlian.

Sebenarnya air muka yang jernih, mata yang bersinar dan wajah yang sentiasa berseri datang dari jiwa yang bersih yang tidak menyimpan dendam, tidak pernah menaruh hasad dengki atau sifat yang suka menganiaya orang lain. Kerana dia suka dengan orang.



Haji Ghani Ali

Kerajaan Melaka ambil berat untuk  
selesaikan masalah perumahan — Ghani Ali

MELAKA 17 DIS.

**PERBADANAN** Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) akan berusaha untuk memajukan tanah-tanah E.M.R. yang didapati terbiar disekitar bandar ini. Demikian Ketua Menteri, Haji Abdul Ghani Ali menyatakan petang semalam.

Kata beliau, tanah-tanah tersebut kepunyaan orang-orang Melaka dan dengan itu akan dipasarkan ini memberi peluang kepada mereka memiliki rumah dengan harga yang lebih murah.

Kerua Menteri juga membezakan, pihak kerajaan negeri akan membangunkan petang kepada ahli-ahli pasukan kesetiaan memajukan projek projek untuk mereka di negeri ini.

Berucap ketika mesyuarat

## Tanah2 E.M.R. yang terbiar akan dimajukan

putik anak-anak kecil kepada 254 orang yang mendiami rumah di Taman Melaka Baru di sini petang semalam. Ketua Menteri berkata kerajaan mengambil berat untuk menyelesaikan masalah perumahan di negeri ini.

Kata beliau, projek Melaka Baru ini merupakan satu dari anak syarikat perbadanan swasta usaha sama dan kawasan tanah yang akan dimajukan melalui projek, diawasi oleh kerajaan dan orang ramai kebanyakannya orang Melaka.

Peringkat pertama syarikat ini, semestinya, tidak menjual rumah kepada orang Melaka kerana harga yang terbunuh ialah \$10,900 dan beraja di kerok, pada persertaan mereka terlalu kurang.

Kerua Menteri meminta supaya perkara ini diperbaiki dan dibenarkan lagi rumah-rumah murah dalam projek yang akan datang supaya lebih ramai orang Melaka terutamanya yang berpendapatan rendah dapat memiliki rumah di situ.

Haji Abdul Ghani ber-

kata usaha menggantikan perniagaan ini bukan sahaja di peringkat darat juga kerana orang hendaklah juga diperibadikan dari segi sosial dan kemahmuran kerjaya.

Kata beliau, perjanjian Bariputra pada kelulusan bahawa haruslah membayangkan satu keadaan yang utuh dan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Pengerusi Lembaga Pengarah Melaka Baru, Encik Omar Haji Abu berkata, pihaknya akan melaburkan kira-kira 2,000 unit di kawasan seluas 308 ekar dalam lima peringkat dengan perbelanjaan hampir 60 juta ringgit.

Peringkat pertama, 12 ekar, kedua, 37 ekar, ketiga, 66 ekar, keempat, 19 ekar dan kelima, 59 ekar — kosnya projek ini ditanggung 50 peratus oleh kerajaan.

Encik Omar berkata, pihaknya akan melaksanakan projek ini dalam 30 petang daripada rumah-rumah yang akan didirikan itu akan ditukarkan kepada Rempro.



Tanyalah pada pegawai-pegawai Kerajaan, Ahli yang Berhormat dan kawan-kawan yang pernah mengenali Ghani Ali. Geng 11 yang cuba menumbangkan Ghani Ali pun akui yang Ghani Ali seorang yang peramah, tidak sombong, lekas mesra dan suka menolong orang. Seorang pemimpin yang baik hati.

Bentuk mulut Ghani Ali Luas, besar, bibirnya sederhana tidak nipis dan tidak pula terlalu tebal. Ini membuktikan Ghani Ali tidak lokek, tidak akan menghampakan orang yang datang minta pertolongan darinya, tidak 'selfish.'

Pertolongan Ghani Ali Ikhlas, tidak mengharapkan pembalasan. Bukan bertujuan menabur budi. Pada bibir yang tertutup rapat dan garis antara dua bibir yang lurus menunjukkan ketegasan sikap beliau dan seorang yang pandai menyusun kata bila berbicara. Juga tersurat di bibirnya.

Tidak semua orang yang berdahi luas mesti menjadi orang yang luas fikiran dan banyak akal. Tetapi kebanyakan orang bijak pandai yang luas fikiran berdahi luas, susah hendak berjumpa pemimpin-pemimpin dan orang bijak pandai yang berdahi sempit. Berkepala dan telinga kecil. Ghani punya bentuk telinga tadah embun.

Terbukti Ketua Menteri Melaka yang berdahi luas ini mempunyai pandangan yang jauh. Orang yang lebih mengutamakan masa depan. Bentuk dahinya juga di samping kepala yang sederhana besarnya menggambarkan orangnya yang berhemah tinggi, bijak dan berakal. Tidak begitu lekas terpengaruh dan sukar untuk diperbudak dan diperbodohkan.

Air mukanya jernih, wajahnya lembut. Dari renungan mata yang tajam dan bersinar kecerdikan melambangkan beliau seorang yang mempunyai kalibar dan banyak keistimewaan.


Ghani Ali kelihatan garang dan tegas. Sentiasa mendengar dengan penuh minat segala yang diceritakan kepadanya. Tapi mempunyai konsep dan perinsip yang tersendiri. Pada keseluruhan bentuk muka dan wajah kepimpinan memang sudah terdapat pada beliau. Tidak dapat dinafikan dari jenis rambut dan bentuk hidungnya yang mancung beliau berkalibar orangnya, mempunyai kasisma.

Sifat semula jadi yang dipunyai oleh beliau ialah keras hati. Peramah, tidak mudah dipengaruhi, seorang yang dilahirkan egresif. Peramah tidak senang duduk diam, rajin penuh usaha. Ada sahaja yang hendak diusahakannya.



Antara usaha Ghani Ali untuk memajukan Bandar Melaka yang dulunya cuma 1 batu persegi. Sekarang laut ditimbus untuk Pembangunan. Disinilah nanti letaknya Perkampungan Melayu. Ahli politik mesti pandang jauh.





## **PUSAT LATIHAN PERKAPALAN MALAYSIA**

Pusat Latihan Perkapalan Malaysia yang terletak di Tg. Dahar, Kuala Sg. Baru ini adalah suatu projek usahasama diantara Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC), Yayasan Kuok, International Maritime Carriers dan Kerajaan Pusat. Pusat ini terletak didalam kawasan Y.A.B. Haji Ghani Ali

Pusat Latihan ini memainkan peranan penting dalam melatih belia-belia yang kurang bernasib baik untuk meneruskan pengajian ke instituit pengajian tinggi yang lain tetapi mempunyai kecenderongan serta mempunyai minat yang mendalam dibidang perkapalan. Seperti yang kita sedia maklum industri perkapalan

## MALAM BERSEJARAH



T.Y.T. yang di Pertua Negeri Melaka, menandatangani buku peringatan STI Melaka di Saksikan oleh Cik Rahman Lembang Sebagai Pengurus Straits Travel Inn beserta Pengurus Besar P.K.N.M.

Lama saya menginap di hotel ini dan saya merasakan layanan yang diberikan begitu baik sekali hingga sukar saya mempercayai yang hotel ini diuruskan oleh seorang Pengurus muda anak Melayu Rahman Lembang. Berusia 28 tahun, telah mendapat pelajaran mengenai pengurusan hotel di luar negeri.

Tuan-tuan punya kedai makan bumiputra patut sekali masuk ke Coffee House dan menikmati layanan yang diberikan oleh para pelayan yang memberikan layanan dengan penuh hurmat, mesra dengan senyum ikhlas membuat setiap pelanggan merasakan diri mereka seolah-olah orang yang sangat penting yang mesti mendapat layanan yang penuh sempurna.

Kalau semua Peniaga-Peniaga Melayu tahu dan kenal akan diri mereka yang mereka itu adalah bangsa tuan-tuan, taukeh-taukeh sebagai satu bangsa yang berdault dan merdeka. Tentu mereka akan mengubah sikap mereka, tidak lagi boleh mengharap semua orang Melayu mesti tinggal di hotel mereka, mesti makan di Coffee House mereka kerana mereka orang Melayu, Kerajaan mesti bantu dan tolong mereka. Patutnya mereka mesti ada harga diri bertanya pada diri sendiri, apa yang hendak ku beri pada kerajaan. Apa yang hendak ku berikan pada negaraku. Layanan macam mana yang mesti ku berikan pada para pelangganku. Apakah hak pelanggan yang datang dalam hotel dan kedaiku. Kalau aku tidak mengerti apa aku mesti buat?

Bubuh satu tulisan besar. Dalam kedai atau tempat perniagaan. "Sudahkah aku bertanya pada diriku ini? Kalau sudah. Fikir!"

Kalau orang Melayu tidak mahu menolong diri mereka, kenapa orang lain mesti. Kenapa mengharap sahaja tanpa membuat perubahan. Ini bukannya satu perkara pelik dan ajaib.

Kitalah sepatutnya memberi kepuasan yang setimpal dengan wang yang dibelanjakan oleh orang yang masuk ke hotel dan kedai

makan kita. Duit pelanggan kita mahu, layanan yang baik tidak kita adakan ini tidak patut namanya.

Orang Melayu telah diingatkan dengan pepatah "Indah khabar dari rupa" tapi apa yang akan didapati bila masuk ke Travel Inn ini ia menjadi sebaliknya. Indah rupa dari khabar.

"Front Supervisor" nya Encik Willred orang India, penyambut tetamu ada China, Serani dan Melayu begitu juga pelayan dan pekerja-pekerja yang lain. Mereka muda-muda, segar, menarik, cekap dan kemas. Tahu akan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Tujuan mereka ialah memberi layanan yang baik dan memuaskan kepada setiap pelanggan yang datang.

Untuk mengetahui kecekapan Encik Rahman Lembang, Pengurus muda yang mentadbirkan hotel ini pembaca yang berminat datang melihat dan menyaksikan sendiri kemajuan yang telah dicapai oleh orang Melayu abad ke dua puluhan ini, datanglah sendiri pasti pembaca akan kagum dan mungkin tidak percaya yang hotel ini kepunyaan orang Melayu dan diuruskan oleh orang Melayu. Hotel ini mempunyai 50 buah bilik. Permaidani dari pintu masuk dari penjuru ke penjuru hinggalah ke bilik air.

Segelintir orang Melayu yang tidak suka dan tidak mahu melihat adanya orang Melayu kaya, Melayu senang akan membuat ramalan "Tentu tak lama, tengoklah . . . orang Melayu mana boleh berniaga, tak lama mesti tutup".

Yang menajdi tandatanya kepada saya sampai bilakah orang Melayu mesti berdoa secara tidak disedari supaya semua peniaga Melayu Bengkrap?

Kalau gulongan ini tidak sedar, walaupun perkataan itu tidak disenghajakan, cubalah ubah sikap tidak percaya pada kaum sendiri. Kalau ada perkara yang salah silap yang dibuat oleh para peniaga Melayu yang belum berpengalaman, nasehatkanlah cara berterus terang. Kritik sedikit tidak jadi apa-apa. Kalau kita tidak

# PENGHIBUR DITRAVELLERS COFFEE HOUSE



Ahli music 3 sekawan sedang menghiburkan  
tetamu yang sedang menjamu selera di Travelers  
Coffee House.

Di sinilah, di Traveller Coffee House tempat tumpuan para intelek Melayu berkumpul. Kedai kopi High class berhawa dingin yang jarang dikunjungi oleh orang-orang kampung. Melainkan mereka mengikut orang-orang perniagaan atau orang-orang politik yang ingin mengambil kesempatan dari mereka.

Manusia di bandar besar tidak suka tidur awal, kedai kopi 24 jam ini tidak pernah lengang, lepas lewat tengah malam bila night club berakhir, "Straits Club" Kelab malam bertaraf antarabangsa di tingkat yang sama.

Di sinilah mereka meneruskan perbuahan, kemesraan sambil menunggangkan minuman yang tidak pernah puas diminum. Minuman yang mahal yang cuma dibuangkan di tandas bila gelas sudah kosong.

Tidak hairanlah orang dalam bandar tidak pernah cukup dengan duit, bekerja 8 jam satu hari, berseronok 16 jam. Dalam satu bangunan yang indah tersergam semuanya ada, tidak perlu keluar ke tempat lain untuk mencari hiburan.

Kalau Pegawai Kerajaan yang sudah seronok hidup di Kelab Malam dan di kedai kopi yang dibuka 24 jam bererti terpaksa cari jalan ikut mana duit boleh masuk. Tentulah kawan-kawan mereka orang-orang perniagaan yang boleh berbelanja 24 jam juga. Mengikut istilah orang hari ini "Nak Hidup" Asal diri sendiri mewah, hari ini enjoy, seronok masyarakat bangsa tinggal untuk wakil rakyat menjawabnya bila sampai pilihanraya nanti.

Orang kampung bukan pandai sangat. Bila tiba waktu hendak mengundi nanti, beri saja mereka \$ 10 atau \$ 20 seorang . . . cukup, mereka diam. Sudah menang pilihanraya Wakil Rakyat dan Pegawai Kerajaan enjoi lima tahun lagi. Hari-hari 'Happy' Malaysia kaya, aman, makumur. Kalau tidak kita rakyatnya yang hari-hari mesti senang lenang siapa lagi? "Happy, Enjoy Kawan" hidup dalam dunia ini bukan lama sangat. Asal jangan kena sengat sudah.



dengan cara dan gaya saya menyampaikan sesuatu message itu ter-  
perahlah, saya tidak boleh buat apa-apa buku di tangan pembaca-  
pembaca pun sudah dewasa, buatlah apa pembaca punya suka.

Kerana saya masih di dalam Coffee House dan sedang  
menulis saya akan menceritakan apa sahaja yang terlintas di dalam  
fikiran saya. Saya percaya tentu pembaca yang berminat mahu  
mahu perkara perkara selanjutnya.

Orang yang paling menarik perhatian saya dalam Coffee  
House ini ialah seorang pensyarah Universiti dari Kuala Lumpur.  
Dr. Mat. Kami di perkenalkan oleh salah seorang muridnya, banyak  
muridnya yang sudah menjadi Pegawai tinggi Kerajaan yang selalu  
datang makan minum di Coffee House ini. Saya kenal kebanyakan  
dari mereka . . . . besar mana sangatlah Melaka ini? Saya panggil dia  
Tuan Professor, dia panggil saya Tuan Syed.

Orangnya peramah, cukup tinggi budi bahasa, lekas mesra,  
tidak angkuh, tidak juga berlagak. Cara perbualannya terbuka.  
Tajuk perbualannya banyak berkaitan dengan Dellimma Melayu.  
Dia begitu berminat memperkatakan hal-hal yang berkaitan dengan  
nasib dan masa depan orang Melayu.

Dahinya luas, matanya besar dan tenang. Raut mukanya  
menggambarkan orang yang terpelajar dan beriman. Kita akan  
merasa senang berada dengannya. Air mukanya jernih. Dia seorang  
yang ikhlas dan berani bukan dari golongan manusia hypocrate.

Sesudah kami berkenal mesra suatu pagi sedang saya dan  
seorang kawan Yusoff, seorang Pengurus personal di sebuah Kilang  
sedang minum pagi, Professor bertanyakan kalau-kalau ada nasi  
lemak dihidangkan di Coffee House ini. Walaupun Hotel yang pe-  
langgannya tidak sampai 10% orang Melayu selain dari "Continen-  
tal Breakfast" ada juga nasi lemak dan lain-lain makanan dan masa-  
kan Melayu. Tapi pukul 7.00 pagi belum ada lagi.

Dan pertanyaan orang macam saya ini apalah sangat kepada dia yang pernah mengajar sudah hampir 1,000 orang murid yang sudah memakai topi empat segi. Sudah menghadiri hari konvokesyen dan sekarang kebanyakannya sudah menjadi Pegawai Tinggi Kerajaan.

"Boleh beri tahu saya dua tiga sebab kenapa Dr. Mat jadi Associate Professor". Bila tammat pengajiannya dari Universiti dia bertugas di Kuala Pilah sebagai ADO. Dr. Mat mula bercerita. Lebih kurang beginilah ceritanya saya singkatkan.

Anak kampung yang tahu dan sedar akan kesusahan orang Kampung ini ingin membuat sesuatu kepada kaumnya orang Melayu yang jarang mendapat perhatian dan penghormatan dari Pegawai-pegawai Kerajaan yang terlupa, lalai tidak sedarkan diri siapa mereka sebenarnya. Pegawai kerajaan biar macam mana tinggi pangkat sepatutnya tidak boleh sombong kepada rakyat. Orang Kerajaan adalah hamba rakyat. Begitulah mengikut faham Professor tersebut.

ADO baru yang peramah, lemah lembut, penuh hurmat kepada sesiapa saja itu membeli sepuluh buah kerusi diletakkan di luar biliknya supaya senang orang-orang kampung yang datang menemuinya duduk.

Pangkat D.O. besar. Kita semua tahu sebelum merdeka orang puteh sahaja yang boleh jadi Tuan D. O. Sekarang sesudah merdeka orang Melayu yang boleh bercakap orang Puteh saja yang mendapat pendidikan tinggi saja yang boleh jadi D. O. Tuan D. O. memarahi sikap A.D.O. yang simpati dengan orang kampung.

**Kata Tuan D.O. "Kita semua Pegawai Tinggi Kerajaan tidak boleh buat baik dan beri muka dengan orang kampung". Nanti mereka naik kepala. Biarkan mereka tahu yang pegawai Tinggi Kerajaan sebuk terutama Tuan D. O.**

# Dr. M ingatkan DO2 khidmat penuh tanggungjawab

**ALOR SETAR 25 Mac**— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pegawai-pegawai daerah supaya memberikan khidmat yang penuh bertanggungjawab untuk memastikan lagi pelaksanaan rancangan pembangunan di negara ini.

Katanya, untuk menajankan tanggungjawab itu mereka perlulah menjalinkan hubungan baik lagi mesra dengan setiap lapisan masyarakat di daerah masing-masing.

Berucap memulakan kursus civik di Kampung Dewat, Changlun, 27 batu dari sini, beliau menegaskan pegawai-pegawai daerah bertanggungjawab terhadap segala rayuan dan kehendak rakyat.

Katanya, kerajaan sentiasa akan menjalankan tanggungjawabnya untuk melaksanakan semua projek

pembangunan yang boleh meningkatkan lagi taraf hidup rakyat terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, negara ini telah mencapai kemajuan yang begitu pesat dalam bidang pembangunan pelajaran, pertanian dan kesihatan sejak Malaysia merdeka hampir 21 tahun lalu.

### Taraf kesihatan

Di samping pengeluaran lebih banyak sekolah-sekolah menengah di semua kawasan untuk memberi peluang kepada semua pelajar melanjutkan pelajaran ke institusi-atasi pelajaran tinggi, tambahnya.

Bagi memperbaiki taraf kesihatan rakyat, katanya, kerajaan telah mengadakan klinik-klinik dan pusat-pusat kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara.

Berucap mengenai politik, Timbalan Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya berhati-hati terhadap orang-orang yang cuba mendapatkan pengaruh mereka dengan datang ke kampung-kampung dan menimbulkan perasaan membenci rakyat terhadap kerajaan.

"Mereka itu yang mengakui diri sebagai pejuang-pejuang agama tetapi menggunakan segala taktik untuk memburuk-burukkan wakil-wakil rakyat dan kerajaan," ujarnya.

"Kalau mereka boleh menggunakan agama dan Quran untuk mendapatkan kerusi empuk, mereka tidak akan ragu-ragu untuk berbuat

Rahmah  
Othman  
Ketua  
PERT

Hadiah  
di-



Wan...  
Wanita  
(PERAMA) dalam  
suatu...  
yang berkegunaan di sini  
kanal.

Puan Rahmah telah  
mengendalikan tempat  
Puan Anis Aba yang telah  
mengendalikan diri  
untuk dicalonkan  
sebagai calon setelah  
menyampaikan lawatan itu

Orang...  
pagi ini  
mas-dey  
dan ber...  
sanya al  
lagi van  
berhuga...  
lagi ng  
yang mba  
menjadi  
dalam l  
anggota  
suayaya  
wala  
demi ka  
... agar  
... Sepe...  
... agi an...  
... kin, K...  
... menter...  
... sature...  
... jerta  
... ang di  
... para p...  
... danah...

REX-Kampar	Pertunjukan Jam 10.00 pagi
"CHA CHA BHATIJA" W	
LEDO-Taiping	Pertunjukan Jam 10.00 pag
"CHANDI SONA" War	

**SENTRI** **SE**  
HARI INI JAM: 1.00-3.15

IS IT A PHANTOM,  
OR THE DEVIL HI

**THE CAL**

THE CAT...  
THE CAT...  
KATH...  
SING...  
... ...

**CENTRAL** **JAM**

demikian...  
tergangnya...  
Datuk...  
Seri...  
Dr...  
Mahathir...  
menegaskan...  
bahawa...  
kalangan...  
ini yang...  
sebenarnya...  
bukanlah...  
teori dari...  
kalangan...  
yang dalam...  
pengetahuan...  
mereka...  
 mengenai...  
 agama...  
 Islam...

san di rumah atau di pejabat, atau disimpan saja dalam fail bersama ilmu pengetahuan yang telah diperolehi dari gedung ilmu'. Aku berkhubah dengan panjang lebar, terserahlah padanya dan semua muridnya untuk memikirkan hal ini. Siapa tahu ada diantara mereka yang benar mahu berfikir. Jadilah mereka ahli fikir. Kalau dia pun Malaysia memang kekurangan Ahli fikir. Dan manusia Perubah.

Sebelum kami meninggalkan gerai nasi lemak di perhentian bas saya minta Professor tersebut jangan sampai hidup dalam kerugian. Sambil berjalan dia bertanya. "Apa maksud Tuan Syed dengan kerugian, saya ada kereta besar, rumah besar". Jawabnya ikhlas.

"Demi masa dan waktu manusia yang tidak percaya pada diri sendiri sentiasa dalam kerugian. Kalau hanya mempunyai sebuah kereta besar, rumah besar, pangkat besar ini dinamakan keuntungan, inilah orang yang paling rugi. Kerana yang akan masuk ke lubang kubur adalah tubuh yang kerdil. Lubang kubur cuma 3 kaki lebar, 6 kaki panjang dan 6 kaki dalam. Pangkat besar, kereta besar tidak muat untuk lubang kubur yang begitu kecil dan sempit.

**Yang boleh masuk, ikut masuk ke liang lahad hanyalah amal-an yang besar, jasa yang besar, pengurbanan yang besar, yang tetap kekal di dunia dan hidup bersama akhirat".**

Dalam perjalanan balek dalam kereta Encik Yusof semua orang senyap seolah-olah ada Malaikat datang menjengah. Dan sejak hari itu aku tidak nampak lagi batang hidung Encik Yusof. Yang sebelum itu begitu rapat dan mesra dengan ku

Encik Yusof manusia sensitif yang ingin jadi Wakil Rakyat mungkin tersinggung dengan kata-kataku atau mungkin terpengaruh dengan kawan yang telah mengingatkan dia, aku manusia merbahaya.

## RAMAI PENULIS DIMELAKA

DiMelaka ada ramai penulis. Ada empat Persatuan Penulis. Dalam krisis politik ini tak ada seorang yang tampil ke hadapan untuk mencatatkan perihal yang berlaku diMelaka.

Kebanyakan penulis diMalaysia tertumpu untuk menulis tentang politik Kelantan. Entah berapa buku sudah dihasilkan berkenaan pergolakan politik Kelantan. Ada apa-apa ke diNegeri Cik Siti Wan Kembang? Serambi Kaabah Malaysia.

Ada kawan yang tahu saya sedang menulis diMelaka. Apa yang saya tulis mereka tidak tahu. Banyak yang tidak mahu ambil tahu kerana penulisan saya berbentuk "commercial". Saya lebih dikenal oleh kawan-kawan penulis sebagai ahli nujum.

Pemimpin sama pemimpin bertelagah penulis yang hidup cari makan dengan pena jadi mangsa. Saya tahu seorang wartawan Mahdi Abdul dari Utusan Melayu yang sudah disingkirkan ke Negeri Sembilan kerana tulisannya banyak menyokong Kerajaan Ghani Ali yang dimusuhi oleh pemimpin yang satu lagi.

Saya berterus terang, menulis adalah hobi saya, saya percaya apa tidak pembaca punya pasal. Saya sendiri. Saya senang perkara yang saya minati. Saya tidak mengharap apa-apa pembayaran. Dan saya tidak peduli apa orang lain kata. Kalau pengkritik tidak mengkritik apa lagi yang boleh dibuat oleh pengkritik. Tetapi nampaknya Yahya Ismail sudah jadi penulis Politik siapa pula yang hendak mengkritik. Saya menulis ikut cara boria injpun belajar dengan Yahya Ismail dan Zakri Abadi.

Penjualan dari buku-buku saya sudah cukup untuk belanja saya. Kerana secara kebetulan saya menjadi penerbit dan menjualkan sendiri buku yang saya tulis. Selalunya buku-buku saya mengandungi iklan yang boleh menanggung perbelanjaan sewaktu menulis. Satu perkara yang belum pernah dibuat oleh lain-lain penulis "Kalau semua penulis hendak fikir seratus peratus seni. Nanti suru miss kawan". Pesan seorang "Hamlau" kepada saya.

Secara kebetulan kalau tulisan saya boleh menyenangkan pemimpin tersebut, Alhamdulillah. Buat saya pemimpin yang dipilih oleh rakyat tidak penting. Ini hari mereka dipilih, besok orang lain pula yang dipilih "Apa jadi, air liur mellilah jawabnya".

Kalau lapun sejauh mana sangat seseorang itu boleh jadi menteri, boleh dipanggil Yang Berhormat, boleh jadi Wakil Rakyat, habis tempoh habislah hormat dan pangkat. Itupun nasib baik, mereka bertanding atas tiket Barisan Nasional yang dipimpin oleh Tun Abdul Razak (Arwah) kalau tidak jangan harap, sudah tentu ilarap.

Bertentangan dengan prinsip yang saya mengagong-agongkan seseorang kerana pangkat atau kedudukan atau harta juga paras rupanya. Kerana perkara ini tidak kekal. Orang yang menjadi manusia itu lebih agong, lebih berkuasa, lebih mahu besar. Kenakanlah diri sedikit, manusia apa sangat, kalau asal dari tanah balik dimakan dek tanah. Kalau belum tahu izinkan penulis

memberitahu. Janganlah ada pemimpin yang riak dan takbur dengan keharuman namanya. Mayat manusia tidak kira siapa, lebih busuk baunya dari bangkai binatang.

susah apa, potong kepala pemimpin Melayu yang satu ini. Tendang keliling padang. Siapa menang, siapa kalah tidak penting. Kepala pemimpin Melayu sudah dipotong jadi "bola". Astagfirullah, Maha suci Allah yang menjadikan anjing dan babi. Kenapalah orang Islam sanggup berbuat perkara sekeji ini.

Yang penting sorak dan tepuk dari orang ramai. Biar pemimpin jadi korban. Biar kampung dan rumah tangga tergadai asal hati puas. Inilah perkara yang terkutuk dan paling ditakuti oleh Umat Islam, sedang berlaku diMalaysia, siapakah orangnya yang hendak kita salahkan?

Memandangkan perkara begini saya menulis. Saya tahu dalam hal ini tidak siapa yang untung tidak juga orang-orang Melayu durjana, yang merancangkan perkara ini. Kalau ada orang Melayu yang mahu sejarah bunuh membunuh sama sendiri ini berlaku, apa kita semua yang beriman dan sedar ini harus buat? Apa yang telah saya ceritakan masih juga belum memuaskan hati Cikgu tersebut. Dia tetap juga ingin tahu dari mana saya dapat duit sewa bilik \$45.00 sehari serta membelanjakan kawan-kawan tiap-tiap hari yang datang makan minum untuk dapatkan cerita untuk bahan buku ini. "Perang diKuala Linggi, Melaka 1978".

Dan dia tahu sudah hampir dua bulan saya diMelaka tentu Ghani Ali atau orang USNO yang membayar untuk mendedahkan kelemahan dan kesilapan serta kesalahan yang telah dilakukan oleh Ghaffar Baba mencungkil segala rahsia dalam rahsia. Dia tahu saya lama diSabah berkawan baik dengan Dato Dzukiflee Bekas Menteri Pertahanan Malaysia macam isi dengan kuku, dan biasa dengan Tun Dato Mustapha. Bekas Ketua Menteri Sabah. Tetapi Cikgu Udi tersebut menekankan yang saya dibayar oleh Ghani Ali kerana kisah ini berkisar diNegeri Melaka. "Hamlau punya manusia. Betul bikin Udi".

"Saya sudah menulis sebuah buku dalam tahun 1972". "Temanku Pemimpin-pemimpin" setebal 280 muka untuk kedua-dua pemimpin ini. Buku ini saya hadiahkan kepada Tun Dato Mustapha. Hingga kehari ini pun saya belum menerima satu sen dari Tun Mustapha yang kaya raya. Dan belum pernah meminta apa-apa dari beliau yang saya hormati. Beliau seorang yang baik hati. Pemurah. Semua orang sudah tahu, dan ramai Bumiputra Sabah masih sayang dang menghormatinya. Kalau tidak kerana Ghaffar Baba, yang pada ketika itu menjadi Penasihat Tun Razak dan wang dari UMNO yang dikirimkan oleh Tengku Razali untuk membantu

"Bukan saya cakap Habib datang keMelaka hendak jual diri, atau gadai nyawa? Sejak bila Habib jadi abdi? Yang saya tahuandai jual diri sesama lelaki itu pondan. Orang lelaki mesti jaga maruah dan harga diri", Cikgu Udi, manusia hamlau bercakap betul-betul menyakitkan hati.

"Habis apa maksud Cikgu? Bertanya samaada saya dipanggil oleh Ghani Ali dan semua perbelanjaan semasa diMelaka ini ditanggung olehnya? Bila saya menulis tentang sebelah pihak, saya sudah jadi alat untuk menghentam pihak yang lain pula. Itukan kerja manusia Udi macak Cikgu, Cikgu Ingat saya ini Hamlau?"

"Nampaknya Habib marah benar dengan saya kerana bertanya perkara sekecil ini?"

"Kecil kata cikgu, ini fitnah. Saya tak marah, manusia mana boleh marah. Marah sesaat boleh membawa penyesalan seumur hidup. Tetapi pertanyaan Cikgu itu boleh merusakkan imej saya dan keluarga saya. Kalau kurang sabar mungkin juga saya sudah naik darah".

Aku meneruskan lagi, kali ini dengan nada suara yang agak lembut setelah beristighfar, setelah aku ingat, marah itu hak Allah. Manusia selalu marah lekas kena darah tinggi, lemah jantung, nanti mati terkejut, tidak sempat mengucap. "Ya Allah Yang Amat Pengasih lagi Penyayang matikanlah aku dalam Islam." Bila teringat saya fasal mati, aku terus meminta Allah matikan aku dalam Islam.

"Cikgu, Datuk saya Habib Hassan Alattas (almarhum) berbelanja berjuta-juta ringgit hartanya mendirikan sekolah Arab Alattas dan Kuliah Alattas, diJohor dan diPahang. Tidak kurang 10 ribu murid yang sudah keluar dari Madrasah-madrasah tersebut dan hari ini telah menjadi Imam, Kadzi, Mufti serta pensyarah-pensyarah Agama didalam dan diluar negeri. Tidak kurang juga yang jadi pemimpin-pemimpin termasuklah Menteri Besar Johor, Tan Sri Dato Othman Saat, juga wakil Perlimen yang baru Haji Ikhwan Nasir yang bertanding dikawasan Haji Ali Ahmad Almarhum). Inilah satu-satunya sekolah yang tidak mahu menerima apa-apa bantuan dari kerajaan. Sekolah ini memberi pelajaran secara percuma kepada pelajar-pelajarnya hingga kehari ini. Wakaf dariHabib Hassan Alattas menanggung segala perbelanjaannya juga mengeluarkan biasiswa untuk anak-anak Melayu melanjutkan pelajaran keMesir. Selain dari itu kalau Cikgu mahu datang keJohor



Sekurang-kurangnya sesudah saya tidak lagi didunia ini, saya boleh meninggalkan satu ilmu, ilmu firasat untuk orang-orang Melayu khasnya dan rakyat Malaysia amnya. Selain dari lima buah buku yang sudah saya tulis, yang mengandungi pengetahuan, selain dari buku ini yang penuh kelucuan.

Saya pun sudah panjang sangat bercerita tentang keluarga saya, Cikgu nanti bosa, nanti Cikgu fikir saya cuba angkat bakul sendiri.

Untuk menilai samaada saya benar-benar diupah oleh Ghani Ali, Ciktu dan kawan-kawan Cikgu yang Hamiau dan selalu bikin Udi, baca buku ini dari mula-bula hingga akhir. Fikir baik-baik samaada tujuan buku ini hendak mengampu Ghani Ali atau menyampaikan pengetahuan untuk umat Melayu dan manusia sejagat. Selamat berpisah Cikgu, kalau Cikgu tidak belah, biar sayalah yang belah." Aku pulang kebilikku, tingkat satu. Cikgu Udi itu "belah" pergi entah kemana. Sejak hari itu aku tidak nampak batang hidungnya lagi.

Tel. I.B. 3244.



JABATAN DI-RAJA,  
ISTANA BESAR,  
JOHOR BAHRU


NO. ....

PP

Y. M. Syed Hussien bin Alwee Al-Attas,  
c/o. Nadzir Madrasah Al-Attas Arabiah,  
Johor Bahru.

Bersama2 ini ia-lah kata-kata aluan yang telah  
di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan  
Johor bagaimana yang di-hajatkan oleh surat tuan yang  
bertarikh 14hb. September, 1970 itu.

Sekian-lah ada-nya.

  
(Sulaiman bin Mohd. Salleh)  
Setiausaha Sulit Kepada  
D.Y.M.M.Sultan Johor.

DARI MAJALLAH SUARA ALATTAS

Bertarikh 26 Oktober 1970.



Istana Abu Bakar  
Pekan, Pahang

Titah Perutusan Duli Yang Maha  
Mulia Tuanku Sultan Pahang

Beta mendapat tahu dan kenal dan ada di-dalam pandangan dan perhatian beta kepada Madrasah Al-Attas Al-Arabiah, Ketapang, Pekan semenjak usia beta maseh rumaja lagi, dan beta di-beri ma'alom bahawa Allah Yarham Tuan Syed Hassan Al-Attas sebagai jawatan pertama pengembang agama Islam di-Negeri Pahang pada zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Ahmad dan beliau ada-lah di-hormati dan di-sayangi oleh baginda Sultan, dan dengan limpah kemurahan Baginda telah mengurniakan sa-bidang tanah yang luas menjadi (Concession) milek bertempoh kepada-nya, dan Allah Yarham telah menetapkan satu kawasan tanah untuk keperluan agama dan di-dirikan pada-nya sa-buah Masjid dan sa-buah Madrasah Al-Attas Al-Arabiah Kampong Ketapang dan baki-nya telah di-tanam getah hasil-nya menjadi perbelanjaan para guru2-nya. Apa yang beta dapat tahu bahawa ada beberapa orang murid2 keluaran Madrasah itu julong2 kali-nya maseh ada berkhidmat sebagai guru dan lain-nya berbagai2 jawatan kanan di-dalam Negeri Pahang khas-nya, dan ia-lah Madrasah Bahasa Arab yang pertama sekali di-dirikan di-Negeri Pahang, hingga di-ambil alih oleh Kerajaan beta pada masa ini di-bawah tadbir Kerajaan yang di-bawah jagaan Pejabat Agama Pahang bagi melanjutkan Jasa2 Allah Yarham yang menjadi amal jariah-nya.

Beta dan ra'ayat beta terhutang budi kepada Allah Yarham, muga2 Tuhan chuchurkan rahmat-nya kepada roh beliau, dan juga beta ucapkan terima kasih di-atas jasa2-nya itu sebagaimana kata pepatah Melayu:

"Harimau mati meninggalkan belang  
Ma'anusia mati meninggalkan jasa dan nama".

Terima kasih, ada-nya.

Istana Abu Bakar  
Pekan, Pahang.

DARI MAJALLAH SUARA ALATTAS

## SINGGAHSANA PENGEMBARA

Semua yang berkaitan dengan Straits Travel Inn Mecca  
Mamas, teratur dan menarik dan patut mendapat pujian.  
Pengurusannya begitu rapi benar-benar bertaraf antarabangsa.

Hingga tulisan nama Melaka ditulis Malacca . Begitulah  
malnya bila kita sudah terlalu Advance kita tidak perasan perkara  
kecil dalam tulisan boleh meninggalkan kesan yang kita sudah  
terlupa akan kedaulatan bahasa kebangsaan bahasa resmi kita.

Melaka tempat tumpuan pelancong dari luar negeri dan hotel  
kini menjadi tempat persinggahan. Apalah salahnya kalau  
Traveller Coffee House ini dinamakan "Singgahsana Pengembara" .

Kalau iapun ada perkara yang unik yang terdapat diSinggahsana

pincang. Rupa-rupanya ada D.O. yang sombong dan garang. DiMelaka ini pun ada, ramai orang tahu. Dari itu pada fikiran saya yang patut diperbetulkan dulu ialah Tuan-Tuan D.O. ini. Bersihkan sawang dibumbong, barulah sapu sampah yang ada dibawah.

DiMelaka ini pun saya banyak kenal dengan A.D.O. Saya ranjau seluruh Melaka meninjau api peperangan masalah tanah yang berlaku diKuala Linggi dan daerah-daerah lain.

Salah seorang dari ADO yang saya jumpa memberitahu D.O.nya begitu angkoh dan sombong. Selalu saya terima aduan dari orang ramai dan DO itu pantang sikit silapnya.

ADO berkenaan selalu cerita pada saya sikap menindas pegawai yang cerdik dan celik. Pegawai yang agresif yang pada tandatangan saya akor. "Saya yang menurut perintah". Tetapi selalu mengeluarkan pendapat yang tidak menyenangkan hati tuan DO akibatnya sendirilah tanggung.

Bila memfikirkan kisah manusia yang bodoh sombong. Hendak semua orang ikut cakap dia saja kita jadi panas. Ramai Pegawai Tinggi yang macam Tuan D.O. yang diperkatakan oleh ADO kepada saya. Hendak ikut perintah kita tahu dia tidak kreatif. Lebihnya dia ada degree sahaja. Cakap orang yang betul, idea yang membena dari orang lain tidak mahu dengar.

Takut kononnya ada orang yang fikirannya lebih bernas dari dia. Kalau dia tidak taku semua orang yang bermesyuarat dengan dia jangan tahu. Bagi saya, saya tidak pedull. Apa saja yang saya nak cakap, saya lepaskan sahaja.

Macam pegawai kerajaan yang mengikuti perintah. Salah cakap, tidak ikut perintah boss, mahu tunjuk pandai, tanggung sendirilah akibatnya. Jangan mimpi boleh naik pangkat. Salah-salah kena tendang jauh-jauh. Susah hidup orang makan gaji ini. Kalau Boss dia salah macam mana pun dia tetap Boss.

Sebelum saya masuk kebilek tidur saya untuk mandi saya teringat nama saja Straits Travel Inn ini hotel bertaraf Antarabangsa. Satu kolam renang kecil pun tak ada. Pegawai-pegawai dan Pengurus Besar serta Lembaga Pengarahnya yang pernah datang kemari tidak tahukah hotel yang dibangga-banggakan oleh P.K.N.M. Ini tidak mempunyai Kolam Renang. Satu kolam renang lebih kurang \$30,000 pun P.K.N.M. tak

## SIAPA GHAFFAR BABA

Kelebihan dan keistimewaan yang terdapat pada Encik Ghaffar tidak pernah meragukan sesiapa pun diMalaysia ini, lebih-lebih lagi orang-orang UMNO dan Melayu seluruhnya.

Beliau sudah menjadi Naib Presiden UMNO sejak tahun 1962 lagi. Dalam perhimpunan agung UMNO bulan Jun, 1975 dulu calon pertama yang menjadi perhatian umum ialah Encik Ghaffar Baba. Beliau telah mendapat undi yang paling banyak sekali, dalam pemilihan Naib Presiden.

Pada ketika itu beliau memegang jawatan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar untuk menjaga dan meningikan taraf hidup orang-orang Melayu yang miskin, dan terus miskin dengan rancangan beliau yang belum pernah berjaya hingga hari ini, mana ada kaum tani yang senang dan kaya?

menjadi Timbalan Perdana Menteri. Dalam pemilihan MKT Tan Sri Sardon Jubir T.Y.T. Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang sekarang mendapat undi yang terbanyak untuk jawatan Naib Presiden. Selepasnya barulah Dato Hussein Onn dan seterusnya Encik Ghaffar.

Jawatan yang ditinggalkan oleh Allahyarham Tun Dr. Ismail diganti oleh Dto Hussein Onn. Tan Sri Sardon telah tidak dipilih.

Mengikut "tafsiran saya orang yang sudah tersurat untuk menduduki tempat kedua tidak akan dapat duduk ditempat pertama. Sebagai manusia biasa kita hanya boleh mentadbir dan berusaha, Allah juga yang boleh menetapkan dan menentukan takdir.

Kejadian diMKT ini adalah suatu contoh yang baik. Kedudukan nombor satu dalam Naib Presiden tidak boleh menjadi ukuran.

Niat dan cita-cita Encik Ghaffar untuk menjadi orang nombor satu diMelaka Allah telah kabulkan. Semoga beliau bersyukur pada Allah yang amat Pemurah lagi amat Penyayang. Allah tidak pernah mungkir. Janji Allah pada manusia, "Mintalah apa saja dariKu, permintaanmu akan Ku kabulkan", kalau tidak lama sekejap. Hajat manusia yang percaya pada dirinya tidak pernah Tuhan hampakan.

Manusia rendah, rendah selalunya bercita-cita tinggi. Lihat sahajalah diktator yang pernah menggemparkan dunia seperti Napoleon, Hitler, General Tojo semuanya rendah-rendah belaka. Adam Malik Bekas Menteri Luar Indonesia kecil juga orangnya. Orang kecil akal macam kancil. Cerdik, bergeliga otak.

Orang pendek senang bergolek, jangan cuba hendak dibedek. Salah langkah kita yang besar tinggi terpaksa angkat tabek, mereka mempunyai daya pemikiran yang luar biasa, kemahuan yang melangit tinggi, bernafsu besar, tidak mengenai takut gentar dan putus asa. Ada saja jalan yang mereka boleh nampak yang tidak terfikir oleh orang-orang yang tertubuh lebih besar dan tinggi dari mereka. Perhatikan sajalah Menteri diMalaysia yang pendek tubuh badan mereka.

Satu lagi rakyat yang tahu mereka bangga yang berdaulat dan mereka merasa terhina oleh Cikgu yang baru jadi Menteri. Sekolah-olah menyuruh mereka jadi "Mat Jenin". Pelihara ayam, bila ayam sudah besar dan memblak jualkan dan sesudah itu beli kambing pelihara lembu. Kalau saya orang kampung yang telah diberi lembu itu buka mata dan mempelajari, seabodoh-bodoh lembu yang hidungnya boleh dihari dan hari-hari mengeluh, tidak mahu terjun dalam lubang atau perigi buta, kenapa orang kampung tanpa ditolak disuruh saya terjun? Soal ini penting, yang utama tidak boleh menderhaka, mesti taat pada pemimpin. Biar pun pemimpin mempermainkan hidupnya.

Bila rancangan ini gagal Cikgu Ghaffar dapat satu lagi idea. Mesti berbudi dengan orang kampung. Mesti tunjukkan simpati. Buat baik dengan anak-anak mereka. Bapa murid yang dibuat baik mesti mengenang budi. Cari mana ada penghulu, mana ada imam, mana ada sidang, orang inilah yang paling senang dibawa berunding.

Tersebarlah keseluruh pelusuk kampung dan bandar Cikgu Ghaffar memberikan sebanyak 100 buah basikal kepada murid-murid, anak-anak elapa yang dapat rakyat tidak tanya, yang penting anak-anak orang yang dapat.

Memang sukar hendak mencari orang yang baik macam Ketua Menteri Melaka itu. Orangnyanya amat sederhana, pijak semut pun tidak mati. Belum apa-apa beliau sudah menunjukkan kebaikannya. Perkara pertama yang ditunjukkan olehnya sebagai Ketua Menteri yang dipilih oleh rakyat, beliau tetap tinggal dirumah yang lama. Rumah Ketua Menteri digunakan untuk menyambut tetamu.

Cukup licin Cikgu Ghaffar, sukar ditandingi oleh lain-lain ahli politik tanahair.

MARA yang pernah dipengerusikan oleh Encik Ghaffar adalah huruf potong dari perkataan "Menteri Ajaib". Rakyat Angangan" begitulah mengikut istilah Hamiau. Apa tidaknya, pada mula-mula Ghaffar beri orang Melayu basikal untuk kesekolah. Sesudah itu Ghaffar beri orang Melayu duit, cukup atau tidak, tidak jadi soal. Berniaga, nanti kita boleh buktikan. Pada dunia yang orang Melayu tidak pandai berniaga, disogokkan dengan pengalaman dan modal yang tidak cukup?



Encik Ghaffar seorang yang rajin, sentiasa usaha, selain dari mempunyai daya fikiran yang sangat pintar. Tengku sendiri banyak memberi perhatian kepada Cikgu luarbiasa ini. "The Million Dollar Cikgu" cekap, bersungguh-sungguh bila membuat sesuatu. Bernas, berhati-hati, berani, cekal dan sanggup buat apa saja asal yang diusahakannya boleh berjaya. Tidak kira pada orang lain, susah payah hidup mati orang itu tanggong sendiri.

Memandangkan kegigihan dan kalibar yang ada pada Cikgu yang berkelulusan biasa dan berbadan kecil bersifat waja ini. Tengku mencadangkan agar beliau melanjutkan pelajaran keluar negeri.

Untuk menjadikan beliau sebagai seorang tokoh politik bertaraf antarabangsa. Orang kecil yang berbakat besar ini mempunyai banyak idea yang dinamik yang belum pernah difikirkan oleh ahli politik yang sezaman dengannya. Dari mana dia dapat idea untuk mempengaruhi orang-orang kampung, tidak pernah ditanya orang. Bila manusia sudah kagum dan terpengaruh mana ada masa untuk bertanya dari mana dan bagaimana Ghaffar dapat banyak idea boleh control orang Melayu.

Kegagalan yang membawa kerugian tak perlu diperhitungkan. Bukankah kerajaan Malaysia kaya? Yang penting Encik Ghaffar ada banyak idea yang boleh mempengaruhi orang-orang Melayu seperti yang telah saya sebutkan awal-awal tadi. Berbudilah pada orang kampung. Budi baik kerajaan akan mereka kenang sampai kemati.

Pisang Emas dibawa belayar  
Masak sebiji diatas peti  
Hutang emas boleh dibayar  
Hutang budi dibawa mati.

Orang Melayu bila sudah termakan budi, senang dibuat macam hamba abdi tanpa disedari "Under Obligation" sudah terikat dan mesti menurut saja apa kata orang yang menabur budi biarpun orang itu tidak disenangi mereka. Terlupa mereka akan hak asasi manusia. Terlupa mereka Allah yang memberi rezeki yang menghidupkan dan mematikan kita semua. Terlupa mereka. Seluruh ibadat hanya untuk Allah. Manusia cuma menyampaikan saja, itu pun dengan izin Allah.

root\* beliau telah menguasai orang luarbandar. Beliau bertanggung jawab dalam KEMAS, (Kelas Kemajuan Masyarakat) adalah satu kuasa jentera UMNO didesa-desa. Satu bukti pengaruh dan kekuatan KEMAS dalam pilihanraya tahun 1974 yang lalu. Ramai pegawai dan guru dari KEMAS yang berjaya menjadi calon Barisan Nasional. Kerana siapa?

Ini sebagai bukti betapa kuat dan berpengaruhnya orang kecil yang boleh menggemparkan Malaysia. Tidak takutkah Dato Hussein Onn dan Dr. Mahathir kepada Encik Ghaffar? Penulis cuma takut pada Allah sahaja. Itu pun selalu saja buat salah dan silap. Yang tidak sengaja disengajakan.

Sebut sahaja perkara yang berkaitan dengan petani dan peladang sebilangan besar petani dan peladang dibawah pengaruh Encik Ghaffar. Kalau tidak buat baik, tidak tunduk pada Encik Ghaffar Lembaga Pertubuhan Peladang yang terletak dibawah Kementerian Pertanian angguta yang boleh menentukan kedudukan Politik negara, mungkin buruklah akibatnya yang akan berlaku keatas Barisan Nasional.

Sebab inilah Encik Ghaffar dipilih menjadi Setiausaha Barisan Nasional? Sebab inilah Ghaffar saja yang boleh menonjol dan memilih orang yang akan bertanding dalam pilihanraya? Amboi, begitu berpengaruh sekali Encik Ghaffar Baba? Patutlah pemimpin yang tidak kuat iman takut padanya.

Kalau beginilah halnya, kasihan nasib Barisan Nasional yang diagung-agungkan. Dimana kalibar Perdana Menteri dan Timbalan Dr. Mahathir? Apa sudah jadi pada jaguh-jaguh politik yang berpelajaran menghadapi darurat Politik?

Apakah politik Malaysia mempunyai trend yang ditetapkan oleh Encik Ghaffar Baba? Kalau begitu kenapa Ghaffar tidak pergi jumpa Tuhan minta turunkan hujan, dinegeri-negeri yang dilanda kamarau panjang.

Ghaffar tahu pengaruh mass media. Majallah-majallah dan buku-buku ibarat nyamuk tiruk, atau malaria, pena-pena yang menggigit orang yang tertentu boleh membawa akibat buruk.

Disebabkan Ghaffar dianggap oleh orang Melayu pemimpin yang telah banyak berjasa kepada bangsa dan tanahair dan kini menjadi Dajal boleh memendekkan karier seseorang politik yang tidak menyembahnya. Kebanyakan orang yang tidak beriman atau orang yang lemah imannya akan mendewakan manusia kerdil yang telah menimbulkan pecah belah dalam masyarakat bumiputra Melaka hari ini.

Kejayaan Ghaffar menimbulkan Kerajaan baru dan menjatuhkan Kerajaan Bumiputra Sabah yang dipimpin oleh Tun Dato Mustafa adalah satu kenyataan. Siapa lagi yang tidak mahu dengar cakap Ghaffar?

Apa jadi pada Mahdi Abdul Wartawan Utusan Melayu yang tidak mahu ikut telunjuk Ghaffar Baba, dihalau bulat-bulat dari Melaka dihumbankan di Negeri Sembilan. Ghaffar Baba berkuasa di Utusan Melayu, Wartawan tidak ikut telunjuknya, jaga, ada juga lain-lain pemimpin yang macam dia kalau tidak keluaran berita-berita dan gambar-gambar mereka, berita-berita yang baik saja, tanggonglah akibatnya, Penulis yang makan gaji dengan akhbar kepunyaan Kerajaan tidak boleh keritik pemimpin atau kerjanya yang salah dan merugikan, tidak boleh juga tulis yang benar tentang pemimpin lain yang bukan geng mereka. Penulis punya ramai kawan di Utusan, Webah Salleh yang dulunya Webah adalah keluarga Utusan, semoga terhibur kerana sudah jadi sidang pengarang majallah hiburan.

Beginilah bila kuasa yang besar telah diberikan kepada orang yang kecil yang merasa dirinya besar. Dia akan berlagak lebih besar dari orang besar. Syukurilah saya tidak makan gaji dengan sebarang akhbar. Kalau tidak saya pun macam itik yang mulut sudah digosok minyak.

Bagi saya jangan dikatakan manusia, apa saja yang dijadikan oleh Allah didalam dunia ini, sama sahaja. Gajah yang besar takut pada tikus yang kecil, takut kalau-kalau termasuk kedalam telinga.

Mohammed Ali, jagoh tinju dunia takut dengan nyamuk "aides". Apa akan jadi pada Mohammed Ali semasa dia lalai

arahannya. Siapa yang menjatuhkan "Arwah Haji Talib Karim?" Orang Melaka tahu orang sebenar yang telah menjadi mangsa semua projek Ghaffar yang ditanggung Arwah Haji Talib Karim. Kasihan.

Benarkah semua orang Melaka menganggap yang Ghaffar Baba sebagai "Bapa Kemerdekaan Melaka" mengikut apa yang ditulis oleh ABKAN? Saya terkejut membaca rencana ini, yang saya dato Hussein Onn orang yang pertama mendapat anugerah Tun Perak pangkat yang tertinggi di Melaka.

Dalam penulis rencana yang begitu bernafsu menceritakan tentang Bapa Kemerdekaan Melaka itu meneruskan. Dengan lain-lain perkataan, bolehlah juga dikatakan bahawa sebaik saja Encik Ghaffar Baba telah meninggalkan Melaka, Negeri Melaka yang miskin dan serba kekurangan baik dari segi hasil, mahu pun pemimpin yang disegani dan dihormati oleh semua golongan masyarakat di Melaka. Apa benarkah semua golongan masyarakat menghormati Ghaffar? Yang saya tahu Hassan Mansur dan Cikgu Johari geng mereka tidak pernah hormat Ghaffar. Tidak takutkah bila berdepan muka.

Saya merasa sungguh sedih dan kesihan kepada Abkan. Kenapa Abkan tidak tanya sama Ghaffar Baba Bapa Kemerdekaan Melaka, semasa beliau jadi Ketua Menteri Melaka yang pertama dipilih oleh rakyat, kenapa beliau tidak memberi peluang dan kesempatan menolong mengkayakan orang Melayu dan Negeri Melaka. Kenapa cuma beri anak ayam saja.

Tanyalah pada Ghaffar Baba kenapa pilih Cikgu saja menjadi ahli-ahli politik, hingga pada zamannya Melaka masyhur digelar negeri yang berpolitik Cikgu, yang sama kelulusan macam dia juga dan boleh dibagi mengikut telunjuknya.

Dato Musa Hitam, Dato Muhammad Rahmat, Dato Jaial anak Johor dan ramal lagi cerdik pandai yang sudah jadi orang besar yang dipimpin, diasuh dan ditunjuk ajar oleh Tun Sardon Zubir. Semua orang tahu jasa Tun Sardon Zubir membimbing dan melatih cerdik pandai hingga jadi pemimpin negara hari ini.

Tolong Bapa Kemerdekaan Melaka tunjuk satu Menteri Federal atau Timbalan Menteri yang dibimbing oleh Ghaffar yang berasal dari Melaka? Satu saja cukuplah, dan cerdik pandai Melaka tahu, Ghaffar tidak suka membimbing orang yang berkelulusan

menengok muka kita semasa kita sedang bercakap-cakap dengannya.

Biar macam mana tinggi kedudukannya walau besar mana sekalipun besar pangkatnya. Perangai yang tidak jujur, kelakuan yang angkoh, akhirnya orang akan ketahui juga. Bak kata pepatah Inggeris kita boleh memperbodohkan semua orang setiap kali. Ada orang-orangnya sahaja yang boleh ditipu dan diperbodohkan setiap kali. Mudah-mudahan kita tidak termasuk dalam golongan orang yang boleh ditipu dan diperbodohkan setiap kali. Sekali kena tipu, cukuplah.

"Hendak hidup" wahai pembaca yang budiman. Kalau saya tidak mengiklankan buku firasat saya, siapa lagi. Dalam abad yang kedupuluhan ini tidak ada orang yang akan menolong mengangkat bakul kita kalau tidak kita sendiri.

Semua manusia ada bakul. Samaada bakul besar atau bakul kecil. Jangan bawa berjalan bakul yang bocor sudahlah. Orang yang bawa bakul bocor akhirnya dia bawa benda kosong.

Berbalik kepada rencana yang ditulis oleh Penulis Veteran Wartawan, Pengarang, Penerbit serta Ahli Perniagaan yang telah lama tinggal diVietnam dan selalu saja keluar negeri. Abkan memang seorang penulis yang berbakat dan berpengaruh. Kerana kebijaksanaan dan ketajaman penanya kawan-kawan penulis dan pembaca angkat topi.

Abkan memang orang pandai. Sayang, sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ketanah juga. Kata pepatah Inggeris orang yang ketawa terakhir orang itulah yang paling gembira. Ketawanya bergema dan berdekah-dekah diwaktu orang lain senyap sepi kehabisan ketawa.

Semasa orang tahu. Lebih-lebih lagi setelah ditulis oleh Abkan yang jawatan "Ketua Perhubungan UMNO" Melaka mesti diserahkan kembali kepada "Bapa Kemerdekaan" Melaka. Kononnya kerana beliaulah orang yang berhak mewarisi kerusi itu. Kerusi Ketua Perhubungan yang sedang dipinjamkan kepada Ghani Ali itu. Itupun selagi Ghani Ali ikut telunjuknya. Ikut arahnya, kalau tidak diberi Ghani Ali mesti diugut digugat. Untuk dipinjamkan pula pada orang yang lain. Kalau perlu beliau sendiri yang akan balik keMelaka dan jadi Ketua Perhubungan UMNO Melaka. Kalau rakyat yang dipujuk, dirayu, diminta atau digunakan

## RAHSIA MENGENAL DIRI

Apabila manusia tidak mengenal akan dirinya, timbulah berbagai masalah dalam hidup. Manusia yang terlalu mengejar kebendaan dan pangkat beginilah yang sedang dipengaruhi oleh pemimpin yang berlagak seperti Malaikat Mikail.

Seolah-olah rezeki manusia dalam tangannya. Manusia mati menyembahnya kalau tidak akibatnya nanti pendek rezeki. Ada kalanya berlagak macam Malaikatullimaut. Kalau orang tidak mengikut telunjuknya, kalau tidak berjaya merentap nyawa sekurang-kurangnya akan dikerjakan orang itu separuh maut.

Kalaupun orang Islam dapat mengenali dirinya sebelum mengenal Tuhan. Pemimpin-pemimpin jahil yang merasuk negara kita hari ini tentu tidak akan bermaharajalela membuat apa saja mengikut sesuka hati mereka.

yang pernah menonton sandiwara, bangsawan, filem dan apa sahaja buku yang berkaitan dengan drama hidup manusia tahu membeza secara kasar. Kenal melalui cerita yang mana orang jahat dan yang baik. Tidak semestinya orang yang jahat itu bermuka hodoh, berwajah buruk, dan tidak mesti orang yang baik itu mempunyai muka yang cantik dan handsome. Perbuatan dan amalan yang dilakukan setiap harilah yang dapat membuktikan jahat baik seseorang manusia.

Satu perkara yang kita semua tahu manusia bersifat pendendam, pengkhianat, busuk hati, kejam jelas terbayang dalam masa. Hati yang tidak ikhlas perasaan yang dengki iri hati tergambar dengan terang di air muka manusia yang keroh. Senyum senget yang tidak jujur, senyum yang dibuat-buat yang terukir dibibir yang disengajakan supaya senyum, boleh diketahui oleh orang yang memerhati dan suka meneliti.

Untuk pengetahuan pembaca yang belum berkesempatan membaca buku *Firasat* saya yang sudah empat kali ulang cetak dan sudah lebih 50,000 naskah dijual, ikutilah buku ini dengan teliti, banyak pengetahuan *Firasat* yang pembaca boleh pelajari.

Untuk mengetahui dan mengukur sejauh mana ikhlas dan jujur senyum yang diberikan oleh seseorang kepada anda, renongkanlah matanya semasa ia tersenyum. Kalau keriang, kemanisan dan keikhlasan tidak terbayang dimata, tidak juga ternampak wajah yang berseri di air muka, senyum itu adalah senyum tawar, tidak ikhlas, tidak bersungguh bukan lahir dari hati.

Monyet, ungka, orang hutan yang disusukkan oleh manusia dipelihara dari sejak keluar dari perut ibu sekalipun, perangai semua jadinya tidak berubah. Kerana binatang dikuasai oleh perasaan. Instink tanpa pertimbangan akal fikiran. Binatang tidak boleh jadi manusia, tapi manusia dengan senang boleh mengikut perangai kebinatangan.

Tidak Tuhan jadikan manusia dari semula-mulla kejadian, tidak juga Tuhan akan menganugerahkan manusia dengan semulla-mulla dan setinggi pemberian, iaitu akal dan fikiran, kalau Tuhan tidak menciptakan syurga dan neraka. Terfikir atau tidak harga akal fikiran yang dipunyai oleh manusia itu terserah pada pembaca. Akal fikiran yang baik tidak dapat dinilai dengan wang ringgit.

Banyak manusia yang cacat tubuh badan dan anggotanya, buruk paras rupa, menyerupal binatang-binatang, tapi tinggi budi

jadinya selalunya sederhana pula ia dalam semua hal. Selain dari mempunyai lain sifat yang telah saya sebutkan dibab yang lebih awal atau dibab yang seterusnya.

Tidak menjadi rugi kepada kita yang sanggup membuang masa mempelajari muka dan tubuh badan kita sebelum mengenali orang lain.

Rakyat patut mengenali pribadi pemimpin-pemimpin mereka. Bacalah buku *Firasat* untuk menolong anda membaca muka anda dan muka orang yang anda temui setiap hari. Ilmu *Firasat* menolong anda supaya jangan sesat. Ingat *Firasat*. *Firasat*.



## SIAPA GANTI GHANI ALI

Ghani Ali seorang pemimpin yang suka berkawan tidak kira orang Politik, Ahli Perniagaan atau Pegawai-Pegawai Kerajaan juga Penulis-Penulis tanah air.

Sebagai seorang Pemimpin dan telah ramai memimpin dan membimbing para intelek untuk menggantinya nanti.

Beliau berterus terang kepada saya yang kerusi Ketua Menteri itu dipinjamkan saja oleh Allah dan adalah haknya memulangkan kembali bila Allah menghendaknya.

Permintaan beliau, walaupun beliau terpaksa pergi seka-



**ENCIK AHMAD NORDIN MOHD. AMIN.**  
**Pegam yang menjadi Tokoh UNMO.**

Kalau dulunya di Melaka hampir semua Ahli-Ahli politik terdiri dari para guru. Sekarang sudah berubah. Encik Ahmad Nordin yang baru-baru ini telah diterima menjadi seorang Pegam adalah seorang Ahli politik yang aktif di dalam parti UMNO.

- 1962 – Pegawai Latihan di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar Kuala Lumpur
- 1963 – Bertukar ke Perak sebagai Pegawai Kemas Perak.
- 1965 – Meluka dan mengasaskan Rancangan Pelajaran Dewasa di Negeri Serawak (lebih kurang 5 bulan)
- 1965 – Balik bertugas di Negeri Perak
- 1965 – Di anugerahkan Pingat Pekerti Terpilih (PPT) Negeri Perak.
- 1972 – Hingga August 1973 bertukar ke Negeri Pahang sebagai Pegawai Kemas Negeri Pahang.
- 1973 – September hingga September 1976, bercuti tanpa gaji selama 3 tahun kerana melanjutkan pelajaran undang-undang di Middle Temple London dengan mendapat Biasiswa Pinjaman MARA Pada masa itu berumur 39 tahun.

### **SEMASA DI-LONDON:**

Bergerak Cergas dalam Gerakan Persatuan-Persatuan di United Kingdom:

1. Sama-sama menggubal undang-undang dan mengasaskan Perlembagaan Majlis Persatuan-Persatuan Pelajar Malaysia (MPPM) dan menjadi President MPPM United Kingdom selama 2 tahun.
2. Menjadi Timbalan President Persatuan Penuntut-penuntut Undang-undangt Malaysia di United K ingdum.
3. Sama-sama mengambil bahagian menggerakkan Kelab UMNO London. Mewakili UMNO London bagi tahun 1974 dan 1975 dalam Perhimpunan Agung UMNO Malaysia di Kuala Lumpur.

## PEMIMPIN MASA DEPAN



**A. RAHIM DATO TAMBYCHIK**

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kota Melaka, yang telah dipilih oleh Allah Yarham Tan Sri Syed Jaafar Albar, ke Exco Pemuda UMNO Malaysia.

Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Kuala Lumpur dalam Bahagian Penggalakan Dan Kemajuan Perniagaan (Business Development dan Promotion Division) untuk kira-kira 1½ tahun. Dalam masa ini juga, beliau telah berpeluang untuk mengikuti beberapa kursus lanjut professional seperti "Management accountancy".

6. Kira-kira pertengahan tahun 1974, beliau telah dipanggil balik ke Melaka untuk berkhidmat didalam Perbadanan Kemajuan Negeri sebagai Pengurus Projek, sehinggalah hari ini.
7. Berdasarkan hasrat untuk menyumbang bakti kepada masyarakat Melayu secara lebih berkesan, disamping galakan-galakan yang diberikan oleh beberapa tokoh-tokoh politik tempatan dan kawan-kawan termasuk YAB Tuan Haji Abdul Ghani Ali, Ketua Menteri Melaka dewasa ini; beliau telah pun menjadi ahli UMNO secara resmi pada awal 1976.
8. Dalam tahun yang sama juga, beliau telah bertanding dan memenangi jawatan Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kota Melaka. Beliau juga telah dilantik sebagai Bendahari bagi Bahagian UMNO Kota Melaka. Akhirnya, Allahyarham Tan Sri Jaafar Albar telah memilih beliau untuk menduduki Jawatankuasa EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.
9. Selain dari menjadi Pengerusi bagi Kelab Sukan dan Sosial Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, beliau juga adalah Pengerusi Biro Ekonomi Per. Pemuda UMNO Kota Melaka.
10. Setelah melawat seluruh dunia pada akhir tahun 1976 (Australia, New Zealand, USA, negara-negara Eropah dan Arab), beliau telah melibatkan diri dengan bagitu aktif dalam perkembangan-perkembangan politik Melaka khususnya dan tanahair amnya. Penglibatan beliau walaupun tidak secara terbuka tetapi amat mendalam dalam issue-issue seperti Gerakan Jayapuri, Estet Melayu dll. dll.

## **PEMIMPIN MASA DEPAN**



**ENCIK TEE CHENG YORK P.J.K.**

**Setiausaha & Ketua Pemuda M.C.A. Cawangan Semabok dan memegang 23 jawatan sukarela dan pertubuhan politik diMelaka.**

### **KELULUSAN & PENGALAMAN**

- 1. Bachelor of Economics (Hons.), University of Malaya.**
- 2. FELDA - Pengurus - 1970.**
- 3. Syarikat Kilang Nenas Tanah Melayu - Ekonomist & Pembantu Khas kepada Pengerusi Lembaga Jemah - 1971 - 1972.**

- 17 **Penolong Bendahari Persatuan Teh, Melaka.**
- 18 **Penolong Bendahari Persatuan Eng Choon (Bhg Pemuda), Melaka.**
- 19 **Naib Presiden Kanan Persatuan Softball, Melaka.**
- 20 **Ahli Jawatankuasa Gabungan Belia, Jasin.**
- 21 **Penasihat, Persatuan Pengakap Daerah Merlimau.**
- 22 **Setiausaha Kehormat Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia Cawangan Melaka.**
- 23 **Naib Presiden Lions Club Melaka.**
- 24 **Penasihat, Sekolah Py Min, Merlimau.**

Sebagaimana yang telah lama diketahui di kalangan penduduk-penduduk Negeri Melaka, Encik Gan Boon Leong AMN, PJK, PPM adalah seorang pemimpin di kesemua jenis kegiatan di Negeri Melaka, mahu pun di bidang politik dan kemasyarakatan bahkan juga di lapangan sukan dan pendidikan.

Encik Gan telah berkhidmat dan bergerak cergas di bidang politik bertahun-tahun lamanya. Usaha beliau menjayakan penubuhan dan pembentukan Pemuda Pemuda M.C.A. Negeri Melaka. Beliau adalah Naib Pengerusi M.C.A. Negeri Melaka, Ketua Pemuda Pemuda M.C.A. Negeri Melaka dan juga Penasihat bagi beberapa Cawangan M.C.A. di Negeri Melaka. Di bawah pimpinan beliau M.C.A. sudah semakin kukuh dan berkembang. Pergerakan dan pendirian Pemuda Pemuda M.C.A. sentiasa mendapat sokongan dan sanjungan daripada orang ramai.

Pelantikan Encik Gan sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat Perbandaran Melaka dan kemudian Ahli Majlis Perbandaran Melaka Tengah telah memberi kesempatan kepada beliau untuk menunjukkan kebolehannya mengatasi berbagai-bagai masalah. Beliau sanggup membantu, berkhidmat dan bekerja rapat dengan pemimpin-pemimpin lain dalam pelaksanaan projek-projek yang berfaedah bagi meninggikan taraf hidup rakyat Negeri Melaka, di samping mengujudkan semangat persefahaman, persaudaraan dan muhibbah; di kalangan rakyat yang terdiri daripada berbagai bangsa dan keturunan.

Beliau juga sentiasa berusaha dan bertindak terhadap kemajuan pendidikan Negeri Melaka. Misalnya, Telah mengutip wang derma sebanyak 40,000 ringgit untuk pembinaan bilik darjah yang baru bagi S.R.J.K. (Cina) Kampung Baru Bekoh pada tahun 1977. Selaku Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru S.R.J.K. (Cina) Pay Fong I Melaka. Beliau juga mengutip wang derma bagi Persatuan tersebut bertujuan membantu murid-murid sekolah yang miskin. Inilah antara amal baiknya.



## SIAPA SEBENARNYA YANG KOTOR ?

Orang boleh membunuh manusia dengan cara apa sekali pun dalam masa peperangan. Tujuan berperang ialah untuk menang. Dalam peperangan kalau tidak membunuh kita nanti akan dibunuh.

Kenapa kita mesti membunuh sesama manusia kalau kita boleh hidup berbaik dalam aman damai? Apa untungnya orang membunuh manusia kalau setakat memenohi nafsunya dan melepaskan dendam?

Setiap orang yang bersalah tidak akan dapat melarikan dirinya dari kesalahan yang telah sengaja dilakukan. Kesalahan menjadi selembur tali yang melilit tubuh manusia. Bila manusia sudah terlalu banyak membuat kesalahan, kakitangannya sudah

11 orang pemburu digunakan untuk menangkap Ghani Ali hidup atau mati siap dengan "reward"nya sekali.

Sayang pemburu-pemburu telah menangkap ayam yang berbulu harimau. Ayam terlepas, apa boleh buat tangan yang menangkap berbau tahi. Ghaffar tidak putus asa. Apa jadi hidup mati harimau Melaka ini mesti juga ditangkapnya. Ghaffar memilih keempat Ketua Bahagian untuk menggantikan Ketua Bahagian lama yang sudah digantung. Satu dari empat Ketua bahagian ini ialah orang yang pernah dipelihara oleh Ghaffar. Kucing jinak yang boleh menangkap tikus.

Orang kampung yang masih sayang pada harimau penunggu ini tidak akan membiarkan kucing yang dipelihara oleh Ghaffar untuk menggunakan tipu helah untuk memperdayakan harimau. Kalau mengikut dongeng masyarakat cukuplah sekali kucing menipu harimau dengan mengajar harimau memanjat dan diajar binatang besar ganas ini cara bagaimana hendak turun.

Beranian kucing ini berdepan dengan harimau? Biar apa pun terjadi /ghaffar akan perang! Ghani habis-habisan untuk membalas dendam kerana tidak menyokongnya. Tidak mengikut dan menurut telunjuknya.

Ada satu lagi sebab Ghani dimarahi dan dimurkai oleh Ghaffar. Walau pun hal ini dipandang kecil sahaja oleh setengah orang.

Sepatutnya Ghaffarlah pemimpin yang pertama mendapat bintang anugerah yang tertingi Melaka yang telah diberi kepada Datuk Hussein Onn yang membawa gelaran Tun Perak.

Peperangan Sri Linggi ini patut ditamatkan. Sudah sampai masanya berakhir. Dua G bergaduh satu Ketua Perhubungan Alor Gajah yang satu lagi Parlimen dua G ini sama kuat sama gagah walau pun diMelaka ini kelihatan G Melaka lebih kuat dan lebih ramal penyokong, dan bintang lebih terang. Yang menjadi mangsa nanti ialah rakyat yang tidak tahu hujung pangkal, rakyat yang tidak ada pendirian. Pemimpin kecil yang opturnist yang bersikap seperti lalang. Angin bertiup kekanan, kekananlah lenggoknya. Kalau kekiri angin bertiup berleenggok kekiri pulalah ia. Bagaimana kalau puting beliung, ribut yang datang dari atas, kiri dan kanan?

Walaupun krisis politik Melaka sudah kelihatan tenang dan damai, 8 orang UMNO yang cuba menggugat telah kembali kepangkuan Ghani Ali.

# Ketua-ketua UMNO tidak puashati

ALOR  
Terting...  
supaya menarik ba...  
Othman Abdullah  
tua Pentadbir UMN  
Alor Gajah.

Perpaduan ahli-ahli UMNO  
gian ini telah tergugat akibat  
yang kurang menyenangkan  
Datuk Haji Othman

# TARIK BALIK

Desak...  
ini telah dimuatkan dalam  
satu memorandum khas  
oleh ketua-ketua dan pen-  
ting-penting UMNO  
kawasan Masjid Tanah  
dalam bahagian Alor Gajah  
yang dihantar kepada Per-  
dana Menteri, Datuk Hus-  
sein Oni merangkap Pem-  
angku Presiden UMNO.

Salinan memorandum  
itu telah dihantar kepada  
Tumbehan Perdana Men-  
teri, Datuk Seri Doktor  
Mahathir Mohamed mer-  
angkap Ketua Perhubungan  
UMNO Negeri Melaka  
dan ahli-ahli Majlis Kerja  
Tertinggi UMNO.

Memorandum itu  
merangkamkan rasa kesal  
mereka diatas ucapan Da-  
tuk Haji Othman dalam  
satu majlis Maulud Nabi  
Muhammad SAW di Masjid  
Alir Limau, Masjid Tanah 24  
Februari lalu.

Datuk Haji Othman di-  
kritikan telah menyentuh  
keutuhan dan keperibadian  
wakil-wakil rakyat dan  
menteri-menteri serta  
menganggap dirinya sama  
seperi Nabi.  
"Nabi semata dituakan



DATUK HAJI OTHMAN  
ABDULLAH

itu, berikudah  
kekasaran...  
muda-pen...  
sabar lai...  
sang-pisa...  
untuk jam...  
pada Datu...  
den beber...  
dimeja VIP.

Memorand...  
yebut lagi, despa...  
Datuk Haji Othman itu se-  
cara tidak langsung telah  
membodoh-bodohkan ahli-  
ahli UMNO dihadapan  
orang-orang termasuk pen-

kekeruhan kepada krisis  
yang ada sekarang.

Memorandum tersebut  
menyebut seluruh ahli-ahli  
UMNO di Bahagian Alor  
Gajah adiah bernaib dan  
kukuh perhubungannya  
tetapi mereka tidak ber-  
kehendakkan Datuk Haji  
Othman sebagai pemimpin  
bagi mentadbirkan baha-  
gian itu.

Uth... demikian Majlis  
Kerja Tertinggi UMNO  
khasnya, Pemangku Presi-  
den, Datuk Hussein Oni  
supaya mencari seorang  
pemimpin baru yang ber-  
betul berkec...  
hadapi...

# OTHMAN

itu dibad ber-  
... dengan langkah ahli-  
... jawatan-kusa baha-  
... meninggalkan me-  
... yang diper-  
... geruskan oleh, Datuk Haj  
... Othman, setelah timb-  
... sedikit pertalaha-

Lama-mana sangat manusia mengembara didunia dari zaman bayi, zaman kanak-kanak kealam remaja seterusnya kehari tua. Sesudah itu tamatlah cerita. Sebagai hamba Allah yang percaya pada hari kiamat, mengembara kesana pula kita semua. Disanalah yang lama. Terserahlah pada kita kalau hendak menukarkan barang pinjam sekejap dengan yang lama, kekal dan berharga.

Kalau saja para pembaca mahu mencari akan ketemui didalam buku ini watak-watak manusia yang sangat menarik hati. Dari petani disawah, pegawai kerajaan dipejabat pejabat, Yang Berhormat Wakil Rakyat, Ketua Menteri hinggalah Perdana Menteri. Mereka ini tidak lebih dari manusia.

Mana ada manusia yang pandai puas. Manusia tidak pernah cukup dan tidak pernah puas. Banyak mana dia dapat dia mahu lebih. Biarpun Ulamak sendiri. Biarpun dia seorang Wali, dia tidak akan puas, kalau setakat masuk syurga pertama, dia mahukan syurga ketujuh. Orang-orang Mukmin mahukan dirinya menjadi orang yang paling dekat dengan Allah.

Sebagai makhluk yang lemah yang tidak berupaya diatas dirinya tidak ada orang jahil dan jahat yang meminta dirinya dihumbankan kedalam neraka. Mentelah lagi keneraka ketujuh. Pada hal dalam membuat kejahatan, kezaliman, kekejaman dia mahu melebihi semua orang. Biar orang tahu dia paling jaguh, paling berkuasa. Manusia semua mesti takut dan tunduk padanya.

Kalau saja para pembaca mahu bertanya pada diri sendiri. Kenapa kita mesti takut dengan orang yang gagah, kuat, zalim, kejam, salah menggunakan kekuasaan yang Tuhan pinjamkan padanya, sedangkan dia pun akan mati akhirnya.

Kita tidak boleh takut kalau kita sudah mengetahui setiap orang juga tahu takut. Cuma benda, tempat, waktu dan peringkat takutnya yang berlainan.

Kalau zaman Melaka dulu Hang Tuah dan Jebat pendekar yang namanya kekal menjadi sebutan hingga kehari ini walaupun gambarnya tidak dapat kita lihat, kedua-dua pendekar "G" ini tidak kurang hebatnya. Nampaknya sanggup mati dalam gelanggang. Alor Gajah tempat pertarungan dua "G" Ghaffar/Ghani. Kasihan, kenapalah diAlor yang ditinggalkan dek Gajah disebuah Daerah dalam negeri Melaka jadi tempat pertarungan antara dua pendekar "G".

Biar apa pun terjadi suatu hari juga kedua-dua pemimpin ini akan pergi meninggalkan kita semua. Terutama rakyat Melaka dan umat Melayu Malaysia.

Yang penting sekarang apa yang akan ditinggalkan sesudah mereka pergi?

Amanat Ghaffar "Orang Melayu tidak bersatu, sejak dari dulu lagi orang Melayu tidak bersatu. Demikian ditegaskan oleh Setiausaha Barisan National, Encik Ghaffar Baba semasa beliau memberi ceramah diUSM beberapa hari lalu.

**(Rencana ini dipetik dari Sekop minggu ini oleh Baharuddin Ahmad.) Mingguan Timur. Ahad 5hb. March, 1978.**

Memang orang Melayu tidak bersatu. Orang Melayu tidak bersatu dalam kampung, orang Melayu tidak bersatu dalam Bandar. Orang Melayu tidak bersatu dalam rumah, dalam keluarga, kalangan adik beradik dan sebagainya.

Orang Melayu tidak bersatu dalam Syarikat Kerjasama. Orang Melayu tidak bersatu dalam berniaga. Dan orang Melayu tidak bersatu dalam politik. Sebab itu ada UMNO, dan ada pula PAS. Ada PSRM. Ada DAP. Dan ada lain-lain. Semua parti ini ada anggota Melayu, selain dari PAS dan UMNO yang khususnya untuk orang Melayu.

terkeluar dari 38 plot biar bagaimana hebat sekali pun.

Ghaffar dan Ghani pelakun utama dalam bangsawan perang diKuala Linggi dalam tahun 1978. Melaka menjadi puterinya.

ghaffar anak desa yang telah dikahwinkan dengan Melaka janda mudah yang ada benda. Yang digilakan satu ketika, cinta pertama.

Ghaffar bercita tinggi, bernafsu besar bila ternampak saja ada perempuan lebih cantik, lebih kaya, lebih lawa dan bergaya. Ghaffar lupa diri. Lupa anak bini, berkahwin satu lagilah ia dengan perempuan muda dikatakan janda, tidak ada surat nikah. Hendak dikatakan anak dara, banyak sangat orang yang berkongsi. Itulah Malaysia namanya.

Yang penting dalam hati Ghaffar mesti ambil juga ini perempuan nama Malaysia. Kalau tidak boleh nikah, kahwin pun tidak apa. Kalau tidak boleh lama sekejap, tidak apa.

Dipendekkan cerita. Pemuda kampung yang dilbaratkan mempunyai selimut pendek ditarik keatas kaki sampai ditutup kaki kepala nampak. Dapat memiliki siMalaysia. Tetapi sayang seribu kali sayang cuma sekejap saja. Dipinjam saja. Kerana perempuan yang namanya Malaysia ini menjadi rebutan jagoh-jagoh. Ghaffar tidak putus asa, cuma frust saja.

Ghaffar Baba yang sedang asyik mabuk dengan perempuan yang dinamakan Malaysia itu tidak kisah dengan siMelaka janda muda ada benda. Dipendekkan cerita lagi, Melaka dikahwinkan dengan orang tua yang lurus tetapi tidak berupaya, tidak berapa kaya, mereka bercerai.

Walaupun Melaka sudah jadi janda orang satu hari jandanya juga. Hati itu tetap sayang. Hendak dimadukan Melaka tidak mahu. Pilihlah Ghaffar antara dua, Ghaffar tetap dengan Malaysia.

boleh dibuat oleh manusia saja, tidak lebih dari itu. Manusia tidak berkuasa atas diri manusia melainkan Allah.

8-3-1978. Saya meninggalkan bumi Melaka. Ghani Ali masih terlantar sakit dalam hospital, hendak minta komen sikif pasal perang diKuala Linggi, takut orang tua itu terkejut.

Sebagai mengingatkan orang tua, kedua Pak Cik Ghaffar dan Pak Cik Ghani. Marah bukan hak manusia "Marah sesaat boleh membawa sesalan seumur hidup". Tanpa izin Allah dan kehendaknya, buku Perang DiKuala Linggi ini tidak akan lahir untuk tatapan manusia. begitu jugalah lain-lain orang yang kisahnya terdapat dalam buku bertuah ini. Sebagai orang Islam kepada saudara Islamnya saya mengucapkan salam sejahtera bermohon ampun dan maaf agar terdapat salah dan silap yang tidak saya sengajakan. Semuga Allah mengampunkan kita semua dan memberi kita berkat. Amin Ya Rabbul 'alamin.

**"Kepada Allah Saya Berserah"**

Mana-mana pemimpin yang menipu rakyat-nya  
maka tertutup pintu syurga baginya.

*Alhadith*



Biar hujan turun dengan lebat, biar kami semua basah, asal Ghani Ali terus memimpin Melaka. Sebahagian dari wanita UMNO Melaka ini memegang sepanduk-sepanduk menyukung Haji Ghani Ali Ketua Menteri Melaka.






Tan Sri Osman Saat, Menteri besar, Johor sedang membinchangkan Sesuatu dengan S.H. Alattas Pengurus Produksi juga Pelakun filem "Penagih Dadah" Dibelakang Tan Sri ialah Setia Usha Kerajaan Johor. Turat Serta menyaksikan "tayangan Percubaan" ialah Pegawai Pegawati tinggi Kerajaan dan Para Wartawan gambar oleh "Sin Chew Jit Poh" 27-3-1978

## APA ADA DIDALAM

Daftarisi	Muka Surat
1	Manusia Istemewa 9
2	Pendahuluan Kata 11
3	Mengapa Buku ini di tulis 16
4	Apa Orang melayu melaka ada 21
5	Kebun Melayu 28
6	Siapa Ghani Ishak yang Sebenarnya 67
7	Ahmad Isnin menentang Estate Melayu 75
8	Manusia dengan Kaldai 78
9	Memorendam Gang II 82
10	Jangan jadi Saksi Pembohong 88
11	Pemimpin Pendusta Rakyat Binas 94
12	Pesan Datuk Lee San Choon 99
13	Perdana Menteri jadi Tun Perak 109
14	Firasat Datuk Hussien Onn 115
15	Lahirnya Saorang Pemimpin 119
16	Melayu diabad 20 140
17	Kenapa jadi Professor? 146
18	SingahSana Pengambara 157
19	Siapa Gaffar Baba 171
20	Rakyat Melaka Mahukan Pemimpin yg berkalibar 175
21	Rashia Mengenal diri 184
22	Siapa Ganti Ghani Ali 191
23	Siapa Sebenarnya yg Kotor 197
24	Kata Penutup 218
25	Apa ada didalam

↓

# TAK KENAL MAKA TAK CINTA



S. H. ALATTAS  
(Pak Belalang Moden)

**m**engajar anda menelek semua muka yang anda tengok setiap hari. Anda boleh tahu, buruk baik tuah sial, untung malang lokek murah hati dengan hanya memandang muka sahaja, itulah FIRASAT' (Rashia Mengenal diri Sendiri) Jadikan diri anda seorang Ahli Firasat dan ketahwilah Rashia Manusia.

Bacalah buku ini dan minta pada Allah yang amat pemurah lagi amat mengasihani.

Guru dan teman yang paling baik ialah "Buku", jangan sayang duit untuk menambah pengetahuan yang berguna, orang yang berilmu percaya pada dirinya sendiri, akan merasa senang kemana saja ia pergi.

Demi masa manusia sentiasa didalam kerugian. Melainkan mereka yang mengenal diri dan mengenal tuhan.